

ADVANCING INCLUSIVE BANKING

MELUASKAN PERBANKAN INKLUSIF



LAPORAN TAHUNAN 2019
ANNUAL REPORT





MELUASKAN PERBANKAN INKLUSIF


Melangkah lebih jauh dalam meluaskan perhubungan, Bank Simpanan Nasional terus mempertingkatkan produk-produk dan perkhidmatannya agar lebih inklusif. Kulit muka hadapan yang dinamik untuk laporan tahun ini menunjukkan bayangan pihak berkepentingan yang sedang maju ke hadapan, berlatarkan bangunan kami. Ini mencerminkan komitmen teguh kami dalam memastikan pertumbuhan dan kemajuan yang berterusan. Ikon-ikon grafik yang saling berhubung mencerminkan gabungan pelbagai strategi ke arah mencapai satu matlamat iaitu keterangkuman kewangan, manakala gambar-gambar lain mencerminkan nilai positif yang disampaikan kepada pihak-pihak berkepentingan.

DALAM LAPORAN INI

- | | | |
|---|---|--|
| 2 Seimbas Lalu
At a Glance | 9 Anugerah dan Pengiktirafan
Awards and Recognition | 46 Pencapaian Peranan
Pembangunan/Dimandatkan
Developmental/Mandated
Achievements |
| 4 Nilai-Nilai Murni
Core Values | 10 Carta Organisasi
Organisation Chart | 48 Tinjauan Strategik
Strategic Outlook |
| 5 Visi dan Misi
Vision and Mission | 14 Kenyataan Timbalan Pengerusi
Deputy Chairman's Statement | 53 Laporan Aktiviti
Activity Report |
| 6 Piagam Pelanggan
Clients' Charter | 24 Lembaga Pengarah
Board of Directors | 70 BSN Care
BSN Care |
| 7 Struktur Korporat
Corporate Structure | 26 Profil Lembaga Pengarah
Board of Directors' Profile | 72 Sorotan Media
Media Highlights |
| 8 Profil Korporat
Corporate Profile | 37 Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee | |
| | 40 Pengurusan
Management | |

ADVANCING INCLUSIVE BANKING

Going further in expanding our reach, Bank Simpanan Nasional is making steady progress in enhancing our products and services for greater inclusivity. This year's dynamic cover shows the silhouettes of stakeholders on the move, against the backdrop of our building. This reflects our steadfast commitment towards ensuring constant growth and progress. The interconnected graphic icons depict the integration of different strategies towards one shared goal of financial inclusion, while the photos portray positive value delivered to myriad stakeholders.



INSIDE THIS REPORT

- 76 Penyata Tadbir Urus Korporat**
Statement on Corporate Governance
- 83 Penyata Pengurusan Risiko**
Risk Management Statement
- 90 Kenyataan Audit Dalaman**
Internal Audit Statement
- 91 Laporan Jawatankuasa Syariah**
Shariah Committee Report
- 93 Penyata Kewangan**
Financial Statements

Ikuti 3 langkah mudah bagi mengimbas 'QR Code' seperti berikut:
Follow 3 easy steps to scan the 'QR Code' as follows:



Muat turun aplikasi 'QR Code Reader' di App Store atau Google Play
Download the 'QR Code Reader' on App Store or Google Play



Lancarkan aplikasi 'QR Code Reader' dan halakan kamera kepada kod QR
Run the 'QR Code Reader' app and point your camera to the QR Code



Dapatkan akses kepada salinan laporan tahunan, dan maklumat syarikat
Get access to the soft copy of our annual report, and corporate information



Versi salinan
Laporan Tahunan BSN 2019
Soft copy of
BSN Annual Report 2019

SEIMBAS LALU AT A GLANCE

BSN menawarkan perkhidmatan perbankan yang komprehensif merentasi komuniti bandar, luar bandar dan pedalaman di Malaysia melalui rangkaian cawangan BSN dan Ejen Perbankan BSN (EB BSN) yang meluas dalam memastikan keterangkuman kewangan ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat Malaysia.

BSN offers comprehensive banking services across urban, rural and remote communities in Malaysia through an extensive network of BSN branches and BSN Banking Agents (EB BSN) in ensuring financial inclusivity towards improving the well-being and quality of life of Malaysians.





PENDAPATAN
REVENUE

RM2.1
BILION
BILLION




PENDAPATAN BERSIH
NET INCOME

RM1.5
BILION
BILLION



LEBIH
OVER

7,000
KAKITANGAN
EMPLOYEES



728 **MESIN TELER AUTOMATIK (ATM)**
AUTO TELLER MACHINES (ATM)

360 **MESIN DEPOSIT TUNAI**
CASH DEPOSIT MACHINES (CDM)

LEBIH DARIPADA
MORE THAN

4,000



EJEN BANK BSN (EB BSN)
BSN BANKING AGENTS
(EB BSN)



DEPOSIT DAN
SIMPANAN
DEPOSITS
AND SAVINGS

RM28.7
BILION
BILLION



JUMLAH TRANSAKSI
EB BSN
TOTAL TRANSACTION
OF EB BSN

RM13
BILION
BILLION




KEUNTUNGAN
SELEPAS
CUKAI DAN ZAKAT
PROFIT AFTER TAX
AND ZAKAT


RM308.6
JUTA
MILLION




C



A



R



E

NILAI-NILAI MURNI CORE VALUES

Di BSN, cara kerja dan tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:



KOMITED COMMITTED

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

We are committed to excellence in all that we do.



CERDAS & TANGKAS AGILE

Kami menjangkakan arah aliran pasaran dan memanfaatkan peluang.

We anticipate market trends and leverage on opportunities.



MENGHORMATI RESPECTFUL

Kami hargai kepelbagaian antara orang ramai, idea dan sudut pandangan serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.



BERETIKA ETHICAL

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.



VISI

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

DiBSN, kami berhasrat untuk memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dengan memungkinkan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian yang meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

VISION

No Malaysian Left Behind

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.



MISI

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

MISSION

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:



PIAGAM PELANGGAN

CLIENTS' CHARTER

BSN komited sepenuhnya dalam menyediakan perkhidmatan dan produk berkualiti tinggi yang layak diterima oleh setiap warga Malaysia.

BSN is totally committed in providing high quality service and products that every Malaysian deserves.



Pelanggan adalah keutamaan kami.

Customers are our main priority.



Menyediakan perkhidmatan yang memuaskan pelanggan kami dan terus memberi keyakinan terhadap Bank kami.

We will provide services that satisfy our customers and continuously instill confidence in our Bank.



Sentiasa konsisten dalam memberikan Produk dan Perkhidmatan berkualiti tinggi.

We will consistently deliver Products and Services of high quality.



Maklumat yang diberikan adalah jelas dan lengkap.


We will deliver clear and sufficient information.



Menyediakan persekitaran perbankan yang selesa dan selamat.

We will provide a safe and comfortable banking environment.

STRUKTUR KORPORAT CORPORATE STRUCTURE



Pegangan BSN di dalam Anak Syarikat/Syarikat Bersekutu pada 31 Disember 2019
BSN's holdings in Subsidiary/Associate Companies as at 31 December 2019

PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE

“Bank Simpanan Nasional merupakan suatu cara baharu dalam usaha kita untuk menanam tabiat berjimat cermat supaya rakyat akan lebih digalakkan untuk menyimpan wang mereka. Ia akan mengekalkan standard tinggi Bank Simpanan Pejabat Pos dan pada masa yang sama, membawa beberapa perubahan mengikut aliran masa kini.

Saya harap dengan pelancaran Bank Simpanan Nasional hari ini, ia akan membangun sebagai sebuah institusi simpanan utama dan akan mengembangkan kempen simpanan kerajaan, satu langkah mengawal inflasi dan mempercepatkan proses pembangunan negara.

Oleh itu, Bank Simpanan Nasional mempunyai peranan penting dalam kehidupan rakyat dan pembangunan negara.”

YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein
– 1 Disember 1974

“Bank Simpanan Nasional represents a new approach in our efforts to instill thrift so that the people will be encouraged to save their money. It will maintain the high standards of the Post Office Savings Bank and at the same time bring several changes in keeping with the present time.

I hope that with the launch of Bank Simpanan Nasional today, it will develop as a major savings institution and will expand the savings campaign of the government, an anti-inflationary move and quicken the pace of national development.

Therefore, Bank Simpanan Nasional has an important role in the lives of the people and national development.”

YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein
– 1 December 1974

DIBANGUNKAN OLEH RAKYAT MALAYSIA, DIGERAKKAN OLEH RAKYAT MALAYSIA, UNTUK RAKYAT MALAYSIA

Bank Simpanan Nasional (BSN) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Disember 1974 dan dirasmikan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Penubuhan ini diiringi dengan mandat yang jelas ke arah mempertingkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia menerusi penggalakan pembangunan simpanan dan pelaburan dalam kalangan rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang. Sehingga hari ini, BSN terus mendokong objektif inklusif ini dan berpegang kepada prinsip korporatnya iaitu ‘Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan’.

Didorong oleh hasrat untuk menyediakan akses perkhidmatan perbankan yang menyeluruh untuk setiap rakyat Malaysia, BSN komited untuk terus berinovasi dan menawarkan lebih banyak produk, perkhidmatan dan kemudahan – dengan memastikan akses mudah diperolehi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sepanjang penubuhannya, BSN secara konsisten telah menyediakan platform perkhidmatan kewangan dan infrastruktur menyeluruh yang mudah diakses untuk para pelanggannya, ditunjangi oleh pengurusan kewangan yang kukuh dan telah terbukti setelah sekian lama. Selain itu, BSN juga beriltizam untuk membina masa hadapan yang mapan untuk negara, dengan menerapkan budaya menyimpan menerusi kempen-kempen, program-program serta aktiviti yang melibatkan kumpulan sasaran utama.

Pada hari ini, BSN memacu kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia selaku salah sebuah institusi kewangan utama negara yang memiliki lebih 7,200 kakitangan dan disokong oleh 390 cawangan, 38 Pusat Kewangan Mikro, 728 Mesin Juruwang Automatik (ATM), 360 Mesin Deposit Tunai (CDM) dan lebih 4,000 Ejen Bank BSN atau EB BSN berdaftar di seluruh negara (setakat 31 Disember 2019). BSN memberi perkhidmatan kepada lebih 9 juta rakyat Malaysia di seluruh negara dengan deposit dan simpanan berjumlah RM15 bilion.

Bank memanfaatkan trend dan teknologi terkini untuk kekal tangkas dan relevan dalam persekitaran yang sentiasa berubah dan memastikan peluang-peluang perbankan yang saksama dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia, dahulu, kini dan selamanya.

DEVELOPED BY MALAYSIANS, DRIVEN BY MALAYSIANS, FOR MALAYSIANS

Bank Simpanan Nasional (BSN) was officially established on 1 December 1974 and launched by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, the second Prime Minister of Malaysia. The establishment comes with a clear mandate towards improving the economic welfare of all Malaysians by encouraging the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life. The Bank has stayed true to this inclusive objective and until today embraces ‘No Malaysian Left Behind’ as a corporate maxim.

Driven to provide every Malaysian access to comprehensive banking services, BSN is committed to continuously innovate and offer more products, services and ready facilities – ensuring easy access even for those living in rural or remote areas. Through the years, BSN has steadfastly provided an easily accessible integrated platform of financial services and infrastructure for its customers, anchored in sound financial management that has withstood the test of time. Beyond this, BSN invests in building a sustainable future for the nation, embedding a savings culture through campaigns, programmes and activities that engages with core target groups.

Today, BSN is uplifting the economic well-being of Malaysians as one of the nation’s leading financial institutions with over 7,200 employees supported by 390 branches, 38 Microfinance Centres, 728 Automated Teller Machines (ATMs), 360 Cash Deposit Machines (CDMs) and over 4,000 BSN registered Banking Agents (Ejen Bank BSN or EB BSN) across the country (as at 31 December 2019). BSN serves over 9 million Malaysians across the country with deposits and savings amounting to RM15 billion.

The Bank harnesses trends and technologies to stay agile and relevant in a constantly evolving environment, ensuring equitable banking opportunities are at the beck and call of every Malaysian, from the past, present and future.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN AWARDS AND RECOGNITION





1. **BSN diiktiraf sebagai Majikan Sah ACCA**
Majikan yang diiktiraf oleh Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
BSN certified as ACCA Approved Employer
Approved Employer by Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
2. **Kad Affinity Islamik Terbaik**
Malam Penghargaan MasterCard
Best Islamic Affinity Card
Mastercard Appreciation Night
3. **Peneraju Majikan Siswazah 100 Terbaik Malaysia 2019**
Peneraju Majikan Siswazah 100 Terbaik Malaysia 2019 (Kedudukan ke-55 Keseluruhan)
2019 Malaysia's 100 Leading Graduate Employers
Malaysia's 100 Leading Graduate Employers 2019 (55th Overall Ranking)

4. **Pertumbuhan Volum Pembayaran Tertinggi untuk Debit Pelanggan**
Anugerah Bank Visa Malaysia 2018/2019
Highest Payment Volume Growth for Consumer Debit
Visa Malaysia Bank Awards 2018/2019
5. **Top FI Partner 2018 (IMSME)**
Majlis Anugerah SME 2018
Top FI Partner 2018 (IMSME)
SME Awards Ceremony 2018
6. **Top FI Partner 2018 (Kategori DFI)**
Majlis Anugerah SME 2018
Top FI Partner 2018 (DFI Category)
SME Awards Ceremony 2018
7. **Top FI Partner 2018 (Kategori Bumiputera)**
Majlis Anugerah SME 2018
Top FI Partner 2018 (Bumiputera Category)
SME Awards Ceremony 2018

CARTA ORGANISASI

ORGANISATION CHART









MEMAJUKAN INOVASI

ADVANCING INNOVATION

BSN memajukan inovasi bagi mempertingkatkan penglibatan dan kepuasan pelanggan di kala kami menjalani transformasi menjadi bank berprestasi tinggi. Inisiatif-inisiatif akan datang termasuklah usaha digitalisasi bagi menambah baik dan mengoptimumkan proses-proses dalaman, mereka semula laman sesawang *myBSN*, mempertingkatkan Perbankan Internet *myBSN* dan urus niaga EB BSN dengan menambah lebih banyak perkhidmatan nilai tambah.

BSN is advancing innovation to improve customer engagement and satisfaction as we transform into a high-performance driven bank. Upcoming initiatives include harnessing digitalisation to improve and optimise internal processes, revamp *myBSN* website, enhance *myBSN* Internet Banking and EB BSN transactions with more value added services.

KENYATAAN TIMBALAN PENGGERUSI DEPUTY CHAIRMAN'S STATEMENT

+21.7%



Keuntungan Bersih
Net Profit

RM308.6



juta/million

Keuntungan Selepas Cukai dan Zakat
Profit After Taxation and Zakat

RM2.1



bilion/billion

Pendapatan
Revenue

Sejak penubuhannya empat (4) dekad lalu, BSN terus komited dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. BSN sentiasa menyemak dan memperbaiki tahap perkhidmatannya agar selari dengan perubahan-perubahan dalam landskap perbankan. Pada 2019, di sebalik kelembapan ekonomi dunia, BSN terus kekal kukuh. BSN dipandu oleh Pelan Strategik Korporat tiga tahunnya iaitu STEP21 ke arah mencapai aspirasi 2021 '*Customer Centricity at the Heart of BSN*', untuk mencapai kemampanan kewangan tanpa menjejaskan mandat yang diberikan kepada kami. Sejajar dengan objektif ini, kami akan terus memastikan bahawa produk-produk dan perkhidmatan BSN terus memenuhi permintaan pelanggan, terutamanya masyarakat yang kurang berkemampuan dan penyimpan kecil, dalam landskap perbankan yang terus berubah mengikut arus perkembangan teknologi digital.

For over four (4) decades since its establishment, BSN has remained committed to enhancing the quality of lives for all Malaysians. The Bank constantly reevaluates and redefines its service levels to keep up with changes in the banking landscape. In 2019, amidst the challenges of a global economic slowdown, BSN remained resilient. BSN is guided by its three-year Corporate Strategic Plan namely STEP21 towards achieving the 2021 aspiration of having '*Customer Centricity at the Heart of BSN*', to be sustainable financially while not forgoing the mandate entrusted to us. In line with this objective, we will continue to ensure that the Bank's product and service offerings continue to meet the demands of customers, particularly the underserved communities and small savers, in the rapidly changing banking landscape in line with digital technology.

“ Kami akan terus memastikan bahawa produk-produk dan perkhidmatan BSN terus memenuhi permintaan pelanggan, terutamanya masyarakat yang kurang berkemampuan dan penyimpan-penyimpan kecil, dalam landskap perbankan yang terus berubah mengikut arus perkembangan teknologi digital.

We will continue to ensure that the Bank's product and service offerings continue to meet the demands of customers, particularly the underserved communities and small savers, in the rapidly changing banking landscape in line with digital technology.

”

Razali Othman

Timbalan Pengerusi, Bank Simpanan Nasional
Deputy Chairman, Bank Simpanan Nasional

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Bank Simpanan Nasional (BSN) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

On behalf of the Board of Directors, it is my pleasure to present to you the Annual Report of Bank Simpanan Nasional (BSN) for the financial year ending 31 December 2019.



KENYATAAN TIMBALAN Pengerusi DEPUTY CHAIRMAN'S STATEMENT

TINJAUAN LANDSKAP EKONOMI & PERBANKAN DOMESTIK 2019

Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan sebanyak 4.3% pada 2019 daripada 4.7% pada 2018. Penurunan eksport disebabkan oleh perang dagangan Amerika Syarikat-China terus melemahkan sentimen dagangan global dan menyebabkan ketidakpastian dalam pasaran kewangan.

Ekonomi domestik juga terjejas akibat gangguan bekalan dalam sektor komoditi pada separuh tahun kedua 2019. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pada tahun ini menyaksikan sebahagian besarnya dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang berdaya tahan dengan catatan pertumbuhan sebanyak 6.2%. Perbelanjaan isi rumah memacu pertumbuhan keseluruhan, disokong oleh pasaran buruh dan pendapatan berterusan.

Belanjawan 2020 menggambarkan komitmen kerajaan dalam memacu transformasi digital, seperti yang dibuktikan dengan pelaksanaan Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Pelbagai teknologi akan terus memacu transformasi digital dalam sektor perkhidmatan kewangan demi kesejahteraan bersama. Ini juga sejajar dengan aspirasi Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memacu rangkaian kewangan bagi segmen-segmen masyarakat yang kurang berkemampuan dengan memanfaatkan teknologi digital.

Pada hari ini, terdapat akses yang lebih baik untuk produk-produk dan perkhidmatan kewangan berbanding sebelumnya dan BSN berbangga kerana menjadi salah sebuah bank di Malaysia yang menerajui inisiatif rangkaian kewangan ini.

PRESTASI BSN PADA 2019

Sebagai sebuah bank dengan objektif menerapkan amalan menyimpan dan berjimat cermat, BSN berhasrat untuk memudahkan akses setiap rakyat Malaysia dengan produk-produk dan perkhidmatan perbankan, tanpa ada rakyat Malaysia yang ketinggalan. Walau bagaimanapun, untuk mencapai hasrat ini, BSN harus kekal kukuh dalam menjana pendapatan bagi menjamin pertumbuhan jangka panjang di samping terus memenuhi mandat sosial kami.

Bank mencatatkan keuntungan selepas cukai dan zakat berjumlah RM308.6 juta, dengan pendapatan sebanyak RM2.1 bilion. Peningkatan dalam keuntungan bersih sebanyak 21.7% ini adalah sejajar dengan pertumbuhan konsisten dalam segmen perniagaan teras kami termasuklah perbankan runcit. Secara keseluruhannya, kami mencatatkan pertumbuhan pembiayaan sebanyak 10.6% bagi tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya walaupun dalam keadaan ketidakpastian pasaran semasa. Kami percaya bahawa pertumbuhan segmen pembiayaan ini adalah dipacu oleh pelbagai inisiatif kerajaan, terutamanya dalam mempromosikan pemilikan rumah mampu milik untuk segmen masyarakat dengan pendapatan isi rumah di bawah RM2,500 (B40). Pelbagai kempen dan inisiatif juga telah dilaksanakan oleh BSN sepanjang 2019 seperti Kempen Pemilikan Rumah, Skim Sewa Beli, Pembiayaan Mikro, Pinjaman Peribadi dan Kad Kredit.

2019 DOMESTIC ECONOMIC & BANKING LANDSCAPE REVIEW

Malaysia experienced a slower economic growth of 4.3% in 2019 from 4.7% registered in 2018. The fall in exports due to the United States-China trade war continues to dampen global trade sentiments and caused uncertainties in the financial market.

The domestic economy was also affected by supply disruptions in the commodities sector in the second half of 2019. However, growth for the year was mostly fuelled by resilient private sector spending which recorded a growth of 6.2%. Household spending provided support to overall growth, anchored by a supportive labour market and sustained income.

Budget 2020 reflects the government's commitment in driving digital transformation, as evidenced by the implementation of the National Fibreisation and Connectivity Plan (NFCP). Various technologies will continue to drive digital transformation in the financial services sector for a shared prosperity. This is also in line with Bank Negara Malaysia's (BNM) aspiration to drive financial inclusion for underserved segments of society by leveraging on digitalisation.

Today, individuals have greater access to financial services and products than ever before, and BSN is proud to be at the forefront among the banks in Malaysia that spearheading this financial inclusion initiative.

BSN PERFORMANCE IN 2019

As a bank with the objective of inculcating the habit of savings and thrift, BSN aspires for every Malaysian to have access to banking products and services, with no Malaysian left behind. However, in order to do this, the Bank must continue to have resilient revenue generation to ensure long term growth while continuing to serve our social mandates.

The Bank recorded a profit after taxation and zakat amounting to RM308.6 million, with revenue of RM2.1 billion. The increase in our net profit of 21.7% is in line with the consistent growth shown in our core business segment which includes retail banking. Overall, we recorded a 10.6% growth in financing for the year 2019 as compared to the previous year despite uncertainties in the current market. We believe that growth in the financing segments has been possible through various initiatives provided by the government, primarily in promoting affordable home ownership for the segment of society living below RM2,500 of household income (B40). Various campaigns and initiatives were also undertaken by BSN throughout 2019 such as Home Ownership Campaigns, Hire Purchase Schemes, Micro Finance, Personal Loans and Credit Cards.

Hasil daripada kesemua inisiatif ini, pertumbuhan aset pembiayaan terus dipacu oleh Pembiayaan Peribadi (RM1.098 bilion), Pembiayaan Perumahan (RM876.0 juta) dan Sewa Beli (RM336.2 juta).

Dalam mengangkat Malaysia sebagai sebuah pusat perkhidmatan kewangan Islam bertaraf dunia menjelang 2020, BSN telah menerima perhatian dan sokongan yang kukuh daripada pihak kerajaan dan BNM bagi mencapai misi tersebut. Ini termasuklah dengan membantu pertumbuhan Perbankan Islam di BSN, yang mana kini menjadi penyumbang utama kepada keuntungan keseluruhan Bank. Hasil strategi dan usaha berterusan BSN dalam meningkatkan portfolio Perbankan Islam, BSN telah mencatatkan sumbangan sebanyak 72.3% daripada Pembiayaan Islamik dan 65.0% daripada Deposit Islamik pada tahun 2019.

INISIATIF STRATEGIK UNTUK TAHUN TINJAUAN

Inisiatif strategik yang dilaksanakan pada 2019 dipandu oleh pelan strategik tiga tahun BSN, STEP21, yang dirangka dengan tujuan untuk memberikan pengalaman dan nilai terbaik bagi para pelanggan kami. Di bawah STEP21, BSN akan terus berinovasi dan memperbaiki interaksi dengan para pelanggan bagi meningkatkan kepuasan pelanggan dan memperoleh kesetiaan berterusan. STEP21 adalah singkatan bagi empat teras pelan strategik kami iaitu *'Sustainably Grow Revenue'*, *'Transform into a High-Performance Driven Bank'*, *'Enhance the Core Towards Digitalisation and Bank's Operations'*, dan *'Put Customer First'*. Dalam tiga tahun akan datang, pertumbuhan perniagaan akan diterajui oleh pasukan jualan yang lebih mantap dan inovasi produk yang memenuhi keperluan pelanggan. BSN akan melaksanakan usaha untuk memperbaiki dan mengoptimumkan proses-proses dalaman, masa perkhidmatan dan meningkatkan platform teknologi. Kami juga akan menilai semula dan menyelaraskan budaya organisasi kami agar sejajar dengan visi, misi dan nilai-nilai teras kami.

Produk-produk, Perkhidmatan dan Kerjasama Baharu

Beberapa produk pembiayaan baharu telah dilancarkan pada 2019 termasuk BSN *MyRinggit-i* Amanah Saham Bumiputera (BSN *MyRinggit-i* ASB) iaitu kemudahan pembiayaan peribadi bagi menggalakkan simpanan jangka panjang dan pelaburan dalam ASB. BSN juga telah melancarkan BSN *MyHome/i Affordable Home B40 (AHB40)* iaitu kemudahan pembiayaan perumahan yang disasarkan kepada segmen B40 bagi pembelian rumah pertama.

As a result of these initiatives, financing asset growth continued to be driven by Personal Financing (RM1.098 billion), Mortgage Financing (RM876.0 million) and Hire Purchase (RM336.2 million).

In elevating Malaysia as a world class Islamic financial services centre by 2020, BSN has received strong interest and support from the government and BNM towards achieving that mission. This includes facilitating the growth of Islamic Banking in BSN, which is today a major contributor to the Bank's total profits. As a result of BSN's strategies and efforts to continuously enhance our Islamic Banking portfolio, the Bank had recorded a contribution of 72.3% from Islamic Financing and 65.0% from Islamic Deposits in 2019.

STRATEGIC INITIATIVES FOR THE YEAR

The strategic initiatives undertaken in 2019 were guided by the Bank's three-year strategic plan, STEP21, which was formulated with the aim to deliver superior customer experience and value to our customers. Under STEP21, the Bank will continue to innovate and improve our interactions with our customers in return for continued customer loyalty and increased customer satisfaction. STEP21 is the acronym for the four thrusts of the strategic plan which are *'Sustainably Grow Revenue'*, *'Transform into a High-Performance Driven Bank'*, *'Enhance the Core Towards Digitalisation and Bank's Operations'*, and *'Put Customer First'*. Over the next three years, business growth will be led by a stronger sales force and product innovation that caters to the needs of our customers. BSN will undertake to improve and optimise internal processes, delivery time and refresh technology platforms. We will also undertake to re-examine and realign our organisational culture to be in line with our vision, mission and core values.

New Products, Services and Collaborations

A host of new financing products were launched in 2019 which include the BSN *MyRinggit-i* Amanah Saham Bumiputera (BSN *MyRinggit-i* ASB), a personal financing facility to encourage long-term savings and investments in ASB. The Bank also launched the BSN *MyHome/i Affordable Home B40 (AHB40)*, a mortgage facility targeted to assist the B40 segment to purchase their first home.



BSN akan melaksanakan usaha untuk memperbaiki dan mengoptimumkan proses-proses dalaman, masa perkhidmatan dan meningkatkan platform teknologi. Kami juga akan menilai semula dan menyelaraskan budaya organisasi kami agar sejajar dengan visi, misi dan nilai-nilai teras kami.

BSN will undertake to improve and optimise internal processes, delivery time and refresh technology platforms. We will also undertake to re-examine and realign our organisational culture to be in line with our vision, mission and core values.

KENYATAAN TIMBALAN Pengerusi

DEPUTY CHAIRMAN'S STATEMENT



Pada hari ini, terdapat akses yang lebih baik untuk produk-produk dan perkhidmatan kewangan berbanding sebelumnya dan BSN berbangga kerana menjadi salah sebuah bank di Malaysia yang menerajui inisiatif rancangan kewangan ini.

Today, individuals have greater access to financial services and products than ever before, and BSN is proud to be at the forefront among the banks in Malaysia in driving this financial initiative.

Kami juga berbesar hati kerana telah melancarkan satu skim simpanan baharu, BSN *MyFirst*, yang melengkapi skim simpanan sedia ada kami untuk golongan muda iaitu BSN *Smart Junior* (BSJ). BSN *MyFirst* terbuka untuk para ibu bapa dan penjaga sah bagi bayi atau kanak-kanak berusia sehingga 6 tahun untuk membuka akaun simpanan pertama anak-anak mereka. Manakala BSJ pula, disasarkan untuk mereka yang berusia di antara 7 hingga 18 tahun.

Pada 2019, BSN telah mempertingkatkan tawaran produk dan perkhidmatan kepada penjawat awam menerusi kerjasama dengan kementerian dan agensi-agensi kerajaan. BSN *G-Card* adalah kad kredit yang ditawarkan kepada ahli-ahli Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK). BSN juga menawarkan pembiayaan gadai janji kedua untuk penjawat awam menerusi kerjasama dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Selain itu, para guru dan kakitangan Kementerian Pendidikan juga ditawarkan pembiayaan peribadi BSN ini.

Pelancaran 'BSN Care' – Memperkaya Setiap Langkah Kehidupan

BSN komited mengekalkan hubungan yang mapan dan bermakna dengan para pelanggan kami, bukan sahaja menerusi penyediaan perkhidmatan perbankan tetapi juga menerusi program-program dinamik Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi impak positif kepada masyarakat.

Pada 2019, BSN melakar sejarah dengan pelancaran jenama BSN *Care*, yang merangkumi kesemua aktiviti-aktiviti CSR Bank di samping memperkukuhkan komitmen kami terhadap empat tonggak utama iaitu Pendidikan, Komuniti, Keselamatan & Kesihatan serta Sukan.

We are also proud to have launched a new savings scheme, BSN *MyFirst*, which complements our existing savings scheme for children, BSN *Smart Junior* (BSJ). BSN *MyFirst* is open to parents and legal guardians of newborns or children up to the age of 6 years old to open their child's very first savings account. Meanwhile, BSJ is aimed at those aged between 7 to 18 years old.

In 2019, the Bank focused on improving products and service offerings to civil servants through successful collaborations with ministries and government agencies. The BSN *G-Card* is a credit card offered to civil servant members of *Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia* (MAKSAK). BSN also offers second charge mortgage financing for civil servants as a collaborative effort with *Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam* (LPPSA). In addition, teachers and those in the Ministry of Education are provided access to personal financing from BSN.

Launching of 'BSN Care' – Enriching Lives Each Step of the Way

BSN is committed to maintaining a sustainable and meaningful relationship with our customers, not only by providing banking services, but also through dynamic Corporate Social Responsibility (CSR) programmes that positively impact the community.

In 2019, BSN made history with the launch of the BSN *Care* brand, which covers all of the Bank's CSR activities whilst strengthening our commitment to four core pillars namely Education, Community, Health & Safety and Sports.

Inisiatif-inisiatif BSN *Care* adalah sejajar dengan janji jenama BSN iaitu 'Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik (*A Better Life Within Your Reach*)' bagi menyediakan akses perbankan yang menyeluruh untuk semua lapisan masyarakat terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar. Selain itu, inisiatif-inisiatif ini adalah sejajar dengan mandat kami untuk memperkasakan rangkaian kewangan untuk semua. Gabungan ini menambah nilai kepada jenama BSN dan membezakan kami daripada institusi-institusi kewangan yang lain.

Mempertingkatkan Tadbir Urus

Tadbir urus yang baik adalah aspek penting dalam strategi STEP21 dan rangka kerja *High Performance Culture* (HPC). Lembaga Pengarah mengakui kepentingan tadbir urus korporat yang mantap dan komited dalam memenuhi tanggungjawabnya demi kepentingan Bank dan pemegang berkepentingan kami. Lembaga Pengarah terus memastikan bahawa amalan-amalan industri terbaik serta kehendak-kehendak pematuhan dipatuhi bagi memelihara kepentingan Bank dan pemegang berkepentingan kami.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai komposisi Lembaga Pengarah yang ideal agar terdapat perspektif yang pelbagai dalam membuat keputusan yang seimbang. Sehingga kini, Lembaga Pengarah BSN terdiri daripada komposisi Pengarah daripada pelbagai demografi, latar belakang, kemahiran, pengalaman dan jantina, yang menjadikan barisan Lembaga Pengarah lebih berwibawa.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah diberikan peluang untuk terus mengembangkan kemahiran mereka dan mengikuti perkembangan semasa dengan menghadiri pelbagai seminar dan kursus latihan. Ahli-ahli Lembaga Pengarah juga telah melengkapkan diri mereka dengan menghadiri pelbagai seminar antaranya berkaitan etika perniagaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Seksyen 17A – Peruntukan Liabiliti Korporat sebagai persediaan menghadapi penguatkuasaan Akta tersebut pada Jun 2020.

Pada tahap operasi, BSN telah melancarkan sistem baharu Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) pada Mei 2019 untuk pemantauan dan pelaporan aktiviti-aktiviti AMLA yang lebih baik.

BSN *Care* initiatives are in line with BSN's brand promise of 'A Better Life Within Your Reach' to provide comprehensive banking access to all communities, especially those in rural areas. In addition, these initiatives are in line with our mandate to empower financial inclusion for all. This consolidation adds value to the BSN brand and serves to distinguish us from other financial institutions.

Enhancing Governance

Good governance is a vital aspect of BSN's STEP21 strategy and High Performance Culture (HPC) framework. The Board recognises the importance of sound corporate governance and is committed in meeting its responsibilities in the best interest of the Bank and our stakeholders. The Board continuously ensures that recommended industry best practices and compliance requirements are met to safeguard the interest of the Bank and our stakeholders.

Numerous measures have been carried out to achieve an ideal Board of Directors composition so that diverse perspectives are present in a balanced decision making. To date, the Board is made up of a diverse composition of Directors from various demographics, backgrounds, skills, experience and gender, which makes for a more dynamic Board.

Board members are provided with opportunities to continually develop their skills and keep abreast with relevant market developments by attending seminars as well as training courses. The Board members has pre-equipped themselves by attending various seminars amongst which are on business ethics and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Section 17A – Corporate Liability Provision in anticipation of the legislation of the Act coming into effect in June 2020.

At operations level, BSN has launched its Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism (AML/CFT) system in May 2019 for better monitoring and reporting of AMLA activities.



Inisiatif-inisiatif BSN *Care* adalah sejajar dengan janji jenama BSN iaitu 'Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik (*A Better Life Within Your Reach*)' bagi menyediakan akses perbankan yang menyeluruh untuk semua lapisan masyarakat terutamanya mereka yang berada di kawasan luar bandar.

BSN *Care* initiatives are in line with BSN's brand promise of 'A Better Life Within Your Reach' to provide comprehensive banking access to all communities, especially those in rural areas.

KENYATAAN TIMBALAN PENERUSI DEPUTY CHAIRMAN'S STATEMENT

MENCIPTA KELAINAN DENGAN MEMENUHI MANDAT KAMI

Meluaskan jangkauan menerusi Ejen Bank BSN (EB BSN)

Sejak penubuhan EB BSN pada 27 Januari 2012, BSN kekal relevan sebagai satu-satunya bank yang menyediakan akses perbankan menyeluruh ke beberapa kawasan luar bandar di negara ini. Kejayaan kami dalam aspek ini dipacu oleh komitmen kami dalam memenuhi keperluan kewangan masyarakat luar bandar menerusi EB BSN.

Pada masa ini, transaksi perbankan EB BSN dilakukan menerusi terminal-terminal POS yang berhubung secara langsung dengan sistem BSN bagi membolehkan urus niaga dalam talian dilakukan dalam masa nyata. Ia boleh diakses setiap hari dari jam 8 pagi hingga 10 malam dan menyediakan saluran yang pantas, mudah dan selamat. Menerusi pelaksanaan perkhidmatan EB BSN, para pelanggan boleh mendapatkan produk-produk dan perkhidmatan Bank dengan mudah tanpa perlu hadir ke Cawangan BSN. Perkhidmatan yang ditawarkan termasuk simpanan, pengeluaran, pembayaran bil, pembelian BSN SSP, pembayaran tanpa tunai, pengisian semula prabayar dan pembukaan akaun Giro/i.

EB yang dilantik boleh menikmati pendapatan tambahan menerusi komisen yang diterima dan dapat mengembangkan perniagaan sedia ada mereka. BSN telah membayar RM10.55 juta dalam bentuk komisen kepada EB pada 2019. Pada masa ini, EB BSN merangkumi 95.4% daripada sejumlah 886 mukim di Malaysia dengan sebanyak 4,086 EB beroperasi di seluruh negara. EB telah mencatat sebanyak 26.54 juta urus niaga bernilai RM1.76 bilion pada 2019.

CREATING DISTINCTION BY SERVING OUR MANDATE

Reaching out through BSN Agent Banks (EB BSN)

Since EB BSN's inception on 27 January 2012, the Bank has remained relevant as the only bank providing comprehensive banking access to some of the most rural parts of the country. Our success on this front has been driven by our commitment to meet the financial needs of the rural community through EB BSN.

Currently, EB BSN banking transactions are made via POS terminals that are directly linked to the BSN system to enable online transactions to be done in real time. It is available daily from 8am to 10pm and presents a fast, easy and safe transaction channel. Through the implementation of the BSN EB Service, customers can conveniently subscribe to the Bank's products and services without having to visit BSN Branches. Services offered include savings, withdrawal, bill payment, purchase of BSN SSP, cashless payment, prepaid reload and opening of Giro/i account.

Appointed EBs are able to enjoy additional income through the commission they receive and by growing their existing business. BSN paid some RM10.55 million in commission to EBs in 2019. Currently, BSN EBs cover 95.4% of the total of 886 mukims in Malaysia with 4,086 EBs operating nationwide. EBs recorded 26.54 million transactions worth RM1.76 billion in 2019.



Pada masa ini, EB BSN merangkumi 95.4% daripada sejumlah 886 mukim di Malaysia dengan sebanyak 4,086 EB beroperasi di seluruh negara. EB telah mencatat sebanyak 26.54 juta urus niaga bernilai RM1.76 bilion pada 2019.

Currently, BSN EBs cover 95.4% of the total of 886 mukims in Malaysia with 4,086 EBs operating nationwide. EBs recorded 26.54 million transactions worth RM1.76 billion in 2019.

Penyediaan Pembiayaan Mikro

BSN terus menjadi penyokong tegar kepada pembangunan negara. Bank telah membantu melonjakkan Pelan Utama SME 2012-2020 oleh kerajaan menerusi skim-skim pembiayaan mikro untuk rakyat Malaysia yang memiliki perniagaan kecil menerusi skim-skim Pembiayaan *Micro/i* BSN. Skim-skim ini membolehkan para usahawan mikro yang layak untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi memajukan perniagaan mereka. Setakat Disember 2019, lebih 66,000 usahawan mikro di seluruh negara telah menikmati pembiayaan BSN berjumlah RM1.8 bilion.

Selain tawaran pinjaman dan pembiayaan, kami juga menyediakan khidmat nasihat untuk usahawan mikro dengan kerjasama daripada agensi-agensi terpilih bagi meningkatkan pembangunan kapasiti mereka. Latihan ini merangkumi aspek pemasaran dan promosi, platform e-dagang, pengurusan hubungan pelanggan dan simpanan kira-kira.

Aktiviti-aktiviti BSN Care

Antara aktiviti-aktiviti CSR yang dijalankan sepanjang tahun 2019 adalah sumbangan peralatan rawatan air bersih untuk masyarakat Orang Asli di Kampung Lambok, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Sumbangan ini adalah hasil kerjasama dengan Jabatan Terengganu Kelantan Orang Asli (JAKOA), Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM), Pasukan Tindakan dan Bantuan IMAM (IMARET) serta Yayasan Al-Khalifah. Menerusi pemasangan peralatan rawatan air bersih tersebut, kesemua penduduk kampung terbabit kini boleh menikmati air terawat untuk kegunaan harian mereka. Selain itu, 30 buah keluarga telah menerima RM200 tunai dan barang-barang kegunaan harian bernilai RM100. Sejumlah RM68,190 telah disumbangkan dalam inisiatif ini.

BSN juga terlibat dalam Program Berbasikal Mahabbah anjuran Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). BSN telah menyumbangkan tujuh (7) mesin dialisis berjumlah RM282,000. Mesin-mesin tersebut dipasang di Pusat Dialisis MAIS di Kapar, Klang, Selangor untuk kegunaan awam.

BSN '*Jom to School*' (JTS) merupakan program CSR tahunan yang telah bermula sejak 2018. Pada 2019, program ini telah membantu seramai 2,000 pelajar kurang bernasib baik daripada darjah 2 hingga 5 untuk membuat persediaan ke sekolah berbanding 1,041 pelajar pada 2018. BSN berharap agar bantuan yang diterima menerusi program CSR ini dapat mendorong para pelajar agar cemerlang dalam pelajaran. Lebih daripada RM420,000 telah dilaburkan untuk program ini pada 2019.

Provision of Micro Financing

BSN continues to be a steadfast supporter of nation building. The Bank has supported the government's SME Masterplan 2012-2020 through micro financing schemes for Malaysians with small businesses through the BSN Micro/i Financing schemes. These schemes offer eligible micro entrepreneurs financial support to advance their businesses. As of December 2019, more than 66,000 micro entrepreneurs nationwide have enjoyed total BSN financing of RM1.8 billion.

Apart from offering loans and financing, we also provide advisory services to micro entrepreneurs in collaboration with selected agencies to enhance their capacity building. This training encompasses the areas of marketing and promotion, e-commerce platform, customer relationship management and book keeping.

BSN Care Activities

CSR activities carried out throughout 2019 include the donation of clean water treatment equipment to the Orang Asli community in Kampung Lambok, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. This was done in collaboration with the Terengganu Kelantan Orang Asli Department (JAKOA), Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM), IMAM Response & Relief Team (IMARET) and Al-Khalifah Foundation. Through the installation of the clean water treatment equipment, all residents will be able to utilise treated water facilities for their daily usage. In addition, 30 families received RM200 cash and RM100 worth of daily essentials. In total, RM68,190 was contributed towards this initiative.

BSN was also involved in the Mahabbah Cycling Programme organised by the Darul Ehsan Islamic Foundation (YIDE) and the Selangor Zakat Board (LZS). BSN donated seven (7) dialysis machines worth a total of RM282,000. The machines have been installed at the MAIS Dialysis Centre in Kapar, Klang, Selangor for public use.

BSN '*Jom to School*' (JTS) is an annual CSR programme that was initiated in 2018. In 2019, this programme has helped 2,000 underprivileged students from standard 2 to 5 to prepare for the new school year compared to 1,041 students in 2018. BSN hopes that the support received from this CSR programme will inspire them to excel in education. More than RM420,000 was invested for this programme in 2019.

KENYATAAN TIMBALAN Pengerusi

DEPUTY CHAIRMAN'S STATEMENT



Daya ketahanan diperlukan dalam melangkah ke hadapan dan BSN bersedia untuk kekal berhemah dalam menyokong pertumbuhan individu dan SME, di samping meneruskan usaha STEP21 kami.

Resilience is definitely needed for moving ahead and BSN is geared to stay prudent in supporting individual and SME growth, while continuing our STEP21 journey.

MELANGKAH KE 2020

Berikutan penularan dan kesan berterusan wabak COVID-19 ke atas aktiviti-aktiviti global dan tempatan, pihak *International Monetary Fund (IMF)* telah menyemak semula unjuran keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia untuk tahun 2020 kepada 3.8% penguncupan tahun-ke-tahun berbanding unjuran sebelum ini iaitu penguncupan 1.7%.

Di sebalik pendapatan dagangan yang lebih rendah ekoran persekitaran pasaran yang mencabar, pertumbuhan pendapatan sektor perbankan diunjur akan menguncup sehingga 7.4% pada tahun ini di sebalik pertumbuhan pinjaman yang lemah, potongan kadar dasar semalaman (OPR) yang lebih tinggi, pendapatan bukan faedah (NOII) yang lebih rendah dan kos kredit bersih yang semakin meningkat.

(Sumber: Kajian Hong Leong Investment Bank)

Daya ketahanan diperlukan dalam melangkah ke hadapan dan BSN bersedia untuk kekal berhemah dalam menyokong pertumbuhan individu dan SME, di samping meneruskan usaha STEP21 kami. Keutamaan diberi kepada pengukuhan tadbir urus dalaman dan kawalan dengan Dasar Anti Rasuah & Penyelewengan yang baharu, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi, audit menyeluruh ke atas Keselamatan Siber, serta kit Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) untuk pasukan barisan hadapan.

MOVING INTO 2020

Following the spread and continued impact of the COVID-19 pandemic on global and local economic activities, the International Monetary Fund (IMF) has revised its Malaysia 2020 gross domestic product (GDP) forecast to a 3.8% year-on-year (y-o-y) contraction from the previously 1.7% contraction.

Amidst lower trading-related income due to challenging market climate, the banking sector's revenue growth is forecasted to contract by 7.4% this year on the back of weak loan growth, more overnight policy rate (OPR) cuts, lower non-interest income (NOII) and rising net credit costs.

(Source: Hong Leong Investment Bank Research)

Resilience is definitely needed for moving ahead and BSN is geared to stay prudent in supporting individual and SME growth, while continuing on our STEP21 journey. Priority will be placed on strengthening internal governance and controls with a new Anti-Bribery & Anti-Corruption Policy, Technology Risk Management Framework, bank-wide audit on Cybersecurity, and Anti-Money Laundering & Combating the Financing of Terrorism (AML/CFT) kit for frontliners.

Dari aspek operasi, kami akan meneruskan program budaya berprestasi tinggi agar dapat diterap dan diamalkan oleh kakitangan pada 2020 di kala kami bersedia melaksanakan beberapa pembaharuan dan penaiktarafan yang sedang dirancang. Ini termasuk:

- Pelancaran perbankan mudah alih dan perkhidmatan perbankan 'desktop' korporat
- Pelancaran kad kredit 'cash back' platinum dan kad debit komuniti
- Pembukaan pusat pembiayaan auto baharu di Kota Bharu, Kelantan dan Kota Kinabalu, Sabah
- Skim deposit baharu bagi membangunkan deposit runcit
- 'Chatbot' sebagai saluran untuk para pelanggan berinteraksi dengan Bank
- Mempertingkatkan Perbankan Internet myBSN dengan penyata pembiayaan dalam talian, pembukaan akaun dan permintaan layan diri untuk para pemegang kad kredit
- Penaiktarafan laman sesawang myBSN dengan wajah baharu

Dengan jangkaan kelembapan ekonomi, kami juga komited membantu golongan masyarakat yang memerlukan dengan memperkukuhkan jenama BSN *Care* menerusi aktiviti-aktiviti CSR sepanjang 2020.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para pengarah yang telah tamat tempoh jawatan semasa tahun tinjauan. Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah, mantan Pengerusi BSN yang tamat tempoh jawatan pada 28 Februari 2019, Datuk Fazlur Rahman Ebrahim yang telah tamat tempoh jawatan pada 31 Januari 2019 dan Prof Dr Rozainun yang tamat tempoh jawatan pada 22 Oktober 2019. Terima kasih atas sumbangan yang tidak ternilai sepanjang perkhidmatan anda semua.

Pada masa yang sama, kami mengalu-alukan kehadiran Pengerusi baharu, Puan Rossana Annizah Rashidi dan tiga (3) Pengarah baharu iaitu Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar, Dato Haji Amirudin Haji Abdul Halim dan Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib. Mereka membawa bersama kemahiran dan perspektif yang pelbagai yang akan membantu BSN agar terus maju dan menjana nilai perniagaan yang mapan.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan daripada pihak Lembaga Pengarah kepada Pengurusan dan kakitangan BSN yang telah memainkan peranan masing-masing dengan penuh komitmen dan dedikasi. Hasil perkhidmatan dan komitmen cemerlang mereka, BSN terus berdiri kukuh dalam memenuhi aspirasi dan matlamat kami. Kami juga ingin menyampaikan penghargaan kepada pemegang berkepentingan dan badan pengawal selia untuk sokongan dan bimbingan berterusan mereka. Kami akan terus berkhidmat kepada negara dengan menyediakan produk-produk dan perkhidmatan kewangan yang mudah diakses dan relevan untuk masa hadapan.

Terima kasih.

On our operations front, we will continue implementing a high performance culture programme for employees to internalise and embrace in 2020 as we look forward to welcome new enhancements and upgrades already in the pipeline. These include:

- Public launch of mobile banking and corporate desktop banking services
- Launch of platinum cash back credit card and community debit card
- Opening of new auto finance centres in Kota Bharu, Kelantan and Kota Kinabalu, Sabah
- New deposit schemes to grow retail deposits
Ekuiti global bermula kukuh pada dua minggu pertama 2020 sebelum merudum disebabkan oleh penularan wabak Coronavirus (COVID-19) yang bermula di China. Oleh kerana ekonomi China sangat penting kepada pertumbuhan global, penganalisis menjangkakan kesan yang ketara ke atas pertumbuhan global akibat pengurangan permintaan dan aktiviti perkilangan yang lemah.

Di Malaysia, industri pelancongan telah terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang bermula pada awal tahun terjejas akibat pembatalan pakej-pakej pelancongan dan sekatan perjalanan di seluruh dunia pada penghujung Februari 2020. Menjelang pertengahan bulan Mac, kesan wabak menjadi lebih nyata apabila Malaysia menjadi negara paling teruk terjejas dengan penularan wabak COVID-19 di Asia Tenggara sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikenakan di seluruh negara. Bagi tahun 2020, pertumbuhan KDNK global dijangka lemah pada 1.3% akibat pandemik penularan COVID-19, kelemahan perdagangan dan pelaburan. Risiko kelemahan ekonomi dunia dijangka berterusan dengan peningkatan perang perdagangan, risiko geopolitik dan kelembapan ekonomi negara utama dunia.

Ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar yang paling perlahan sejak krisis kewangan 2009 dengan kemungkinan pertumbuhan negatif yang menjurus kepada kemelesetan. KDNK diunjurkan sekitar -2.0% hingga 0.5% pada tahun 2020. Pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh penularan wabak COVID-19, pergolakan politik tempatan dan penurunan harga minyak mentah yang mendadak disebabkan oleh perang harga minyak Rusia-Arab Saudi. Tambahan lagi, kesan dari PKP, perbelanjaan isi rumah yang merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia akan turut terjejas. Malah, pada suku ke-empat 2019 (Q4 2019), indeks sentimen pengguna telah sedia rendah pada 82.3 mata iaitu terendah sejak suku kedua 2017 (Q2 2017) dan ini menunjukkan pola perbelanjaan pengguna yang lemah. Oleh itu, beberapa pendekatan telah diumumkan oleh Kerajaan pada awal Februari 2020 untuk menangani impak COVID-19 ke atas ekonomi negara. Pada akhir Mac 2020, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan yang lebih menyeluruh berjumlah RM250 bilion yang bertujuan untuk meringankan beban kewangan rakyat.

Di dalam sektor perbankan, kelembapan ekonomi dan impak dari COVID-19 akan memberi kesan ketara terutamanya pengurangan kepada pertumbuhan pembiayaan, peningkatan pinjaman tak berbayar (NPL) dan pengurangan kadar keuntungan. Ini ditambah dengan peningkatan persaingan di antara bank-bank.

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan isirumah dalam tempoh yang mencabar ini, Kerajaan memperkenalkan enam bulan moratorium secara automatik terhadap pinjaman/pembiayaan serta penstrukturan semula baki kad kredit yang melibatkan jumlah sebanyak RM100 bilion berkuatkuasa 1 April 2020.

As part of measures to assist small-medium enterprises (SMEs) and households during this challenging period, the Government introduced an automatic six-month moratorium on bank loans/financing as well as restructuring of outstanding credit card balances involving about RM100 billion effective 1 April 2020.

CHALLENGING 2020 AMID COVID-19 PANDEMIC

In 2020, global equities started the first 2 weeks of the new year with a robust performance before it drop due to the Coronavirus outbreak (COVID-19) in China. As China's economy is vital to global growth, analysts expect significant impact from subdued consumption and manufacturing activities on global growth.

On the local front, the country's tourism sector has been badly affected by the COVID-19 outbreak. The Visit Malaysia 2020 campaign which started in early 2020 was dampened by many tour group cancellations and travel restrictions globally by end of February 2020. By mid-March, the impact became more prominent as Malaysia becomes the worst hit nation affected with the virus in Southeast Asia, which called for nationwide Movement Control Order (MCO). For 2020, global GDP growth is expected to be at 1.3% amid COVID-19 pandemic, weakening trade and investment. Downside risk remains with potential re-escalation of trade war, geopolitical risks and slowdown in major economies.

Malaysia's economy is set to grow at its slowest pace since the 2009 financial crisis with the possibility of negative growth indicating a recession. GDP is projected to be around -2.0% to 0.5% in 2020. The lower growth is attributed to the COVID-19 pandemic, domestic political upheaval and Russia-Saudi Arabia crude oil price war. Additionally, due to the MCO, household spending which is a key driver of Malaysia's economy growth is expected to be affected. In fact, in Q4 2019, consumer sentiment index was already low at 82.3 points, the lowest since Q2 2017, suggesting weak spending behaviour. Hence, some measures were announced by Government in early February 2020 to support the economy on account of the more challenging outlook. At the end of March 2020, the Government announced a more comprehensive stimulus package amounting to RM250 billion to ease financial burden of the people.

In the banking sector, the economic slowdown and COVID-19 outbreak will have a significant impact especially in reduction of financing growth, increase in Non-performing Loans (NPLs) and reduction in profits. This is coupled with increasing competition among the banks.

TINJAUAN STRATEGIK STRATEGIC OUTLOOK

Sebagai sebahagian daripada langkah untuk membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan isirumah dalam tempoh yang mencabar ini, Kerajaan memperkenalkan enam bulan moratorium secara automatik terhadap pinjaman/pembiayaan serta penstrukturan semula baki kad kredit yang melibatkan jumlah sebanyak RM100 bilion berkuatkuasa 1 April 2020. Ini akan memberikan pelepasan kewangan yang besar, terutamanya kepada mereka yang mengalami pengurangan pendapatan akibat gaji tidak dibayar dan yang kehilangan pekerjaan, di mana penjaminan daripada moratorium boleh digunakan untuk berbelanja membeli barangan keperluan penting seperti makanan.

Ketidaktentuan pasaran hartanah dijangka berterusan pada tahun 2020. Jumlah (unit) urusniaga harta kediaman secara keseluruhan telah menunjukkan pola penurunan sejak beberapa tahun yang lalu. Walaubagaimanapun, terdapat pertumbuhan yang lebih baik sebanyak 6.1% pada separuh tahun pertama 2019 berbanding separuh tahun pertama 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign* (HOC)), satu inisiatif Kerajaan untuk merangsang sektor perumahan pada tahun lepas. Berdasarkan kepada data Bank Negara Malaysia (BNM), bank-bank telah meluluskan sebanyak RM158.1 bilion pinjaman perumahan kepada 366 ribu peminjam pada tahun 2019. Daripada jumlah ini, 53% adalah pinjaman perumahan baru yang diluluskan kepada pembeli rumah kali pertama (purata 2013-2018: 41%). Ini menunjukkan sentimen yang positif di kalangan pembeli yang berkecukupan. Bagaimanapun, lambakan harta tanah yang semakin meningkat terus menjadi cabaran utama bagi sektor ini. Penganalisis menjangkakan bahawa sekiranya pola sejarah transaksi kekal tidak berubah, pasaran hanya dapat menyerap harta tidak terjual keseluruhannya pada tahun 2023.

Bagi sektor automotif, Persatuan Automotif Malaysia telah melaporkan bahawa jualan kereta penumpang adalah lebih rendah pada 2019 iaitu 382 ribu kereta atau penurunan sebanyak 2.2% berbanding 2018. Manakala, data daripada BNM pula menunjukkan penurunan untuk pembelian kereta penumpang mencatatkan penurunan sebanyak 1.0% pada tahun 2019 berbanding pertumbuhan mendatar pada tahun 2018. Keadaan pasaran yang sukar pada tahun 2020 dijangka akan menyeret jualan kereta secara keseluruhannya.

Meski pun jangkaan yang diunjurkan adalah kurang memberangsangkan untuk sektor hartanah dan automotif, pengurangan OPR sebanyak 50 mata asas bersama dengan inisiatif lain oleh Kerajaan mampu untuk merangsang perbelanjaan pengguna dan berpotensi meningkatkan pembelian item bernilai besar.

Dari segi pemfaktoran kesan akibat pemotongan OPR lagi pada tahun 2020, penganalisis mengunjurkan pertumbuhan keuntungan operasi agregat akan menurun kepada 0.7% daripada 2% yang dicatatkan pada tahun 2019 bagi tujuh bank utama di Malaysia. Ini menunjukkan prospek pertumbuhan pendapatan yang mendatar bagi sektor perbankan pada tahun 2020 akibat daripada persekitaran operasi yang mencabar. Impak ke atas margin faedah bersih juga akan lebih ketara.

As part of measures to assist small-medium enterprises (SMEs) and households during this challenging period, the Government introduced an automatic six-month moratorium on bank loans/financing as well as restructuring of outstanding credit card balances involving about RM100 billion effective 1 April 2020. This would provide tremendous financial relief, especially to those with diminishing income due to unpaid leaves and to those suffering from loss of jobs, as savings from moratorium can be spent on essential items such as food.

Sluggish property market conditions is expected to continue in 2020. Volume (units) of overall residential property transaction has shown a declining trend over the past years. However, a rebound was seen in the first half of 2019 with growth of 6.1% compared to the first half of 2018. This could be catalysed by Home Ownership Campaign (HOC), an initiative by the Government to stimulate the housing sector last year. Based on Bank Negara Malaysia (BNM) data, banks approved RM158.1 billion of mortgage loans to 366 thousand borrowers in 2019. Of this, 53% of newly approved housing loans were granted to first time home buyers (2013-2018 average: 41%). This suggests positive consumption sentiment among genuine buyers. However, the growing property supply overhang remains the key challenge for the sector. An analyst projected that, assuming status quo in historical transaction volume, the market will only be able to absorb the unsold properties by 2023.

For the automotive sector, the Malaysian Automotive Association reported that passenger cars recorded lower sales of 382 thousand in 2019 or a decrease of 2.2% as compared to 2018. Meanwhile, BNM's data shows that loans for passenger car purchases registered a decline of 1.0% in 2019 compared to a flattish growth in 2018. Poor market conditions in 2020 are expected to drag car sales as overall.

Despite a gloomy picture has been painted for property and automotive segments, reduction of OPR by 50 basis point alongside with other initiatives by the Government will spur consumer spending and potentially stimulate big ticket item purchase.

Factoring in the impact of another OPR cut in 2020, analysts project an aggregate operating profit growth will drop to 0.7% from 2% in 2019, among the major seven banks in Malaysia. This suggests a flat earnings outlook for the banking sector in 2020 arising from challenging operating environment. Impact on net interest margin is also more imminent.



BSN TAHUN 2020

BSN terus mengorak langkah yang progresif dalam melaksanakan peranan yang dimandatkan di samping mengukuhkan peranannya sebagai penyedia perkhidmatan kewangan yang penting terutamanya kepada golongan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (*underserved*) di Malaysia. Pelan Strategi Korporat 3 tahun BSN (2019 hingga 2021) telah menggariskan pelbagai langkah strategik bagi memantapkan lagi halatuju BSN di dalam lanskap sektor kewangan negara.

Bagi tahun 2020, penekanan halatuju BSN adalah untuk menggembleng usaha ke arah mendigitalisasikan perkhidmatan BSN supaya lebih banyak perkhidmatan berasaskan digital yang efisien, berkualiti dan menyeluruh dapat ditawarkan kepada pelanggan BSN. BSN akan melancarkan perkhidmatan Perbankan Mudah Alih (*Mobile Banking*) dan *Corporate Desktop Banking* (CDB) kepada pelanggan individu dan korporat. Pelancaran perkhidmatan *Mobile Banking* akan membolehkan urusan perbankan diakses di mana sahaja. Manakala CDB akan memantapkan lagi perkhidmatan BSN kepada sektor korporat.

Sebagai satu langkah menyokong pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), BSN telah menjalin kerjasama dengan SME Bank dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk menyalurkan geran padanan 50% atau sehingga RM5,000 kepada setiap PKS bagi menggalakkan pendigitalan operasi perniagaan mereka. Geran padanan yang bernilai RM500 juta dalam tempoh masa lima (5) tahun adalah terhad kepada 100,000 PKS pertama yang memohon untuk pembiayaan bagi menaiktaraf sistem mereka.

Selain itu, BSN juga akan menaiktaraf sistem perbankan internet sedia ada iaitu 'myBSN' untuk meningkatkan lagi perkhidmatan atas talian yang ditawarkan kepada pelanggan. BSN akan terus memperluaskan liputan dan meningkatkan produktiviti Ejen Bank (EB) dengan menaiktaraf sistem untuk operasi EB supaya lebih banyak perkhidmatan perbankan dapat ditawarkan kepada pelanggan bank, terutamanya pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Ini adalah selaras dengan aspirasi BSN iaitu 'Mengutamakan Pelanggan' di mana BSN sentiasa berusaha meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan selaras dengan perubahan semasa teknologi.

Selaras dengan objektif BSN untuk menggalakkan tabiat menabung dan berjimat cermat, satu skim simpanan baru iaitu 'BSN MyFirst' telah dilancarkan pada 25 November 2019 yang merupakan kesinambungan daripada skim simpanan kanak-kanak yang sedia ada, 'BSN Smart Junior (BSJ)'. Skim BSJ mensasarkan golongan kanak-kanak berusia daripada tujuh (7) tahun, manakala skim BSN MyFirst adalah untuk golongan kanak-kanak yang berusia di antara satu (1) hari dan di bawah tujuh (7) tahun. Dengan akaun simpanan ini, pemilik akaun akan menikmati pelbagai promosi menarik, keistimewaan dan faedah melalui kempen yang dilancarkan oleh pihak BSN.



BSN YEAR 2020

BSN continues to take progressive measures in carrying out its mandate while continuing to strengthen its position as the leading financial service provider particularly amongst the underserved segment in Malaysia. The 3-year Corporate Strategic Plan (2019 to 2021) outlines various strategies to fortify BSN's position in the country's financial sector landscape.

For the year 2020, BSN will focus its efforts towards digitalisation of its services so that more efficient, high quality and comprehensive digital-based services offerings are available to its customers. BSN will launch its Mobile Banking dan Corporate Desktop Banking (CDB) services for its individual and corporate customers. While Mobile Banking offers the convenience of banking services to customers at their fingertips. Meanwhile, the CDB will strengthen BSN's service offerings to the corporate sector.

As a measure towards supporting SME growth, BSN has collaborated with SME Bank and the Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) to channel 50% matching grant of up to RM5,000 per SME in order to encourage digitalisation of their business operations. This matching grant which is worth RM500 million over five (5) years is limited to the first 100,000 SMEs applying to upgrade their systems.

Additionally, BSN is also upgrading its existing internet banking system, 'myBSN' to expand its online services for customers. BSN will also continue to widen the coverage, and enhance the productivity of its Banking Agents (or EB) by adopting a new technology platform for EB operations with an aim for more efficient services reaching its customers, particularly those in the rural and remote areas. This is in line with BSN's aspiration in 'Putting Customers First' by continuously aligning its service delivery with current technological changes.

In keeping with the Bank's objective to promote the habit of saving, a new scheme, BSN MyFirst was launched on 25 November 2019 to complement BSN's existing savings scheme for children, BSN Smart Junior (BSJ). Where BSJ is targeted for children from the age of seven (7) years old, BSN MyFirst is for those aged between one (1) day and below seven (7) years old. Accountholders of BSN MyFirst will enjoy attractive promotions, privileges and benefits through campaigns launched by BSN.

TINJAUAN STRATEGIK STRATEGIC OUTLOOK

Dalam tahun 2020, BSN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan program pembayaran tanpa tunai (*cashless payment program*) di sekolah-sekolah terpilih di mana pelajar sekolah boleh membuat pembelian menggunakan kad debit BSN di terminal *Point-of-Sale (POS)* BSN. Bagi meningkatkan lagi pertumbuhan produk deposit, BSN telah melancarkan 'BSN MyFortune' pada 20 Januari 2020 kepada pelanggan bukan individu. Skim di bawah produk BSN *Term Deposit-i* menawarkan hadiah wang tunai menerusi cabutan pada setiap suku tahun.

Pertumbuhan pendapatan mapan BSN akan terus dijana melalui produk pinjaman dan pembiayaan iaitu pinjaman/pembiayaan Persendirian, Perumahan dan Sewa Beli. Lebih banyak produk dan perkhidmatan akan ditawarkan kepada golongan guru dan kakitangan kerajaan, golongan profesional dan juga kakitangan sektor swasta. Selain itu, bank akan membuka dua buah Pusat Sewa Beli (*Auto Finance Centre*) baru di Kota Bharu, Kelantan dan Kota Kinabalu, Sabah untuk meningkatkan lagi pinjaman kenderaan.

Disamping itu, BSN akan terus menyokong inisiatif kerajaan untuk membantu golongan sasaran mendapat akses pembiayaan menerusi produk seperti Skim Perumahan Belia (YHS) kepada golongan belia untuk membeli rumah pertama, Skim Mikro Kewangan untuk usahawan mikro dan peniaga kecil, *Affordable Homes* (AHB) untuk golongan B40 dan skim Rumah Pekerja Estet (PPE).

Pada masa yang sama, BSN akan terus menambah baik proses kerja dan menaiktaraf sistem perbankannya bagi memastikan perkhidmatan BSN bertambah cekap dan berkualiti tinggi untuk memenuhi kehendak pelanggan. BSN juga akan terus meningkatkan tahap tadbir urus dan kawalan dalaman bagi meminimalkan sebarang risiko kepada BSN dan kepentingan pelanggan bank terpelihara.

Pembangunan modal insan yang berterusan adalah penting untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan yang menjadi faktor kejayaan BSN. Pelbagai program dan latihan telah diatur untuk meningkatkan produktiviti kerja dan melatih pekerja ke arah budaya kerja berprestasi tinggi. BSN mensasarkan budaya kerja berprestasi tinggi dapat diterapkan pada setiap kakitangan BSN dalam mengharungi cabaran pasaran dan persaingan yang semakin tinggi.

Dalam memperkukuhkan jenama BSN melalui Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), BSN telah melancarkan 'BSN Care' yang bertujuan untuk menyalurkan dan mengadakan program CSR dengan lebih terancang dan berkesan. CSR BSN akan diselaraskan dengan janji jenama BSN 'Menjangkau Kehidupan Yang Lebih Baik' di mana BSN melayani semua komuniti tanpa mengira kedudukan sosial. Aktiviti CSR BSN akan dipacu oleh 4 teras utama dalam BSN Care iaitu Pendidikan, Sukan, Komuniti dan Kesihatan.

Kami percaya bahawa strategi dan perancangan pada tahun 2020 akan terus menyokong BSN untuk terus kekal relevan di samping dapat terus melaksanakan mandatnya.

In 2020, BSN in collaboration with the Ministry of Education will introduce a cashless payment programme in selected schools where school students can make purchases using the BSN debit card at BSN Point-of-Sale (POS) terminals. To improve the growth of its deposit products, BSN had launched the 'BSN myFortune' on 20 January 2020 for non-individual customers. The scheme under the BSN Term Deposit-i offers cash prizes through a draw on a quarterly basis.

BSN's sustainable income growth will continue to be generated through products such as personal loans/funding, housing loans and hire purchase. More products and services will be offered to teachers and civil servants, professionals, as well as employees in the private sector. Additionally, the Bank will open two new Auto Finance Centres in Kota Bharu, Kelantan and Kota Kinabalu, Sabah to increase auto financing sales.

In addition, BSN will continue to support government initiatives to help target groups gain access to financing products such as the Youth Housing Scheme (YHS) for the youths to purchase their first home, micro financing scheme for micro entrepreneurs and small traders, Affordable Homes (AHB) for the B40 group and Estate Workers Housing Scheme (PPE).

At the same time, BSN will continue to enhance its work processes and upgrade its banking systems to ensure the efficiency of its services and high quality in fulfilling customer needs. BSN will also improve its governance and internal controls to minimise any potential risks to BSN and protect the interests of bank customers.

Continuous human resource development is important in producing high-quality, skillful and knowledgeable workforce which represents the success factor for BSN. Various programmes and trainings have been put in place to improve work productivity and instill a high work performance culture so that every BSN employee is prepared to face the ever increasing market challenges and competition.

In strengthening the BSN brand through its Corporate Social Responsibility (CSR), BSN had launched 'BSN Care' to channel and organise its CSR initiatives in a more systematic and effective manner. BSN Care is aligned with the Bank's brand promise of "A Better Life Within Your Reach" where BSN will serve all communities regardless of their social standings. BSN's CSR activities will be driven by the 4 main thrusts of BSN Care namely Education, Sports, Community and Health.

We believe that the strategies and plans in 2020 will continue to support BSN to remain sustainable while it continues to serve its mandate.

LAPORAN AKTIVITI ACTIVITY REPORT



MAJLIS PENYAMPAIAN CEK KEPADA TABUNG PPUM CARE

28 Januari 2019

Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Kuala Lumpur

Pihak BSN telah menyerahkan sumbangan bernilai RM650,000 kepada Tabung PPUM Care yang merupakan tabung kebajikan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bagi membantu pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan.

Sumbangan ini bertujuan untuk membantu pihak PPUM membuat pembelian peralatan perubatan, kos pembedahan, ubat-ubatan, pembayaran bil pesakit, perbelanjaan rawatan serta pembayaran kos penyelenggaraan peralatan yang disewakan kepada pesakit.

Melalui sumbangan ini, BSN berharap PPUM dapat menampung perbelanjaan masa kini dan akan datang dalam membantu para pesakit yang memerlukan. Lawatan ke Wad Pediatrik juga telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran Maskot BSN, *Kucing Happy*.

CHEQUE PRESENTATION CEREMONY TO THE UMMC CARE FUND

28 January 2019

University Malaya Medical Centre (UMMC), Kuala Lumpur

BSN presented a donation worth RM650,000 to the UMMC Care Fund which is a charity fund set up by University Malaya Medical Centre (UMMC) to aid patients in need.

The donation is to help UMMC in paying for medical facilities, surgery costs, medicines, patient bills, treatment as well as maintenance costs for equipment rented out to patients.

Through this donation, BSN hopes that UMMC would be able to support its current and future expenditures in helping patients in need. A visit to the Pediatric Ward was even more joyful with a special appearance from BSN's mascot, *Kucing Happy*.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

KAYUHAN MAHABBAH YIDE – LZS

16 Mac 2019

Masjid Al Islah, Kapar, Klang, Selangor

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menganjurkan program kayuhan amal sempena dengan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia yang disambut pada bulan Mac setiap tahun.

Melalui program ini, BSN telah menyalurkan sumbangan bernilai RM282,000 untuk pembelian tujuh (7) buah mesin dialisis bagi kegunaan Pusat Dialisis MAIS di Kapar, Klang. Sumbangan tersebut telah diserahkan oleh Datuk Yunos Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN kepada Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor.

MAHABBAH YIDE CHARITY RIDE – LZS

16 March 2019

Al Islah Mosque, Kapar, Klang, Selangor

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) in collaboration with Lembaga Zakat Selangor (LZS) organised a charity bicycle ride in conjunction with World Kidney Day celebrated in March every year.

Through this programme, BSN donated RM282,000 for the purchase of seven (7) dialysis machines for the MAIS Dialysis Centre in Kapar, Klang. The donation was handed over by Datuk Yunos Abd Ghani, Chief Executive of BSN to His Royal Highness Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, the Raja Muda of Selangor.





MAJLIS ANUGERAH SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP) 2019

28 Mac 2019

Grand Ballroom, Zenith Hotel, Putrajaya

Majlis Anugerah Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) merupakan majlis tahunan BSN bagi meraikan para pelajar serta sekolah yang menabung secara konsisten dan tertinggi bersama BSN di peringkat kebangsaan.

Kesemua pemenang utama telah menerima hadiah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dr Maszlee bin Malik, mantan Menteri Pendidikan Malaysia diiringi oleh Datuk Yunus Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN. Turut hadir di majlis anugerah berkenaan adalah pengarah-pengarah dan wakil dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Lembaga Pengarah BSN, wakil-wakil Jabatan Pendidikan Negeri serta pengurusan BSN yang lain.

Program ini diadakan bagi menggalakkan dan memperkasakan tabiat menabung dalam kalangan pelajar serta pihak sekolah untuk menyimpan bersama BSN dan secara tidak langsung berpeluang untuk menyertai pertandingan simpanan yang diadakan pada tahun-tahun akan datang.

SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP) AWARD CEREMONY 2019

28 March 2019

Grand Ballroom, Zenith Hotel, Putrajaya

The *Skim Galakan Simpanan Pelajar* (SGSP) Award Ceremony is an annual event held by BSN to celebrate students and schools that have saved consistently and achieved the highest amount of savings with BSN at national level.

The top winners received their awards from the former Minister of Education, Yang Berhormat Dr Maszlee bin Malik accompanied by Datuk Yunus Abd Ghani, Chief Executive of BSN. Also present were the directors and representatives from the Ministry of Education (MOE), the Board of Directors of BSN, representatives from the State Education Department and BSN's management.

This programme was carried out to encourage and empower the habit of savings among students and schools particularly with BSN and at the same time offer them the opportunity to participate in similar competitions in the future.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERALATAN RAWATAN AIR BERSIH, GUA MUSANG

2 April 2019

Kampung Lambok, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan

Majlis Penyerahan Sumbangan Peralatan Rawatan Air Bersih merupakan salah satu program inisiatif BSN bersama komuniti orang asli Kampung Lambok, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. Majlis ini merupakan hasil kerjasama dengan pihak Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) Kelantan dan Terengganu, Pasukan Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM), Response and Relief Team (IMARET) dan Yayasan Al-Khalifah. Melalui pemasangan peralatan rawatan air bersih di Kampung Lambok, usaha ini telah memberi manfaat kepada penduduk dengan kemudahan air terawat bagi kegunaan harian.

HANDOVER CEREMONY OF CLEAN WATER TREATMENT EQUIPMENT IN, GUA MUSANG

2 April 2019

Kampung Lambok, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan

The Handover Ceremony of Clean Water Treatment Equipment was a BSN initiative for the native community of Kampung Lambok, Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan. The ceremony was held in collaboration with the *Jabatan Kebajikan Orang Asli* (JAKOA) Kelantan and Terengganu, Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM), Response and Relief Team (IMARET) and Al-Khalifah Foundation. With the installation of the clean water treatment equipment in Kampung Lambok, the community can enjoy clean water for their consumption and daily usage.





KARNIVAL KEWANGAN TERENGGANU

4 – 6 April 2019

TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu, Terengganu

BSN telah menyertai Karnival Kewangan Terengganu 2019 yang merupakan acara tahunan anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) pada 4 – 6 April 2019. Karnival Kewangan tersebut diadakan untuk memberi penerangan kepada orang awam tentang produk kewangan seperti skim perlindungan insurans dan takaful serta produk-produk pembiayaan yang lain.

BSN juga telah membuka kaunter bagi mempromosikan produk-produk BSN serta menyertai sesi 'pocket talk' di mana pihak cawangan negeri berkongsi mengenai produk BSN yang ditawarkan serta membuat sesi soal jawab bersama para pengunjung yang hadir. Selain itu, program ini juga merupakan salah satu platform untuk BSN meluaskan jangkauan.

KARNIVAL KEWANGAN TERENGGANU

4 – 6 April 2019

TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu, Terengganu

BSN participated in the Karnival Kewangan Terengganu 2019, an annual event held by Bank Negara Malaysia (BNM) on 4 – 6 April 2019. The Financial Carnival was held as a platform to provide information to the general public about financial products such as insurance protection schemes, takaful and other financing products.

BSN also opened a booth to promote its products, participated in the 'pocket talk' where the state branch shared information about various BSN products, and held a Q&A session with the visitors. This programme is another platform for BSN to widen its reach.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

TANGGUNGJAWAB KORPORAT BSN: KONGSI NIKMAT

10, 14, 16 & 30 Mei 2019

- Balai Bomba dan Penyelamat di Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur
- Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur
- Balai Bomba dan Penyelamat di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF), Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur

Sempena dengan sambutan Ramadan dan Syawal 2019, BSN dengan kerjasama The Star telah menganjurkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang diberi nama Kongsi Nikmat. Program ini telah melibatkan beberapa pasukan badan beruniform iaitu pasukan bomba dan penyelamat, Polis di Raja Malaysia (PDRM) dan juga pegawai di Kementerian Pertahanan di sekitar Lembah Klang. Program ini juga bertujuan untuk menghargai sumbangan setiap keringat mereka yang merupakan 'unsung heroes' yang berkorban untuk memelihara kesejahteraan negara walaupun pada musim perayaan.

Program ini dapat memupuk kesedaran pelbagai pihak termasuk sektor korporat dan masyarakat untuk bersama-sama memberi pengiktirafan kepada organisasi ini. Sumbangan berupa juadah berbuka puasa telah diagihkan melalui *food truck* kepada anggota-anggota badan beruniform yang terlibat sepanjang program #kongsinikmat berlangsung.

BSN CSR RAMADAN: KONGSI NIKMAT

10, 14, 16 & 30 May 2019

- Fire & Rescue Department, Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur
- Kuala Lumpur Police Contingent Headquarters (IPK), Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur
- Fire & Rescue Department, Section 15, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
- Ministry of Defence, Malaysia (MINDEF), Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur

In celebrating the months of *Ramadan* and *Syawal* in 2019, BSN collaborated with The Star to organise a Corporate Social Responsibility (CSR) programme themed '*Kongsi Nikmat*'. Several uniformed task forces attended the programme including the fire and rescue department, the Malaysian Royal Police (PDRM) and officials from the Ministry of Defence around Klang Valley. The programme was held to celebrate the selfless contributions of the unsung heroes in ensuring the well-being of the country even during the festive season.

This programme was aimed to instil awareness among various corporate sectors and the public in acknowledging these organisations. Donation of meals for the breaking of fast were distributed via food trucks to the uniformed members who participated throughout the #kongsinikmat programme.





FESTIVAL HARI GURU MALAYSIA 2019

12 – 16 Mei 2019

SPICE Convention and Exhibition Centre, Pulau Pinang

BSN telah menyertai Festival Hari Guru Malaysia peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB). Festival tersebut telah dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad pada 16 Mei 2019. Dianggarkan seramai 3,500 orang guru telah diraikan dalam sambutan Hari Guru 2019 tersebut yang bertemakan "Guru: Obor Hemah Menyinari Pertiwi".

BSN juga merupakan penaja hadiah bagi kategori utama iaitu Anugerah Inovatif dan Anugerah Tokoh Kebangsaan. BSN turut membuka ruang pameran dan kaunter promosi bagi mempromosikan produk-produk seperti BSN SSP, BSN 1 Teachers Card dan lain-lain produk buat para pendidik dan pengunjung yang hadir sepanjang berlangsungnya festival tersebut.

TEACHER'S DAY FESTIVAL MALAYSIA 2019

12 – 16 May 2019

SPICE Convention and Exhibition Centre, Penang

BSN participated in the national level of Teacher's Day Festival Malaysia organised by Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB). The Festival was officiated by former Prime Minister, YAB Tun Dr Mahathir Mohamad on 16 May 2019. Approximately 3,500 teachers were celebrated in the event themed "Guru: Obor Hemah Menyinari Pertiwi".

BSN sponsored prizes for the main categories of Innovative Award and National Figure Award. BSN also opened a booth and exhibition area to promote its products such as BSN SSP, BSN 1 Teachers Card and others throughout the festival.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOU) 'MICRO FINANCE ENTREPRENEURS (MFE) ANALYTICS PILOT PROJECT' DI ANTARA BSN & UiTM

21 Jun 2019

UiTM Shah Alam, Selangor

BSN telah bekerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui memorandum perjanjian 'Micro Finance Entrepreneurs (MFE) Analytics Pilot Project' iaitu kerjasama yang diadakan bagi menambah baik pengurusan perakaunan pelanggan-pelanggan BSN Micro/i. Perisian perakaunan ini membantu pelanggan-pelanggan BSN Micro/i memantau aktiviti kewangan perniagaan dan secara tidak langsung meningkatkan perniagaan mereka agar lebih berdaya saing dan kompeten dalam pengurusan kewangan.

Majlis MoU tersebut ditandatangani oleh Datuk Yunos Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN serta disaksikan oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN. Bagi pihak UiTM pula, perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Prof Emeritus Ir Dr Mohd Azraai bin Kasim, Naib Canselor UiTM dan disaksikan oleh Prof Dr Hajjah Faizah Darus, Dekan Fakulti Perakaunan, UiTM.

SIGNING CEREMONY OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) FOR THE MICRO FINANCE ENTREPRENEURS (MFE) ANALYTICS PILOT PROJECT BETWEEN BSN & UiTM

21 June 2019

UiTM Shah Alam, Selangor

BSN collaborated with Universiti Teknologi MARA (UiTM) via a memorandum of understanding for the Micro Finance Entrepreneurs (MFE) Analytics Pilot Project to improve the accounting management of BSN Micro/i clients. This accounting software enable BSN Micro/i clients to monitor their financial activities and indirectly improves their business performance to be more competitive and competent in financial management.

The MoU was signed by Datuk Yunos Abd Ghani, Chief Executive of BSN witnessed by Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN. Representing UiTM were Prof Emeritus Ir Dr Mohd Azraai bin Kasim, Vice Chancellor of UiTM and witnessed by Prof Dr Hajjah Faizah Darus, Dean, Faculty of Accounting, UiTM.





MAJLIS PELANCARAN SARAWAK PAY

21 Julai 2019

Perkarangan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Sebauh, Sarawak

Majlis pelancaran Sarawak Pay ini merupakan salah satu inisiatif BSN menerusi Ejen Bank Berdaftar (EB BSN) dan *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) dalam memperkenalkan masyarakat luar bandar di Sarawak dengan aplikasi *e-wallet*.

Melalui kerjasama ini, komuniti di Sarawak dapat melakukan transaksi pembayaran bil atau pembelian melalui telefon pintar. YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak telah hadir merasmikan majlis tersebut diiringi oleh Datuk Yunos Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN dan Dr Zaidi bin Razak, Pengurus Besar SMA.

Fasa pertama kolaborasi ini membolehkan pelanggan melakukan simpanan dan pengeluaran wang dari *Sarawak Pay* melalui EB BSN. Aplikasi ini akan dipertingkatkan lagi dalam fasa seterusnya dengan penambahan lebih banyak perkhidmatan lain seperti pembiayaan mikro dan bantuan kebajikan.

LAUNCHING CEREMONY OF SARAWAK PAY

21 July 2019

Bintulu Development Authority (BDA), Sebauh, Sarawak

The launch of Sarawak Pay is a BSN-led initiative via the Banking Agent (EB BSN) and Sarawak Multimedia Authority (SMA) to introduce the application of e-wallet to the rural community in Sarawak.

Through this collaboration, the rural community in Sarawak is able to perform bill payments or make purchases via smart phones. YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, the Chief Minister of Sarawak officiated the event accompanied by Datuk Yunos Abd Ghani, Chief Executive of BSN and Dr Zaidi bin Razak, General Manager of SMA.

The first phase enables customers to carry out deposits and withdrawals using Sarawak Pay via EB BSN. This application will be upgraded in the subsequent phase with the addition of other services such as microfinancing and charity aids.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

MAJLIS PELANCARAN SISTEM PENGURUSAN PEMBIAYAAN (LMS) DAN PEMETERAIAN MOU DI ANTARA LPPSA, BANK ISLAM DAN BSN

2 Ogos 2019

Zenith Hotel, Putrajaya

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah mengadakan Majlis Pelancaran Sistem Pengurusan Pembiayaan (LMS) dan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Bank Islam dan BSN.

LPPSA yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Kamal bin Mohd Ali telah memeterai MoU bersama BSN yang diwakili oleh Ketua Eksekutif Datuk Yunos Abd Ghani dan Bank Islam yang diwakili oleh, Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Mohd Muazzam Mohamed.

Mantan Timbalan Menteri Kewangan Dato' Ir Haji Amiruddin Hamzah dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir merangkap Pengerusi LPPSA turut sama menyaksikan pemeteraian MoU ini. Ini merupakan satu inisiatif positif yang melibatkan kerjasama sektor awam dan swasta bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk memastikan setiap kakitangan sektor awam memiliki rumah kediaman.

LAUNCHING CEREMONY OF THE LOAN MANAGEMENT SYSTEM (LMS) AND MOU SIGNING BETWEEN LPPSA, BANK ISLAM AND BSN

2 August 2019

Zenith Hotel, Putrajaya

The Public Sector Home Financing Board (LPPSA) held the Launching Ceremony of the Loan Management System (LMS) and signing of the Memorandum of Understanding (MoU) with Bank Islam and BSN.

Chief Executive Officer of LPPSA, Dato' Kamal bin Mohd Ali has signed the MoU with BSN's Chief Executive, Datuk Yunos Abd Ghani and Bank Islam's Chief Executive Officer, Tuan Mohd Muazzam Mohamed.

Former Deputy Minister of Finance, Dato' Ir Haji Amiruddin Hamzah and Secretary General of Treasury, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir who is acting Chairman of LPPSA witnessed the MoU signing. This is a positive initiative involving the collaboration between the public and private sectors in realising the Government's desire to ensure that every public sector employee can own a home.





MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA STRATEGIK – PENULISAN WASIAT ASAS ANTARA BSN DAN MAAB

5 Ogos 2019

W Hotel, Kuala Lumpur

BSN dan MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Strategik – Penulisan Wasiat Asas untuk mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan penulisan wasiat. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Datuk Yunos Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN dan disaksikan oleh Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Ketua Pegawai Perniagaan BSN. Bagi pihak MAAB pula, perjanjian telah ditandatangani oleh Tuan Haji Abdullah bin Muhamad, Lembaga Pengarah MAAB dan disaksikan oleh Dato' Ahmad Saruji Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif MAAB.

BSN telah mula memasarkan produk penulisan wasiat sebagai salah satu perkhidmatan perbankannya sejak tahun 2018. Pada awal tahun 2019, pihak Bank telah memperluaskan lagi perkhidmatan ini melalui kerjasama strategik bersama MAAB yang menawarkan perkhidmatan penulisan wasiat melalui platform digital. Selain itu, yuran perkhidmatan yang dikenakan bagi produk ini juga adalah berpatutan.

SIGNING CEREMONY OF THE STRATEGIC COLLABORATION ON BASIC WILL WRITING BETWEEN BSN AND MAAB

5 August 2019

W Hotel, Kuala Lumpur

BSN and MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) signed the Strategic Collaboration Agreement on Basic Will Writing to raise awareness on the importance of will writing. The agreement was signed by Datuk Yunos Abd Ghani, Chief Executive of BSN and witnessed by Encik Mujibburrahman Abd Rashid, Chief Business Officer of BSN. For MAAB, the agreement was signed by Tuan Haji Abdullah bin Muhamad, Board Director of MAAB and witnessed by Dato' Ahmad Saruji Abdul Aziz, Chief Executive Officer of MAAB.

BSN had marketed the will writing product as one of its banking services since 2018. Earlier in 2019, the Bank had broadened this service through the strategic collaboration with MAAB which offers the service via a digital platform. A reasonable service fee is imposed for this service.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

KONSERT DIRAJA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

29 September 2019

Panggung Sari, Istana Budaya Kuala Lumpur

BSN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan penaja utama yang bertindak bagi menjayakan konsert ini pada 29 September 2019 di Panggung Sari, Istana Budaya Kuala Lumpur. Konsert Diraja anjuran KPM ini merupakan sebuah platform bagi mencungkil bakat-bakat cilik yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di peringkat institusi pendidikan tinggi. Program yang dianjurkan ini telah membuka peluang keemasan bagi setiap pelajar menonjolkan bakat mereka dalam bidang nyanyian dan lakonan.

Pada acara kemuncak konsert, para pelajar yang terpilih juga telah tampil membuat persembahan di hadapan Raja Permaisuri Agong iaitu Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.

ROYAL CONCERT, MINISTRY OF EDUCATION

29 September 2019

Panggung Sari, Istana Budaya Kuala Lumpur

BSN in collaboration with the Ministry of Education (MOE) became the main sponsor for the concert held on 29 September 2019 at Panggung Sari, Istana Budaya Kuala Lumpur. The Royal Concert organised by MOE is a platform to showcase the talents of students from primary and secondary schools as well as those in higher learning institutions. This programme opened up a golden opportunity for the students to display their singing and acting talents.

The concert culminated with a performance by a group of selected students in front of the Raja Permaisuri Agong, Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj.





BSN SMART JUNIOR (BSJ) JUNIOR CAMP PERINGKAT NEGERI & KEBANGSAAN 2019

- 6 & 7 November 2020 – Pusat Kokurikulum Negeri Selangor
- 16 & 17 November 2019 – Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu

Program BSN *Smart Junior* (BSJ) *Camp* merupakan program kem yang julung kali diadakan oleh BSN dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia yang melibatkan seramai 330 orang murid daripada tujuh (7) buah negeri. Kesemua peserta terlibat adalah murid-murid berusia antara 11 hingga 15 tahun.

BSJ adalah kelab simpanan di bawah kelolaan BSN untuk para pelajar seawal usia 7 hingga 20 tahun membuat simpanan. Melalui program ini, ahli-ahli berpeluang untuk melakukan aktiviti kem seperti *Treasure Hunt*, *Abseiling*, *Water Confident*, *Survival Cooking*, Permainan Dinamik serta Pengurusan Kewangan oleh BNM. Pada tahun 2019, program BSJ *Junior Camp* Peringkat Kebangsaan dianjurkan pada 6 & 7 November 2019 dan Peringkat Negeri pula dianjurkan di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu pada 16 & 17 November 2019 melibatkan 80 orang murid dari dua (2) negeri iaitu Terengganu & Kelantan.

Selain aktiviti kem, BSJ juga telah mengadakan beberapa aktiviti luar sekolah yang lain seperti Program STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) di Petrosains melibatkan lebih 1,000 ahli BSJ di seluruh negara.

BSN SMART JUNIOR (BSJ) JUNIOR CAMP AT STATE & NATIONAL LEVELS 2019

- 6 & 7 November 2020 – Selangor Co-curriculum Centre
- 16 & 17 November 2019 – Terengganu Co-curriculum Centre

This is the first BSN Smart Junior (BSJ) Camp held by BSN in collaboration with the Daily School Management Department, Ministry of Education Malaysia which involved 330 students from seven (7) states. All the participants were aged between 11 and 15 years old.

BSJ is a savings club under BSN for students aged between 7 and 20 years old. Through this programme, the members participated in activities such as *Treasure Hunt*, *Abseiling*, *Water Confident*, *Survival Cooking*, *Dynamic Games* and *Financial Management* organised by BNM. In 2019, the National Level BSJ Junior Camp was held on 6 & 7 November 2019 whilst the State Level Camp was held on 16 & 17 November 2019 at the Terengganu Co-curriculum Centre involving 80 students from two (2) states namely Terengganu & Kelantan.

Apart from the camp activities, BSJ also conducted several out-of-school activities such as the STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics) Programme at Petrosains involving more than 1,000 BSJ members nationwide.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

JOM TO SCHOOL BSN

10 – 22 November 2019

Seluruh negara

Program *Jom To School* (JTS) BSN ini diadakan lagi buat kali ke-2 bagi meneruskan inisiatif membantu murid-murid kurang berkemampuan membuat persiapan menjelang tahun baharu persekolahan.

Pada tahun 2018, pihak bank membantu seramai 1,041 orang pelajar manakala pada tahun 2019, jumlah pelajar ditingkatkan kepada 2,000 pelajar daripada tahun 2 hingga 5 agar lebih ramai murid yang kurang berkemampuan dapat memulakan sesi persekolahan dengan selesa.

Kesemua pelajar telah menerima set kelengkapan persekolahan yang terdiri daripada sepasang pakaian seragam sekolah, stokin, kasut sekolah dan alat tulis. Selain daripada itu, pihak bank juga turut menandatangani RM50 ke dalam akaun setiap pelajar.

Penganjuran program ini juga adalah sebagai tanda penghargaan kepada sekolah-sekolah dan guru-guru yang setia menyokong kempen dan aktiviti promosi BSN.

JOM TO SCHOOL BSN

10 – 22 November 2019

Nationwide

The *Jom To School* (JTS) programme was carried out for the second consecutive year to continue the initiative to aid underprivileged students in preparing for the new school year.

In 2018, the Bank aided 1,041 students and the number increased to 2,000 students in 2019 involving students from Year 2 to 5 to ensure that more underprivileged students can begin their school year in comfort.

All the students received a complete back-to-school set consisting of a pair of school uniform, socks, school shoes and stationeries. The Bank also deposited RM50 to each student's account.

The organisation of this programme acts as a token of appreciation to schools and teachers who have been loyal in supporting the campaigns and promotional activities conducted by BSN.





PROGRAM BERKHATAN BSN BERSAMA ASNAF 2019

7 Disember 2019

Masjid Al-Amaniah Attaiyibah, Kg Seri Klebang, Perak

Program Berkhatan BSN Bersama Asnaf ini adalah sebahagian daripada inisiatif CSR untuk masyarakat yang kurang berkemampuan. Program ini juga merupakan platform bagi BSN untuk mengenali masyarakat sekitar dengan lebih dekat, sejajar dengan visi BSN iaitu "Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan". Program berkhatan ini telah disertai oleh 100 orang anak-anak asnaf yang dipilih oleh pihak urusetia dari kalangan keluarga asnaf yang telah berdaftar.

BSN telah menyalurkan Sumbangan Bantuan Am Persekolahan yang bernilai RM200 untuk setiap anak-anak yang menyertai program berkhatan ini. Program ini telah dilancarkan dan dihadiri oleh Ketua Pegawai Perniagaan BSN, Encik Mujibburrahman Abd Rashid sebagai tanda sokongan moral kepada anak-anak asnaf ini.

BSN CIRCUMCISION PROGRAMME FOR THE ASNAF 2019

7 December 2019

Al-Amaniah Attaiyibah Mosque, Kg Seri Klebang, Perak

The BSN Circumcision Programme for the Asnaf is part of the Bank's CSR initiative for the less fortunate. This programme is also a platform for BSN to be close to local community in line with BSN's vision which is "No Malaysian Left Behind". This programme involved the participation of 100 asnaf children selected by the secretariat of the registered asnaf families.

BSN channeled the General School Aid worth RM200 for every child that participated in this programme. This programme was officiated by Chief Business Officer of BSN, Encik Mujibburrahman Abd Rashid who attended the event to give moral support to the children.

LAPORAN AKTIVITI

ACTIVITY REPORT

PELANCARAN BSN CARE

19 Disember 2019

Auditorium, Wisma BSN & melalui telepresence seluruh negara

Majlis Pelancaran Jenama BSN *Care* telah diadakan bertujuan bagi memperkukuhkan imej CSR BSN di samping mempertingkatkan persepsi positif para pelanggan terhadap jenama BSN secara amnya. Majlis yang berlangsung di Auditorium BSN ini telah dilancarkan oleh Datin Zaimah Zakaria, Ahli Lembaga Pengarah BSN dan diiringi oleh Datuk Yunos Abd Ghani, Ketua Eksekutif BSN.

Logo BSN *Care* turut diperkenalkan semasa majlis pelancaran ini, dan gambaran kombinasi rama-rama dan burung merpati yang membawa makna transformasi, kelestarian, keamanan, impian serta sebuah kehidupan yang baharu. Warna teal yang digunakan pada huruf 'BSN' tersebut menggambarkan warna korporat BSN manakala warna magenta pada huruf '*Care*' pula melambangkan kepelbagaian budaya seiring dengan objektif BSN iaitu membantu masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama.

Sempena dengan pelancaran jenama tersebut, BSN juga telah mengedarkan lebih 500 bungkus nasi lemak kepada semua kakitangan yang hadir di Ibu Pejabat dan lebih 100 bungkus nasi lemak kepada pelanggan di kesemua Cawangan Utama Negeri (CUN) dan tiga (3) Cawangan Mini atau Zon di negeri-negeri yang terpilih.

Selain itu, BSN turut sama mengedarkan 700 bungkus nasi lemak kepada dua (2) organisasi media iaitu Bernama dan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

LAUNCHING OF BSN CARE

19 December 2019

Auditorium, Wisma BSN & via telepresence nationwide

The launch of the BSN Care brand was to establish the CSR BSN image apart from enhancing positive perception towards the BSN brand in general. The ceremony held at BSN Auditorium was officiated by Datin Zaimah Zakaria, member of BSN Board of Directors, accompanied by Datuk Yunos Abd Ghani, Chief Executive of BSN.

The BSN Care logo was also launched during the event, and depicted the images of a butterfly and a dove combined to signify transformation, sustainability, peace, hope and new life. The teal used in 'BSN' is the Bank's corporate colour while the word 'Care' is in magenta symbolising cultural diversity, in line with BSN's objective to help the society regardless of race and religion.

In conjunction with the brand launch, BSN distributed more than 500 packets of '*nasi lemak*' to all employees at the Headquarters and more than 100 packets of '*nasi lemak*' to customers at all Main State Branches and three (3) Mini Branches or selected state Zones.

Aside from that, BSN also distributed 700 '*nasi lemak*' packets to two (2) media organisations, namely Bernama and The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).





FESTIVAL LIFT PUTRAJAYA 2019

28 – 29 Disember 2019

Wisma Perkeso, Putrajaya

Festival LIFT ini merupakan salah sebuah program anjuran bersama oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Festival selama dua hari ini telah dirasmikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

BSN telah dijemput untuk membuka ruang pameran mempamerkan penawaran kewangan seperti membuka akaun simpanan, BSN SSP, Pinjaman Peribadi dan lain-lain lagi. Ruang pameran BSN turut menerima kunjungan YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bagi sesi beramah mesra bersama pengunjung yang turut hadir memeriahkan majlis.

FESTIVAL LIFT PUTRAJAYA 2019

28 – 29 December 2019

Wisma Perkeso, Putrajaya

The LIFT Festival is one of the collaborative programmes organised by the Ministry of Finance and Bank Negara Malaysia. The two-day festival was officiated by former Deputy Prime Minister, YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

BSN was invited to open an exhibition booth promoting its financial products such as savings account, BSN SSP, Personal Loan and others. The BSN showroom also received a visit from YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail for a friendly session with the visitors who attend the occasion.





Bank Simpanan Nasional (BSN) mempunyai tradisi dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang, kaum dan kedudukan sosial. Sejalan dengan visinya, 'Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan', BSN komited untuk mencapai hubungan yang mapan dan bermakna kepada para pelanggan bukan sahaja dengan menyediakan perkhidmatan perbankan, malahan juga melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sekaligus memberi impak yang positif kepada komuniti.

BSN juga telah memperkukuhkan lagi imej jenama CSRnya dengan mewujudkan 'BSN Care' bersama slogan 'Memperkaya Setiap Langkah Kehidupan', bertujuan untuk mempertingkatkan persepsi positif pelanggan dan nilai jenama BSN melalui aktiviti CSR. Dengan memiliki jenama CSR yang kukuh, ia dapat memberikan nilai tambah kepada BSN dan secara tidak langsung membezakannya daripada institusi-institusi kewangan yang lain.

CSR BSN adalah sejajar dengan janji jenama kami iaitu 'Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik' demi menyediakan akses perbankan yang menyeluruh kepada semua komuniti terutamanya mereka yang berada di luar bandar dan pedalaman selaras dengan mandat kami untuk memperkasakan rangkaian kewangan kepada semua.

Bank Simpanan Nasional (BSN) has a long-standing tradition of serving Malaysians from all walks of life regardless of background, race and social standing. In line with the Bank's vision 'No Malaysian Left Behind', the Bank is committed to achieve sustainable and meaningful relationships with its customers not only by providing banking services, but also through Corporate Social Responsibility (CSR) programmes, which will bring positive impact to the community.

BSN has strengthened its CSR brand image by establishing 'BSN Care' with its tagline 'Enriching Lives Each Step of the Way', aimed at enhancing consumer's perception and increasing its brand value through CSR activities. By having a strong CSR brand, this will create an added value for BSN in the market hence differentiating it from other financial institutions.

BSN's CSR is aligned with its brand promise – 'A Better Life Within Your Reach' to provide the community especially the underserved, the opportunity to enjoy a better life by championing our mandated roles in providing financial inclusion to all.



Projek Teras/Core Project		
Pendidikan Education	Kami menolong masyarakat dengan memupuk keperluan pendidikan anak-anak. <i>We help the community by investing in children's education needs.</i>	Jom to School Menyediakan keperluan asas persekolahan kepada pelajar-pelajar sekolah yang kurang berkemampuan di semua 13 negeri. Jom to School Providing basic school needs to underprivileged school children at all 13 states.
Keselamatan & Kesihatan Health & Safety	Kami menyokong usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan. <i>We support sustainable efforts towards promoting health, wellbeing and safety.</i>	Program Kesedaran Keselamatan untuk Komuniti Kesedaran mengenai keselamatan jalan raya, kebakaran dan keganasan. Penjagaan Buah Pinggang Menyumbangkan mesin dialisis ke pusat-pusat dialisis bagi membantu mengurangkan kos rawatan yang semakin meningkat dan beban kewangan masyarakat dengan menawarkan alternatif yang berpatutan. Safety Awareness Programme for Community Awareness on road safety, fire and violence. Kidney Care Giving out dialysis machines to dialysis centres as the treatment cost is rising and we aim to reduce the financial burden of communities by offering them an affordable alternative.
Komuniti Community	Kami menyediakan peluang untuk menjana kehidupan yang mapan dan impak sosial. <i>We create opportunities to generate sustainable livelihoods and social impact.</i>	Penglibatan Komuniti Menyokong komuniti yang kurang berkemampuan di seluruh negara seperti ibu tunggal, golongan gelandangan dan keluarga yang kurang bernasib baik dengan memberikan bantuan keperluan asas. Community Engagement Supporting the underserved communities across the nation such as single mothers, homeless and underprivileged families by providing basic necessities assistance.
Sukan Sports	Kami memupuk bakat dengan menanamkan kepentingan sukan dalam kalangan generasi masa hadapan. <i>We nurture talent by instilling the importance of sports among future generation.</i>	Ikon Pelajar BSN Menaja pelajar yang berpotensi/bakal bintang yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang sukan malahan juga pelajaran. Ikon BSN akan menjadi pelajar contoh bagi pelajar-pelajar lain. BSN Student Icon Sponsoring a rising star in sports who is not only successful in sports but also in education. BSN's Student Icon will be an influencer and role model for other students.

SOROTAN MEDIA

MEDIA HIGHLIGHTS

'Kempen Belanja & Menang dengan BSN-Teachers Mastercard' HARGA JASA GURU



Berita baik untuk guru-guru di Malaysia! Untuk membolehkan guru-guru yang bekerja di sekolah swasta berhadapan dengan kemiskinan, BSN telah memperkenalkan kad kredit BSN-Teachers Mastercard dengan kerjasama strategik bersama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Melalui kad kredit BSN-Teachers Mastercard, guru-guru yang bekerja di sekolah swasta akan dapat menikmati faedah kredit yang sama dengan guru-guru di sekolah kerajaan.

BSN CARE dilancar perkukuh jenama, imej



Bank Simpanan Nasional (BSN) hari ini melancarkan jenama BSN CARE sebagai inisiatif korporat CSR. BSN CARE bertujuan memperkukuhkan lagi imej BSN dalam usaha memperkukuhkan hubungan positif dengan masyarakat.



BSN Sarawak treats reporters to afternoon tea



'Sarawak Pay-BSN tie-up opens digital doors for rural communities'

SARAWAK: The digital revolution in Sarawak has been a game-changer for the state's rural communities. Among them, the collaboration between Sarawak Pay and BSN has opened up a world of digital financial services for rural communities.

Through this collaboration, rural communities are now able to make payments via bills, to pay for utilities, and to make other digital transactions.

As they have to do so, they can also benefit from the digital services provided by BSN, such as the BSN CARE program, which offers financial assistance to rural communities.

The BSN CARE program is a digital financial service that provides financial assistance to rural communities. It is a digital financial service that provides financial assistance to rural communities.

#kongsinikmat food truck goes a-calling at fire station



Happy firemen from the Shah Alam Section 15 station the #kongsinikmat food truck. — AZLINA ABDULLAH

A MANDATE OF SERVICE



BSN peruntuk RM500,000 bantu 2,000 murid miskin di seluruh negara

PASIR PUTEH: Bank Simpanan Nasional (BSN) mem-

peruntukkan RM500,000 untuk membantu 2,000 pelajar miskin dalam bentuk kelengkapan sekolah dan wang tunai bagi sesi persekolahan baharu di seluruh negara pada tahun ini.

Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat BSN Arida Ariffin berkata penerima yang terdiri daripada murid tahun dua hingga lima itu akan dibekalkan dengan satu set pakaian, stok, kasut serta wang tunai sebanyak RM50 yang dimasukkan ke dalam akaun penerima.

"Penerima terdiri daripada ibu bapa kurang berkemampuan dan disifatkan di bawah program e-Kasih Jabatan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita pada Program Jom To School di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Pasir Puteh di sini,

Bank bags prestigious award from credit card company

BANK Simpanan Nasional (BSN) has received the "Highest Payment Volume Growth for Consumer Debt" award from Visa Malaysia.

The award was presented by Visa Malaysia to BSN's Managing Director, Mr. Mydin Yusoff, at the bank's headquarters in Kuala Lumpur.

BSN recorded a sales breakthrough of 65.8% in the number of transactions, recording more than five million in total.

Introduced in December 2013, the BSN Visa debit card enables Malaysians to make payments seamlessly using Visa contactless payment technology.

"As of September 2019, we have a



Mr. (left) presenting the award to Mydin Yusoff at Bank Simpanan Nasional's headquarters in Kuala Lumpur.

total of 6.3 million debit cardholders. We are committed to serving our customers in the best of our abilities by creating business and con-

sistent payment experiences, and making them to win great prizes through attractive campaigns," said Mydin Yusoff.

Cabutan BSN SSP tawar RM21.96 juta

Bank Simpanan Nasional (BSN) mengumumkan cabutan SSP (Small Savings Plan) yang menawarkan hadiah bernilai RM21.96 juta kepada pemenang. Cabutan ini diadakan pada 15 Disember 2019. Pemenang utama cabutan ini ialah seorang lelaki berusia 45 tahun yang menang RM21.96 juta. Beliau menang cabutan ini dengan membeli SSP BSN pada 15 Disember 2018. Cabutan ini diadakan setiap tahun oleh BSN. Cabutan ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap SSP BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

3,300 tetamu meriahkan sambutan Aidilfitri BSN

MERIAH, Lebih 3,300 tetamu hadir memeriahkan majlis sambutan Aidilfitri Bank Simpanan Nasional (BSN) yang di-



BSN targets 15,000 purchases of BSN Fitrah in 2020

Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) memeterai perjanjian jaminan pertakaaf bernilai RM50 juta untuk membeli BSN Fitrah. Perjanjian ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap BSN Fitrah. Perjanjian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Perjanjian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Perjanjian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Perjanjian ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

BSN, CGC sedia jaminan pembiayaan RM50 juta

Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) memeterai perjanjian jaminan pertakaaf bernilai RM50 juta untuk membeli BSN Fitrah.



Anni (fourth left) presents the aid to a pupil as Law (third left) and others look on.

BSN presents aid to primary school pupils

Sasar cutat 15,000 pemegang BSN Fitrah

Bank Simpanan Nasional (BSN) mengumumkan sasaran cutat 15,000 pemegang BSN Fitrah. Sasaran ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap BSN Fitrah. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

Imaginative video leads to top honour

Video imaginatif yang dihasilkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) telah meraih penghargaan tertinggi. Video ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap BSN. Video ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Video ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Video ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Video ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

BSN, LMS lancar aplikasi Sarawak Pay

Bank Simpanan Nasional (BSN) dan LMS (Lombong Mining Sarawak) telah melancarkan aplikasi Sarawak Pay. Aplikasi ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap BSN. Aplikasi ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Aplikasi ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Aplikasi ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Aplikasi ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.



Bank customers happy with their RM88,888 win



Bank Simpanan Nasional (BSN) mengumumkan cabutan SSP (Small Savings Plan) yang menawarkan hadiah bernilai RM88,888 kepada pemenang. Cabutan ini diadakan pada 15 Disember 2019. Pemenang utama cabutan ini ialah seorang lelaki berusia 45 tahun yang menang RM88,888. Beliau menang cabutan ini dengan membeli SSP BSN pada 15 Disember 2018. Cabutan ini diadakan setiap tahun oleh BSN. Cabutan ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap SSP BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Cabutan ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

Sasar 100,000 jualan surat wasiat hingga hujung tahun

Bank Simpanan Nasional (BSN) mengumumkan sasaran 100,000 jualan surat wasiat hingga hujung tahun. Sasaran ini bertujuan untuk meningkatkan minat masyarakat terhadap BSN. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan BSN. Sasaran ini juga bertujuan untuk meningkatkan pendapatan masyarakat.

MEMAJUKAN KOMUNITI

ADVANCING THE COMMUNITY

BSN *Care* dirasmikan pada 2019 bagi memperkukuhkan lagi pelaburan tanggungjawab sosial korporat (CSR) BSN di bawah empat (4) tonggak utama merangkumi Pendidikan, Komuniti, Keselamatan serta Kesihatan dan Sukan. Inisiatif-inisiatif BSN *Care* adalah sejajar dengan nilai-nilai teras BSN serta janjinya untuk 'Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik (*A Better Life within Your Reach*)' dan mandat untuk 'Memperkasakan Rangkuman Kewangan untuk Semua (*Empowering Financial Inclusion for All*)'.

BSN Care was unveiled in 2019 to further strengthen BSN's corporate social responsibility investments under the four (4) core pillars of Education, Community, Safety and Health and Sports. BSN Care initiatives are in line with BSN's core values and promise of 'A Better Life within Your Reach' and mandate of 'Empowering Financial Inclusion for All'.





PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional (BSN) komited untuk mematuhi prinsip-prinsip tadbir urus korporat dan memegang pada Dokumen Dasar Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Tadbir Urus Korporat untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang Ditetapkan (BNM/RH/PD 035-5).

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional is committed in upholding the principles of Corporate Governance and subscribes to Bank Negara Malaysia's Policy Document on Corporate Governance for prescribed Development Financial Institutions (BNM/RH/PD 035-5).

A. LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah kini dianggotai tujuh (7) orang Pengarah susulan daripada tamatnya tempoh lantikan dua (2) orang Pengarah dan peletakan jawatan seorang Pengarah. Komposisi Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada enam (6) orang Pengarah Bukan Eksekutif. Pengarah Eksekutif merupakan Ketua Eksekutif BSN. Kesemua Pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap Pengarah juga disertakan dalam laporan ini.

Pelantikan kesemua Pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam (BNM/RH/PD 035-5).

Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi BSN. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting sekiranya perlu. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat belas (14) kali. Kehadiran Pengarah-Pengarah adalah seperti berikut.

A. BOARD OF DIRECTORS

The Board of Directors currently has seven (7) Directors following the expiry of the appointment term of two (2) Directors and the resignation of a Director. The Board has six (6) Non-Executive Directors. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All Directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each Director is briefly described in this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under (BNM/RH/PD 035-5).

The Board of Directors meet at least once a month to consider financial matters, strategies and policies as well as monitor overall performance of BSN. Special Board meetings were also convened to consider urgent business matters as and when required. During the financial year ended 31 December 2019, the Board met fourteen (14) times. The attendance of the Directors is as follows:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	Tan Sri Abu Bakar Haji Abdullah (Pengerusi/Chairman) Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non Executive Non Independent (tamat tempoh lantikan pada 28 Februari 2019/term ended on 28 February 2019)	2/2*
2	Encik Razali Othman (Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman) Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non Executive Non Independent (dilantik pada 1 Februari 2019/appointed on 1 February 2019)	13/13**
3	Datuk Yunos Abd Ghani Eksekutif Bukan Bebas/Executive Non Independent	14/14
4	Tuan Haji Selamat Haji Sirat Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent	14/14
5	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent (meletak jawatan pada 31 Januari 2019/resigned on 31 Januari 2019)	1/1*

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
6	Tuan Haji Kamari Zaman Juhari <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>(tamat tempoh lantikan pada 20 April 2019/term ended on 20 April 2019)</i>	3/3*
7	Datin Zaimah Zakaria <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i>	14/14
8	Professor Dr Rozainun Haji Ab Aziz <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>(tamat tempoh lantikan pada 18 Oktober 2019/term ended on 18 October 2019)</i>	10/10*
9	Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>(dilantik pada 9 Ogos 2019/appointed on 9 August 2019)</i>	6/6**
10	Encik Ahmad Lutfi Abdull Mutalip @ Talib <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>(dilantik pada 9 Ogos 2019/appointed on 9 August 2019)</i>	6/6**
11	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non Executive Independent</i> <i>(dilantik pada 23 Oktober 2019/appointed on 23 October 2019)</i>	4/4**

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan.

** Refers to the number of meetings attended from the date of appointment.

B. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA

Terdapat tiga (3) jawatankuasa lembaga yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab:

- (i) Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan;
- (ii) Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko; dan
- (iii) Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraan.

B. COMMITTEES

There are three (3) Board Committees to assist the Board in discharging its duties and responsibilities:

- (i) Board Audit and Examination Committee;
- (ii) Board Risk Management Committee; and
- (iii) Board Nomination and Remuneration Committee.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT DAN PEMERIKSAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan (JAP) adalah untuk mengkaji kedudukan kewangan BSN, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan menyarankan secara berkala tindakan pemulihan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JAP adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta hutang lapuk dan hutang ragu. Semakan semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JAP tidak boleh terlebih dulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JAP juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan untuk audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara BSN dan pengurusan kecairan BSN keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula kebebasan dan prestasi Juruaudit Luar, bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli Juruaudit Luar serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;

BOARD AUDIT AND EXAMINATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Audit and Examination Committee (AEC) is to review the financial condition of BSN, its internal controls, performance and findings of the internal auditors and to recommend appropriate remedial action regularly.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the AEC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner, with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss statement before presenting them to the Board and ensure the annual report is published according to schedule;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations, etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend actions to be taken by Management. The reports from internal auditors and AEC should not be subject to the clearance of the Chief Executive and/or Executive Director. The AEC should also evaluate the performance and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of BSN;
- The AEC should evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review the independence and performance of the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by the Management and its staff to the External Auditors and any findings and actions to be taken;

- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
 - Andaian perniagaan berterusan;
 - Pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
 - Perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
 - Isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit.
- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar melalui audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit Luar tanpa pembabitan pihak pengurusan;
- Mengkaji semula kandungan surat kepada pengurusan dari Juruaudit Luar serta jawapan dari pengurusan; dan
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam BSN atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak pengurusan.
- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
 - Continuous business assumptions;
 - Compliance to accounting standard and legal requirements;
 - Changes in policy and accounting practices;
 - Important issues and extraordinary matters which arise from the audit process.
- Discuss any issues and reservations raised by the External Auditor from the interim and final audits, as well as any matter which the External Auditors may wish to discuss in the absence of the Management;
- Review the contents of the Management Letter issued by the External Auditors as well as the Management's responses thereto; and
- Review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise in BSN or within the group including any transaction, procedure or conduct that raises question of the Management's integrity.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Dalam tahun 2019, JAP telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	Tuan Haji Selamat Haji Sirat (<i>Pengerusi/Chairman</i>)	13/13
2	Tuan Haji Kamari Zaman Juhari	5/5*
3	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim	1/2*
4	Professor Dr Rozainun Haji Ab Aziz	10/10*
5	Datin Zaimah Zakaria	13/13
6	Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim	3/3**
7	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar	3/3**

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan.

** Refers to the number of meetings attended from the date of appointment.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The AEC meets at least once in three months. During the financial year ended 2019, the AEC has met thirteen (13) times. The attendance recorded for the members of the AEC is as follows:

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) adalah untuk menyelia aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus bahagian risiko utama BSN dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk keseluruhan risiko berkaitan aktiviti BSN;
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko; dan
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, JLPR telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	Datuk Fazlur Rahman Ebrahim (Pengerusi sehingga 31 Januari 2019)/Chairman until 31 January 2019)	1/1*
2	Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim (Pengerusi bermula 1 Oktober 2019)/Chairman from 1 October 2019)	4/4**
3	Tuan Haji Selamat Haji Sirat (Pengerusi Mesyuarat dari 23 April 2019 sehingga 17 September 2019/ Meeting Chairman from 23 April 2019 until 17 September 2019)	13/13
4	Tuan Haji Kamari Zaman Juhari (Pengerusi bermula 1 Februari 2019 sehingga 31 Mac 2019/ Chairman from 1 February 2019 until 31 March 2019)	3/3*
5	Professor Dr Rozainun Haji Ab Aziz	10/10*
6	Datin Zaimah Zakaria	13/13
7	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar	4/4**

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan.

** Refers to the number of meetings attended from the date of appointment.

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the Senior Management's activities in managing the key risk areas of BSN and to ensure that the risk management process is in place and is functioning effectively.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulating strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommending appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Reviewing the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promoting an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- Ensuring that the infrastructure, resources and systems are in place to identify, measure, monitor and control risks;
- Reviewing management's periodic information on risk exposures and risk management activities; and
- Formulating business continuity plans.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The BRMC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2019, the BRMC met thirteen (13) times. The attendance recorded for the members of the BRMC is as follows:

JAWATANKUASA LEMBAGA PENCALONAN DAN SARAAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Saraaan adalah untuk merangka prosedur bertulis, formal dan telus berkaitan perantaraan ahli-ahli Lembaga, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga pada keseluruhannya dan jawatankuasa-jawatankuasa serta Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama. Jawatankuasa ini juga berperanan menyediakan prosedur formal dan telus untuk membangunkan dasar imbuhan untuk Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif-eksekutif Kanan Utama dan memastikan imbuhan berkenaan berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- Menetapkan keperluan minima untuk Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif menjalankan tugas secara berkesan. Ia juga bertanggungjawab menyelia komposisi Lembaga Pengarah dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan antara Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Bebas, serta keseimbangan antara kemahiran dan kecekapan utama menerusi semakan tahunan;
- Mengesyorkan dan menilai pencalonan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah, Pengarah yang menganggotai pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah serta pencalonan sebagai Ketua Eksekutif. Tugas ini termasuklah menilai prestasi pengarah dan Ketua Eksekutif jika disyorkan untuk perantaraan semula sebelum permohonan untuk kelulusan dikemukakan kepada Bank Negara Malaysia;
- Menetapkan mekanisme untuk penilaian formal dan juga menilai keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Eksekutif;
- Menyarankan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran Pengarah/Ketua Eksekutif sekiranya tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai sewaktu menjalankan tanggungjawab;
- Memastikan semua Pengarah menghadiri program induksi bersesuaian dan menerima latihan berterusan;
- Menyelia perantaraan, pelan pengambilalihan jawatan pengurusan dan prestasi eksekutif kanan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyingkiran mana-mana eksekutif kanan yang tidak berkesan, melakukan kesalahan atau cuai dalam menjalankan tugas.

BOARD NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Nomination and Remuneration Committee (NRC) is to establish a documented, formal and transparent procedure for the appointment of Directors, Chief Executive and Key Senior Officers, and to assess the effectiveness of individual Directors, the Board as a whole and the various committees of the Board, the Chief Executive and Key Senior Officers. The objective of the NRC is also to provide a formal and transparent procedure for developing a remuneration policy for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers and ensuring that compensation is competitive and consistent with the BSN's culture, objectives and strategy.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the NRC are as follows:

- Establishing minimum requirements for the Board and the Chief Executive to perform their responsibilities effectively. It is also responsible for overseeing the overall composition of the Board in terms of the appropriate size and skills, the balance between Executive, Non-Executive and Independent Directors, and mix of skills and other core competencies required through annual reviews;
- Recommending and assessing the nominees for directorship, the Directors to fill Board committees as well as nominees for the Chief Executive position. This includes assessing Directors and the Chief Executive for reappointment before an application for verification is submitted to Bank Negara Malaysia;
- Establishing a mechanism for formal assessment and assessing the effectiveness of the Board, the contribution of the various Board committees and the performance of the Chief Executive;
- Recommending to the Board on the removal of a Director/Chief Executive if he is ineffective, errant or negligent in discharging his responsibilities;
- Ensuring that all Directors undergo appropriate induction programmes and receive continuous training;
- Overseeing the appointment, management of succession planning and performance evaluation of Key Senior Officers, and recommending to the Board the removal of any Key Senior Officers, if they are ineffective, erroneous or negligent in discharging their responsibilities.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

- Mengesyorkan rangka imbuhan untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan eksekutif kanan. Dasar ini patut:
 - Didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Apa-apa perubahan juga perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
 - Menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul Pengarah secara individu, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan utama;
 - Lumayan untuk menarik minat dan mengekalkan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan yang diperlukan untuk mengurus BSN dengan berkesan; dan
 - Wujud keseimbangan untuk memastikan dana BSN tidak digunakan untuk menampung pakej imbuhan berlebihan.
- Mengesyorkan pakej imbuhan tertentu untuk Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan. Pakej berkenaan patut:
 - Berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
 - Memberi pertimbangan sewajarnya kepada penilaian Jawatankuasa Pencalonan mengenai keberkesanan dan sumbangan Pengarah, Ketua Eksekutif dan Eksekutif Kanan utama;
 - Tidak ditentukan oleh budi bicara mana-mana individu atau kumpulan individu tertentu; dan
 - Berdaya saing dan konsisten dengan budaya, matlamat dan strategi BSN.
- Recommending a framework of remuneration for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration policy should:
 - Be documented and approved by the Board and any changes thereto should be subject to the endorsement of the Board;
 - Reflect the experience and level of responsibility borne by individual Directors, the Chief Executive and Key Senior Officers;
 - Be sufficient to attract and retain Directors, Chief Executive and Key Senior Officers of calibre needed to manage BSN successfully; and
 - Be balanced against the need to ensure that the funds of BSN are not used to fund excessive remuneration packages.
- Recommending specific remuneration packages for Directors, Chief Executive and Key Senior Officers. The remuneration packages should:
 - Be based on an objective consideration and approved by the Board;
 - Take due consideration of assessments of the Committee of the effectiveness and contribution of the Director, Chief Executive and Key Senior Officers concerned;
 - Not be decided by the exercise of sole discretion of any individual or restricted group of individuals; and
 - Be competitive and is consistent with the BSN's culture, objectives and strategies.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan telah bermesyuarat sebanyak tiga belas (13) kali. Kehadiran ahli adalah seperti berikut:

Bil/ No	Pengarah/ Director	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1	Tuan Haji Kamari Zaman Juhari (Pengerusi sehingga 20 April 2019/Chairman until 20 April 2019)	5/5*
2	Professor Dr Rozainun Haji Ab Aziz (Pengerusi bermula 9 Mei 2019 sehingga 3 Oktober 2019/ Chairman from 9 May 2019 until 3 October 2019)	11/11*
3	Dato' Mohd Rizal Mohd Jaafar (Pengerusi bermula 1 November 2019)/Chairman from 1 November 2019)	1/1**
4	Tuan Haji Selamat Haji Sirat	13/13
5	Datin Zaimah Zakaria	10/10
6	Dato' Haji Amirudin Haji Abdul Halim	3/3**

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.

* Refers to the number of meetings attended until the appointment ended.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan.

** Refers to the number of meetings attended from the date of appointment.

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The NRC meets at least once a year. During the financial year ended 31 December 2019, the NRC met thirteen (13) times. The attendance recorded for the members of the NRC is as follows:

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

RISK MANAGEMENT STATEMENT

Selaras dengan prinsip dan peraturan tadbir urus risiko, pihak Bank mempunyai Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko yang memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah bagi mengawal selia seluruh pengurusan risiko Bank. Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko menjalankan fungsi sokongan pengawasan dalam memastikan objektif korporat Bank disokong oleh strategi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang kukuh dan berkesan yang bersesuaian dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank.

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Bank telah dirancang untuk menyediakan persekitaran pengurusan risiko yang terkawal dan stabil. Rangka kerja ini juga menggariskan pendekatan Bank yang optimum dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan menangani risiko melalui pengurusan secara menyeluruh merangkumi risiko strategik, risiko kredit, risiko operasi, risiko pengurusan kesinambungan perniagaan, risiko pasaran, risiko teknologi maklumat dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, polisi risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertanggungjawab dalam menyelia pembangunan polisi-polisi berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang penting dalam mengurus sesuatu aktiviti perniagaan Bank dan kecukupan sistem dan proses bagi menyokong fungsi pengurusan risiko. Jawatankuasa Aset dan Liabiliti pula bertanggungjawab untuk menyelia kecukupan dan pendedahan risiko bagi keperluan pembiayaan dan kecairan komposisi aset dan liabiliti Bank.

In line with the regulatory principles and guidelines on risk governance, the Bank has the Board Risk Management Committee (BRMC) at the board-committee level providing an oversight support on behalf of the Board of Directors on the supervision of risk management of the Bank in ensuring that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's Risk Management Framework (RMF) has been designed to provide a sound and well-controlled risk management environment within the Bank. This framework outlines the Bank's optimum approach in identifying, assessing, monitoring and addressing risks through a holistic management covering strategic risks, credit risks, operational risks, business continuity management risks, market risks, information technology risks and Syariah non-compliance risks.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Assets & Liabilities Committee (ALCO) are responsible in ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities are consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. MRC is responsible in overseeing the development of relevant risk and internal controls policies that are essential in managing the business activities of the Bank and the adequacy of system and processes supporting the risk management function. On the other hand, ALCO is responsible to oversee the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well of its funding and liquidity needs.



Rajah 1: Struktur Pentadbiran Risiko (Pelaporan kepada Jawatankuasa)
Figure 1: Risk Governance Structure (Committee Escalation Route)

PENYATA PENGURUSAN RISIKO RISK MANAGEMENT STATEMENT

STRUKTUR PENTADBIRAN RISIKO

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah merupakan badan pentadbir mutlak yang menyediakan pengawasan penting samada secara langsung atau menerusi jawatankuasa-jawatankuasanya, kepada usaha-usaha pengurusan risiko seluruh syarikat, dan menyedari serta mematuhi selera risiko Bank seperti yang dinyatakan oleh pihak Pengurusan Bank.

LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengurusan Risiko memberi pengawasan menyeluruh ke atas pendedahan risiko serta penetapan jumlah dan jenis yang ingin ditanggung dan dikekalkan sebagai risiko oleh Bank dan unit-unit perniagaan strategik, rangka kerja serta polisi untuk perbincangan lanjut oleh Lembaga Pengarah.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak selaku platform pengurusan tahap tinggi bagi Jabatan Pengurusan Risiko membincangkan isu-isu yang timbul daripada pemantauan praktis pengurusan risiko.

JAWATANKUASA ASET DAN LIABILITI

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti adalah bertanggungjawab untuk memberikan sokongan kepada pihak Pengurusan dalam memastikan langkah-langkah yang diambil oleh Bank dapat mengurangkan risiko Pengurusan Aset dan Liabiliti. Semua keputusan yang dibuat dalam mesyuarat hendaklah disebarkan dengan sewajarnya kepada jabatan yang berkaitan. Jawatankuasa ini juga memantau dan mengurus risiko berkaitan yang mempunyai kesan langsung pada Imbangan Duga. Selain itu, jawatankuasa ini juga mengesahkan Garis Panduan dan Polisi Pengurusan Aset Liabiliti agar ianya bersesuaian dengan ukuran dan kerumitan operasi semasa dan masa hadapan Bank.

Jawatankuasa Aset dan Liabiliti juga bertanggungjawab untuk mempertimbangkan isu dan masalah yang berkaitan dengan pengurusan modal dan akan terus melaporkan kepada Lembaga Pengurusan Risiko ketika tahap modal menghampiri tahap membimbangkan seperti yang telah ditetapkan serta sebarang ketidakpatuhan dan pelanggaran tahap kecukupan modal, dan hal-hal pengurusan modal yang lain.

JAWATANKUASA KERJA RISIKO

Jawatankuasa Kerja Risiko adalah platform untuk membincang, mengkaji dan mencadangkan sebarang perubahan risiko terhadap rangka kerja, polisi, garis panduan, kawalan dan kepatuhan, alat dan sistem Bank, sesuai dengan amalan terbaik industri dan falsafah dan strategi pengurusan risiko yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah sebagaimana yang dijelaskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko (untuk semua bidang pengurusan risiko).

RISK GOVERNANCE STRUCTURE

BOARD OF DIRECTORS (BOARD)

The Board is the ultimate governing body which provides an important oversight either directly or via its Board level committees, to the enterprise-wide risk management efforts, and is aware of, and concurs with the Bank's risk appetite as put forward by the Management of the Bank.

BOARD RISK MANAGEMENT (BRMC)

BRMC provides an oversight of the overall risk exposures which include the setting of the risk appetite/tolerance of the Bank and strategic business unit levels, frameworks and policies for further deliberation at the Board.

MANAGEMENT RISK COMMITTEE (MRC)

MRC acts as a top-level management platform for Risk Management Department to highlight issues arising from the monitoring of risk management practices.

ASSETS AND LIABILITIES COMMITTEE (ALCO)

ALCO is responsible to provide support to the Management in ensuring that steps taken by the Bank in mitigating Asset and Liability Management (ALM) risks are sufficient and appropriate. All decisions made in the meeting shall be disseminated accordingly to related departments. The Committee also monitor and manage the relevant risks that have direct impact on the balance sheet. Besides that, the Committee endorse ALM Guideline and Policy to be in line with the size and complexity of the current and future operations of the Bank.

ALCO is also responsible to deliberate on issues/matters pertaining to the capital management and to escalate to BRMC when capital levels are approaching the set triggers, any non-compliance and breaches in capital adequacy levels, and on any other capital management matters.

RISK WORKING COMMITTEE (RWC)

RWC acts as the mid-level management platform to discuss, review and recommend risk related changes to the Bank's frameworks, policies, guidelines, controls and compliance, tools and system of the Bank in line with best industry practices and the Board-approved risk management philosophy and strategy as outlined in the Risk Management Framework (for all areas of risk management).

JAWATANKUASA KERJA RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Jawatankuasa Kerja Risiko Teknologi Maklumat diwujudkan untuk membincang dan mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan masalah operasi teknologi termasuk mengawasi tindakan mitigasi untuk kejadian kerugian, masalah aplikasi, tadbir urus data dan harta tanah, kekurangan proses internal, pengendalian risiko dan langkah-langkah peningkatan lain yang diperlukan oleh Pihak Pengurusan, Lembaga, Pengawal Selia, atau mengikut amalan terbaik industri.

FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

"Risiko" sering ditakrifkan sebagai "kesan ketidakpastian bagi sebarang objektif". Pengurusan risiko di BSN ditakrifkan seperti berikut: "Proses yang berterusan, proaktif dan sistematik dalam memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampai risiko yang membentuk perspektif keseluruhan bagi syarikat. Ianya bagi memudahkan pihak Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian keseluruhan objektif Bank." Falsafah asas pengurusan risiko Bank adalah bahawa semua aktiviti harus dijalankan secara optimum seiring dengan peranan mandat Bank, dan tujuan pertumbuhan/pulangan terhadap risiko yang berkaitan. Pada masa yang sama, tindakan pengimbangan juga haruslah selaras dengan struktur pentadbiran yang terbaik dari industri seiring dengan kepatuhan pengawalseliaan daripada pihak berkuasa dan keperluan Syariah; dan mencapai objektif yang disasarkan oleh Bank. Di samping itu, operasi dan aktiviti Bank haruslah berasaskan dan dikawal oleh Rangka Kerja Pengurusan Risiko, Rangka Kerja Pengurusan Syariah seperti yang disarankan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Bersandarkan pada falsafah asas ini, Bank telah mengamalkan konsep "tiga peringkat pertahanan", di mana risiko yang ada adalah dikendalikan oleh semua fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

MEMBANGUNKAN BUDAYA PENGURUSAN RISIKO YANG LESTARI

Penentu kejayaan dalam pengurusan risiko sesungguhnya menjadi keperluan utama dalam memastikan budaya dan kesedaran risiko yang lestari dirasai oleh setiap pekerja Bank. Pihak Bank akan memberikan sokongan penuh untuk melaksanakan proses pengurusan risiko dengan struktur organisasi yang bersesuaian dan memastikan bahawa kebertanggungjawaban ditakrifkan dengan jelas dan nyata di semua peringkat. Ini bagi membolehkan maklumat risiko disalurkan melalui struktur pelaporan yang jelas dan mantap.

SELERA RISIKO

Selera risiko pihak Bank diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pihak Pengurusan Bank mengendalikan kenyataan selera risiko mengikut Rangka Kerja Pengurusan Risiko. Ianya bertujuan bagi menetapkan tahap risiko yang boleh diterima sebagai asas bagi sebarang keputusan yang perlu dibuat oleh Pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah. Selera risiko akan dikaji semula mengikut keperluan bagi menyesuaikan tahap terdedyahnya risiko sejajar dengan Pelan Strategi Korporat Bank.

INFORMATION TECHNOLOGY RISK WORKING COMMITTEE (ITRWC)

ITRWC is established to discuss and review issues in relation to technology operational issues including tracking the mitigation action for incidence of losses, applications issues, data and property governance, internal process inadequacies, other risk control and escalation measures as required by the management, Board, regulators, or per the industry best practices.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

"Risk" is commonly defined as the "effect of uncertainty on objective". Risk management in BSN is defined as follows: "A continuous, proactive and systematic process to understand, identify, manage and communicate risk forms an enterprise-wide perspective. It is about facilitating the Bank in making its decisions, contributing to the achievement of the Bank's overall objectives." The basic philosophy of the Bank's risk management is that all of its activities must strive for optimal balance between the Bank's mandated roles, and growth/return goals against the related risks. At the same time, the balancing act must also be in line with the industry's best structure, governance and practices while adhering to regulatory and Syariah requirements; and achieving its targeted objectives. In addition, the Bank's operation and activities must be guided and principally governed through the accepted Risk Governance and where applicable, the Syariah Governance Framework, and other regulatory requirements by the relevant authorities. Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of "three lines of defense", where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

DEVELOPING SUSTAINABLE RISK MANAGEMENT CULTURE

The key determinant of success in risk management has become the need to ensure that a strong sustainable culture and awareness of risk permeates across every employee of the Bank. The Bank shall provide full support to implement the risk management processes with an appropriate organisational structure and shall ensure that accountabilities are clearly defined and communicated at all levels. This will enable the risk information to be communicated through a clear and robust reporting structure.

RISK APPETITE

The Bank's risk appetite is approved by the Board. The Management of the Bank operationalises the risk appetite statement as per the Risk Management Framework. It sets the acceptable level of risk which is the basis of the decision-making of Management and the Board. The risk appetite is then reviewed as appropriate to adjust the desired level of risk exposure in line with the Bank's Corporate Strategy Plan (CSP).


PENYATA PENGURUSAN RISIKO

RISK MANAGEMENT STATEMENT

Fokus Masa Nyata Real Time Focus	Pertahanan Peringkat Pertama First Line of Defense	- Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/polisi dan amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. - Embedding risk management framework/policies & sound risk management practices into standard operating procedures. - Bertanggungjawab untuk memantau dan menilai risiko dan kawalan. - Responsible and accountable for monitoring and assessing risks and controls. - Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. - Ensuring staffs have the appropriate skills and trainings.	Jabatan-Jabatan Perniagaan/ Sokongan Business Units/ Support Units
Fokus Kajian & Masa Nyata Real Time & Review Focus	Pertahanan Peringkat Kedua Second Line of Defense	- Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, sistem, dan proses. - Develop risk management framework, policies, system, processes and tools. - Menyokong unit-unit peringkat pertahanan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko dalam Bank. - Support units in the 1st line of defense in embedding the risk management culture in the Bank. - Proaktif and reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. - Proactive and reactive to changes in the risk environment.	Jabatan Pengurusan Risiko/Jabatan Pematuhan Risk Management Department/ Compliance Department
Fokus Kajian Review Focus	Pertahanan Peringkat Ketiga Third Line of Defense	- Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. - Reviews effectiveness of the risk management practices. - Mengesahkan tahap pematuhan. - Confirms level of compliance. - Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. - Recommends improvements and corrective actions, where necessary.	Jabatan Audit Dalaman Internal Audit Department

Rajah 2: Model Tiga Peringkat Pertahanan Pengurusan Risiko
Figure 2: Risk Management Three Lines of Defense Model

PROSES PENGURUSAN RISIKO/ RISK MANAGEMENT PROCESS



Rajah 3: Proses Pengurusan Risiko
Figure 3: Risk Management Process

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan proses-proses pengenalan/pastian, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan dan laporan bagi mengoptimalkan pulangan ke atas pembiayaan dan aktiviti pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam mengurus tadbir risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko ketidakpatuhan Syariah disemua fungsi dan jabatan Bank melalui pembentukan polisi risiko, garis panduan, prosedur dan had yang sesuai. Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang risiko berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring, communicating and reporting to optimise returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Syariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits. Risk management concentrates on the following key areas:



RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

1. RISIKO ENTERPRISE

Risiko Enterprise adalah proses berterusan, proaktif dan sistematik untuk memahami, mengenal pasti, mengurus dan menyampaikan risiko dari perspektif seluruh perniagaan. Ini adalah untuk mempermudah Bank dalam membuat keputusan, menyumbang kepada pencapaian objektif keseluruhan Bank. Risiko Enterprise biasanya merangkumi domain risiko dari perspektif strategik dan perniagaan. Risiko strategi didefinisikan sebagai risiko yang berkaitan dengan masa depan, iaitu dalam konteks BSN, rancangan dan strateginya, termasuk rancangan untuk menceburi perniagaan baru, memperluas perkhidmatan yang ada melalui pertumbuhan jualan dan keuntungan atau melalui penggabungan dan pengambilalihan, meningkatkan infrastruktur, risiko daripada pesaing dan lain-lain.

2. RISIKO OPERASI

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan atau proses dalaman yang tidak mencukupi, faktor manusia dan sistem atau peristiwa-peristiwa luaran. Risiko ini diuruskan melalui proses pengurusan risiko operasi yang telah ditetapkan, pemantauan dan laporan mengenai pematuhan unit-unit perniagaan mengikut polisi yang telah disediakan, prosedur dan had oleh unit kawalan dan sokongan bebas, dan pengawasan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah.

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

1. ENTERPRISE RISK

Enterprise Risk is an ongoing, proactive and systematic process for understanding, identifying, managing and delivering risks from a business-wide perspective. This is to facilitate the Bank in making decisions, contributing to the achievement of the Bank's overall objectives. Enterprise Risk Management typically covers risk domains from a strategic and business perspective. Strategic risk is defined as the risk associated with the future, in the context of BSN, plans and strategies, including plans to enter new business lines, expand existing services through organic growth or through mergers and acquisitions, improve infrastructure, risk from competitors and others.

2. OPERATIONAL RISK

Operational Risk is defined as the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems or from external events. This risk is managed through established operational risk management processes, proper monitoring and reporting of the business units' adherence to established risk policies, procedures and limits by independent control and support units, and oversight provided by the management and the Board.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO

RISK MANAGEMENT STATEMENT

3. RISIKO KREDIT

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kehilangan potensi pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) dalam memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Bank adalah terdedah kepada risiko kredit yang datang daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, mikro, perusahaan kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran yang lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpanduan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan mengikut operasi dan selera risiko Bank.

4. RISIKO ASET DAN LIABILITI (ALM)

Risiko ALM merujuk kepada risiko yang berkaitan dengan kecairan, kadar pulangan dan pelbagai aset, liabiliti dan kunci kira-kira. Perkara utama dalam konteks ini adalah:

- Campuran aset dan liabiliti
- Struktur harga bagi aset dan liabiliti serta impaknya kepada margin kasar pihak Bank
- Struktur semula harga dan struktur kematangan aset dan liability serta kesannya ke atas kadar pulangan
- Struktur matang bagi aset dan liabiliti dan kesannya kepada aliran tunai Bank
- Sumber bagi liabiliti dan kos dana
- Penggunaan deposit bagi membiayai dana aset sebaik mungkin
- Mengekalkan jumlah aset yang boleh dipasarkan dengan kecairan yang mencukupi

5. RISIKO PASARAN

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada perubahan dalam faktor risiko pasaran iaitu harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit dan kadar pertukaran matawang. Risiko ini mempunyai kesan langsung ke atas pendapatan, serta nilai ekonomi Bank. Risiko kecairan pula ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada ketidakupayaan untuk menjana dana yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangan dengan cara yang tepat pada masanya dan kos efektif. Punca biasa risiko ini adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian dalam masa dan nilai aliran masuk dan aliran keluar tunai yang timbul daripada pendedahan kunci kira-kira Bank (dalaman dan luaran).

3. CREDIT RISK

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from financing and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide risk appetite, the risk management department function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite.

4. ASSET AND LIABILITY (ALM) RISK

ALM risk refers to the risks associated with liquidity, rate of return and the Bank's full range of assets, liabilities and off-balance-sheet items. The major considerations in this context are:

- The mix of the assets and liabilities
- The pricing structure of assets and liabilities and its impact on the Bank's gross margin
- The re-pricing and maturity structure of assets and liabilities and its impact on the rate of return
- The maturity structure of both assets and liabilities and its impact on the Bank's cash flows
- The sources of liabilities and the cost funds
- Mobilisation of deposits and its utilisation to fund assets on the best possible terms
- Maintaining an adequate amount of marketable and liquefiable assets

5. MARKET RISK

Market Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the adverse movement in market risk factors namely equity prices, interest/profit rates, credit spreads and currency exchange rates. This risk has a direct impact on the earnings, as well as the economic value of the Bank. Liquidity Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the inability to generate sufficient fund to meet the financial commitments and obligations in a timely and cost-effective manner. The common source of the risk is attributed to the mismatch in timing and value of inflow and outflow of cash arising from the Bank's on and off-balance sheet exposures.

6. RISIKO SYARIAH

Risiko Syariah ditakrifkan sebagai risiko yang terhasil daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGF) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGF ini adalah untuk menggariskan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Pengurusan Bank berhubung dengan perkara-perkara Syariah, termasuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan jabatan-jabatan dan fungsi-fungsi yang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan dan fungsi penyelidikan Syariah yang bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi berasaskan Syariah.

7. PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Kesedaran dalam Pengurusan Kesenambungan Perniagaan adalah sebahagian daripada pembangunan budaya Bank untuk menjadikan setiap kakitangan menyedari peranan dan tanggungjawab mereka berkenaan tahap persediaan yang berterusan terhadap perkhidmatan kritikal dan penting oleh pihak Bank. Ianya merupakan kunci dalam memastikan keyakinan pelanggan, pematuhan peraturan dan melindungi reputasi Bank. Kesedaran yang berterusan tentang Pengurusan Kesenambungan Perniagaan diberikan semasa latihan dan Program Pemulihan Bencana/Pelan Kesenambungan Perniagaan bagi menubuhkan anggota pasukan operasi perniagaan yang kompeten, berpengetahuan, bermotivasi dan berkebolehan dalam informasi teknologi. Ini akan membantu untuk memastikan tindak balas yang berkesan dalam persediaan kesinambungan perniagaan, kesediaan dan daya tahan sekiranya berlaku sesuatu gangguan terhadap urusan perbankan.

8. RISIKO TEKNOLOGI MAKLUMAT

Risiko Teknologi Maklumat merupakan salah satu risiko perniagaan yang berkaitan dengan penggunaan, pemilihan, operasi, penglibatan, pengaruh dan pengambil alihan teknologi maklumat di dalam Bank. Ianya mungkin timbul akibat tiada pelaksanaan sistem, aplikasi, platform atau infrastruktur teknologi maklumat yang sempurna dimana ianya juga boleh mengakibatkan ancaman serta kelemahan terdedahnya kepada rangkaian luar atau internet yang boleh mengakibatkan kerugian kewangan, gangguan perkhidmatan kewangan atau operasi Bank. Risiko Teknologi Maklumat boleh dikategorikan dalam tiga (3) kategori berlainan iaitu risiko manfaat/pembolehubah nilai, program teknologi maklumat dan risiko persiapan (perlaksanaan) projek, dan juga operasi teknologi maklumat dan penyediaan perkhidmatan.

6. SYARIAH RISK

Syariah Risk is defined as risk resulting from the failure of any parts of the Bank to comply with the Syariah rules and principles determined by the relevant Syariah regulatory councils or committees. BSN Syariah Governance Framework (BSNSGF) for Islamic Banking Scheme is established in line with Syariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGFIFI) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The primary objective of the BSNSGF is to outline the role of the Board of Directors, the Syariah Committee, the Audit and Examination Board Committee, the Board Risk Management Committee, and the Management in relation to Syariah matters, including enhancing the capacity and capability of departments and functions having the responsibility to execute the Syariah compliance and research functions aimed at the attainment of a Syariah based operating environment.

7. BUSINESS CONTINUITY MANAGEMENT (BCM)

Business Continuity Management (BCM) awareness is part of the Bank's culture building to ensure that every staff is aware of his/her role and responsibility with respect to the need of having a continuous availability of the Bank's critical and essential services, which is key in ensuring customer confidence, regulatory compliance while protecting the Bank's reputation. Continuous awareness is consistently provided during training and in every Disaster Recovery Programme/Business Continuity Plan exercises in order to establish competent, knowledgeable, motivated and technologically-enabled business operations personnel. This will help to ensure an effective response in the business continuity preparedness, readiness and resilience in the event of any banking disruption.

8. INFORMATION TECHNOLOGY RISK

IT risk is one of the business risk specifically associated with the use, ownership, operation, involvement, influence, and adoption of IT within the Bank. IT risk may arise from the non-performance of IT systems, applications, platforms or infrastructures including threats or vulnerabilities exposure to external network or internet, which could result in financial loss, disruption of financial services or the operations of the Bank. IT risk can be categorised in three (3) different categories namely IT benefits/value enablement risk, IT programme and project delivery risk, and IT operations and service desk delivery.

KENYATAAN AUDIT DALAMAN INTERNAL AUDIT STATEMENT

Jabatan Audit Dalaman (IAD) melapor secara bebas kepada Jawatankuasa Audit & Pemeriksaan (AEC) dan ia adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan serta unit sokongan yang lain. Audit Dalaman secara berkala akan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan BSN.

Skop audit IAD merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan termasuk anak-anak syarikat. Pengenalpastian unit-unit untuk diaudit secara keseluruhannya adalah berdasarkan kepada rangka kerja Audit Dalaman berasaskan faktor risiko yang diluluskan oleh AEC. Pelan audit tahunan dirancang berdasarkan penilaian risiko, pendedahan dan strategi BSN. Bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko tinggi adalah tertakluk kepada audit tahunan, manakala bahagian-bahagian yang dinilai sebagai berisiko sederhana tinggi, sederhana atau rendah adalah tertakluk kepada audit "cycle" yang diluluskan.

Penilaian risiko yang telah dikaji akan dikecualikan ke atas unit-unit audit yang harus dibuat di atas ketetapan "Regulator" ataupun terhadap unit-unit audit yang melibatkan insiden-insiden salah laku atau "fraud" sepanjang tempoh jadual pengauditan. Walaupun berasaskan penilaian risiko, pelan audit juga mengambil kira bahagian yang akan diaudit secara tahunan kerana keperluan aturan undang-undang dan kriteria-kriteria lain seperti kejadian fraud terkini, perkadaran audit yang menurun sebelumnya serta faktor-faktor lain yang berkaitan. IAD juga menjalankan siasatan kes penipuan oleh kakitangan, pelanggan atau pihak ketiga dan mencadangkan penambahbaikan yang sesuai untuk mengelakkan kejadian yang sama berulang dan tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab.

IAD mempunyai akses tanpa had kepada pihak AEC dan maklumat yang diperlukan dalam menjalankan kerja pengauditan, yang mana asasnya termasuk mengenalpasti risiko yang boleh memberi impak negatif kepada prestasi BSN dan/atau menghalang BSN daripada mencapai matlamat korporat. Pihak AEC juga akan memastikan pihak pengurusan memahami risiko dan proaktif dalam pengawasan ke atas resolusi dan mitigasi mengikut keperluan.

Laporan Audit menyediakan skop audit yang dilaksanakan, penilaian ke atas sistem kawalan dalaman berserta dengan pemerhatian audit yang terperinci, tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan, ulasan dan cadangan IAD untuk penambahbaikan. AEC menyemak dan membincangkan pengecualian atau ketidakpatuhan yang diutarakan dan memastikan bahawa sekiranya perlu dan berkaitan, pihak AEC mengarahkan pihak Pengurusan untuk memberikan perhatian kepada isu-isu berkaitan dan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperkuat sistem kawalan dalaman berdasarkan kepada cadangan-cadangan audit.

AEC BSN terdiri daripada empat Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ia adalah satu Jawatankuasa yang berwakilkan Lembaga Pengarah yang menyediakan pengawasan ke atas laporan kewangan, pendedahan, pematuhan peraturan undang-undang, pengurusan risiko, amalan tadbir urus dan pemantauan proses kawalan dalaman dalam BSN. AEC BSN memanfaatkan kerja-kerja Jabatan Audit Dalaman dan Laporan Audit yang dibentangkan kepada AEC. Semua penemuan-penemuan ketara dan penting oleh juruaudit dalaman, juruaudit luar dan pengawal seliaan akan dilaporkan kepada AEC untuk semakan dan perbincangan. Dalam hal ini, AEC memastikan pelan mitigasi dilaksanakan oleh pihak pengurusan kanan untuk melindungi kepentingan BSN dan untuk penjagaan urus tadbir yang sesuai. Pengurusan unit perniagaan dan sokongan yang diklasifikasikan 'Tidak Memuaskan' oleh audit dalaman akan diberi nasihat yang sewajarnya oleh AEC.

The Internal Audit Department (IAD) reports independently to the Audit & Examination Committee (AEC) and is independent of the activities and operations of the business and other support units. Internal Audit regularly evaluates the adequacy, efficiency and effectiveness of risk management, control, and governance processes implemented by the Management of BSN.

IAD scope of coverage encompasses all business and support units, including subsidiaries. The identification of the auditable units and the audit universe are based on a risk based internal audit framework that is approved by AEC. The annual audit plan is developed based on assessment of risks, exposures, and strategies of BSN. Areas that are assessed to be high risk are subject to an annual audit while those that are assessed to be medium high, medium or low risk are subject to a cyclical audit.

Notwithstanding the risk assessment, the annual audit plan will include areas that will be audited annually due to regulatory requirements, and other established criteria such as recent incidence of fraud, previous adverse audit rating or other pertinent considerable factors. IAD also undertakes investigations into alleged frauds by staff, customers or third parties, and recommends appropriate improvements to prevent recurrence and actions against responsible parties.

IAD has unrestricted access to AEC and information required in the course of its work, which fundamentally involves identifying risks that could negatively impact the performance of the Group and/or keep it from achieving its corporate goals. The AEC ensures that management fully understands the risks and proactively provide the required oversight for resolution and mitigation, where necessary.

The Audit Report provides the scope of audit work performed, a general evaluation of the system of internal control together with detailed audit observations, management mitigation actions, comments and IAD recommendations for improvement. AEC reviews and deliberates exceptions or non-compliances raised and ensures that where required and applicable, the AEC directs Management to take cognizance of the issues and establish necessary steps to strengthen the system of internal controls based on audit recommendations.

BSN AEC comprises four Independent Non-Executive Directors. It is a Board-delegated committee that provides oversight on financial reporting, disclosure, regulatory compliance, risk management, governance practices and monitoring of internal control processes in BSN. BSN AEC leverages on the work of the Internal Audit Department and the Audit Report that is presented to AEC. All significant and material findings by the internal auditors, external auditors and regulators are reported to AEC for review and deliberation. In this regard, AEC ensures that mitigation plans are implemented by senior management to safeguard the interests of BSN and to upkeep proper governance. Management of business and support units that are rated 'Unsatisfactory' by internal audit are counselled by the AEC.

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE REPORT

1. JAWATANKUASA SYARIAH (JKS)

Sebagai sebuah Institusi Kewangan Islam (IKI), satu rangka kerja tadbir urus Syariah telah diwujudkan sebagai ciri khas dalam struktur organisasi Bank, yang merangkumi penubuhan JKS ini selari dengan keperluan Bahagian IV Penggal 2 Seksyen 30 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGF) yang dikeluarkan oleh BNM yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2011. JKS ini berperanan untuk menasihatkan Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan dalam memastikan operasi Bank selari dengan peraturan dan prinsip Syariah.

Dari segi fungsinya, JKS ini bertanggungjawab secara langsung kepada Lembaga Pengarah Bank. Untuk memastikan pematuhan Syariah dan pelaksanaan keputusan JKS dan Majlis Penasihat badan kawal selia seperti BNM, Bank menjalankan fungsi Semakan dan Pematuhan, Khidmat Perundingan dan Penyelidikan serta fungsi Audit Syariah untuk menyokong pelaksanaan prinsip Syariah di seluruh organisasi.

2. KOMPOSISI JAWATANKUASA SYARIAH

Keanggotaan JKS adalah terdiri daripada golongan cendekiawan yang mempunyai kelayakan dan pengetahuan yang diperlukan, kepakaran dan pengalaman dalam bidang Syariah terutamanya perundangan Islam dan undang-undang transaksi Islam. Di Bank Simpanan Nasional, JKS terdiri daripada enam (6) orang ahli daripada pelbagai latar belakang dari segi kelayakan, pengalaman dan pengetahuan.

3. MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019, sepuluh (10) mesyuarat JKS telah diadakan sepanjang dua belas (12) bulan seperti yang berikut:

Mesyuarat (Bil)/ Meeting (No)	Tarikh/ Date	Peratus Kehadiran Ahli/ Percentage of Member's Attendance
01/2019 (91)	24 Januari/January	100%
02/2019 (92)	21 Februari/February	100%
03/2019 (93)	21 Mac/March	100%
04/2019 (94)	18 April/April	100%
05/2019 (95)	24 Jun/June	100%
06/2019 (96)	26 Julai/July	100%
07/2019 (97)	30 Ogos/August	83.3%
08/2019 (98)	19 September/September	100%
09/2019 (99)	14 November/November	100%
01/2019 (Khas/Special) (100)	02 Disember/December	100%

1. SHARIAH COMMITTEE (SC)

As an Islamic Financial Institution (IFI), a Shariah governance framework has been put in place as a distinct feature in the organisational structure of the Bank, which includes establishment of the SC in line with the requirement of Part IV Division 2 Section 30 (1) of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA 2013) and the Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGF) issued by BNM which took effect on 1 January 2011. The SC serves to advise the Board and Management in ensuring that the Bank's operations are in line with Shariah rules and principles.

Functionally, the SC reports to the Board of Directors of the Bank. In ensuring Shariah compliance and implementing decisions of SC and Shariah Advisory Council of the regulators, Bank Negara Malaysia, the Bank performs Shariah Review and Compliance, Advisory and Research as well as Shariah Audit functions to support the implementation of Shariah throughout the organisation.

2. COMPOSITION OF SHARIAH COMMITTEE

Members of the SC are scholars who have the qualification and necessary knowledge, expertise and experience in the areas of Shariah especially Islamic jurisprudence and Islamic commercial laws. In Bank Simpanan Nasional, the SC consists of six (6) members of diverse backgrounds in terms of qualification, experience and knowledge.

3. SHARIAH COMMITTEE MEETING

For the financial year ended 31 December 2019, ten (10) SC meetings were held during the twelve (12) months period, as follows:

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

SHARIAH COMMITTEE REPORT

4. KEHADIRAN JAWATANKUASA SYARIAH

Butir-butir kehadiran ahli JKS adalah seperti yang berikut:

4. ATTENDANCE OF SHARIAH COMMITTEE

The details of SC members attendance are as follows:

Bil/ No	Ahli Jawatankuasa Syariah/ Shariah Committee Members	Kehadiran/ Attendance
1	Dr Ahmad Zaki Salleh	10/10 (100%)
2	Dr Mohd Fuad Md Sawari	10/10 (100%)
3	Prof Madya Dr Mohamad Zaharuddin Zakaria	10/10 (100%)
4	Tuan Haji Selamat Haji Sirat	10/10 (100%)
5	Dr Asma Hakimah Ab Halim	10/10 (100%)
6	Ustaz Abdullah Hanif Hassan	9/10 (90%)

PENYATA KEWANGAN

- 94 Sijil Ketua Audit Negara
- 98 Penyata Timbalan Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah
- 99 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke Atas Pengurusan Kewangan Bank Simpanan Nasional
- 100 Laporan Pengarah
- 102 Penyata Kedudukan Kewangan
- 103 Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 104 Penyata Perubahan Ekuiti Disatukan
- 106 Penyata Perubahan Ekuiti
- 107 Penyata Aliran Tunai
- 109 Nota kepada Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK SIMPANAN NASIONAL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 192, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan keperluan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Bank Simpanan Nasional 1974 (Akta 146), Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (Akta 618) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 APRIL 2020



PENYATA TIMBALAN PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **RAZALI BIN OTHMAN** dan **DATUK YUNOS BIN ABD GHANI** yang merupakan Timbalan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan perubahan kedudukan kewangan Bank Simpanan Nasional dan Kumpulan serta hasil kendaliannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Bagi pihak Lembaga,



RAZALI BIN OTHMAN
TIMBALAN PENERUSI

Kuala Lumpur

Tarikh: 20 FEB 2020



DATUK YUNOS BIN ABD GHANI
AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kuala Lumpur

Tarikh: 20 FEB 2020

May. 86, Jalan Putra
50350 Kuala Lumpur

LAPORAN PENGARAH

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

Para Pengarah Bank Simpanan Nasional (Bank) dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Bank adalah menjalankan fungsi sebagai sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu adalah seperti dinyatakan masing-masing dalam Nota 8 dan 9 kepada penyata Kewangan.

Tiada perubahan penting dalam aktiviti-aktiviti utama ini sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	BANK RM'000
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat	505,213	445,841
Belanja cukai dan zakat	(162,412)	(137,276)
Keuntungan bersih pada tahun semasa	342,801	308,565
Keuntungan boleh diagihkan kepada:		
Pemilik Bank	318,546	308,565
Kepentingan bukan kawalan	24,255	—
Keuntungan bersih pada tahun semasa	342,801	308,565

Keputusan operasi Kumpulan dan Bank sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa.

RIZAB, PERUNTUKAN DAN ELAUN

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Dividen tunai yang dibayar oleh Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah RM10 juta.

PARA PENGARAH BANK

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas ialah:

Rossana Annizah Binti Rashidi (dilantik pada 1 Februari 2020)
 Razali Bin Othman
 Haji Selamat Bin Sirat
 Datin Zaimah Binti Zakaria
 Datuk Yunos Bin Abd Ghani
 Dato' Haji Amirudin Bin Haji Abdul Halim (dilantik pada 9 Ogos 2019)
 Ahmad Lutfi Bin Abdull Mutalip @ Talib (dilantik pada 9 Ogos 2019)
 Dato' Mohd Rizal Bin Mohd Jaafar (dilantik pada 23 Oktober 2019)
 Haji Kamari Zaman Bin Juhari (berkhidmat sehingga 20 April 2019)
 Professor Dr. Rozainun Binti Haji Abd Aziz (berkhidmat sehingga 18 Oktober 2019)
 Tan Sri Abu Bakar Bin Haji Abdullah (bersara pada 28 Februari 2019)

Kesemua ahli Lembaga adalah Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Datuk Yunos Bin Abd Ghani. Kesemua ahli Lembaga adalah dilantik oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

LAPORAN PENGARAH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan terdahulu, tiada antara Pengarah Bank telah menerima atau layak menerima sebarang imbuhan (selain daripada imbuhan yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang telah diterima atau patut dan belum diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Bank seperti yang dinyatakan dalam Nota 30 dalam penyata kewangan) dibawah kontrak yang dibuat oleh Bank atau syarikat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana para Pengarah adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana para Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Sepanjang tempoh dan pada akhir tahun kewangan tiada sebarang perjanjian yang mengatakan Bank merupakan pihak yang mana Pengarahnya mungkin memperoleh manfaat menerusi pembelian saham atau debentur dalam Bank atau mana-mana badan korporat yang lain.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan dan Bank disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang munasabah:

- i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk menghapus kira hutang dan pembiayaan lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang dan pembiayaan lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang dan pembiayaan ragu; dan
- ii) untuk memastikan aset-aset semasa yang mana nilai bukunya, mungkin tidak dapat direalisasi dalam rekod perakaunan dalam urus niaga biasa perniagaan, telah diturun nilai kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menjangkakan sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

- i) jumlah yang dihapus kira untuk hutang dan pembiayaan lapuk atau peruntukan bagi hutang dan pembiayaan ragu dalam penyata Kumpulan dan Bank adalah sangat tidak mencukupi; atau
- ii) nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank mengelirukan; atau
- iii) tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang mengelirukan; atau
- iv) yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Bank mengelirukan atau tidak bersesuaian.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- i) sebarang cagaran ke atas aset-aset Kumpulan dan Bank untuk menjamin liabiliti pihak lain selepas berakhirnya tahun kewangan; atau
- ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan dan Bank selepas berakhirnya tahun kewangan.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain daripada Kumpulan dan Bank yang boleh dikuatkuasakan atau mungkin boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh merosotnilaikan dengan ketara keupayaan Kumpulan dan Bank untuk memenuhi obligasi mereka apabila tiba masanya.

Pada pendapat para Pengarah, selain daripada yang didedahkan dalam penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luar biasa dan tiada sebarang perkara, urusaniaga atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah:



RAZALI BIN OTHMAN
PENGARAH



DATUK YUNOS BIN ABD GHANI
PENGARAH

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	31.12.2019 RM'000	KUMPULAN 31.12.2018 RM'000 (Dinyatakan semula)	1.1.2018 RM'000 (Dinyatakan semula)	31.12.2019 RM'000	BANK 31.12.2018 RM'000 (Dinyatakan semula)	1.1.2018 RM'000 (Dinyatakan semula)
ASET							
Tunai dan dana jangka pendek	3	888,243	675,443	708,659	847,741	588,286	577,925
Deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain		160,093	89,876	—	—	—	—
Pelaburan sekuriti	4	6,945,491	6,615,453	5,737,180	6,740,165	6,407,305	5,542,632
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	5	25,434,467	22,998,436	21,844,062	25,434,467	22,998,436	21,844,062
Aset-aset lain	7	417,280	435,624	386,543	188,621	227,416	223,191
Pelaburan dalam subsidiari	8	—	—	—	53,000	53,000	53,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	155,892	213,915	220,690	144,724	188,092	188,592
Hartanah, loji dan peralatan	10	636,496	679,156	639,353	602,989	648,594	621,175
Aset hak-kegunaan	11	169,729	—	—	88,402	—	—
Pelaburan hartanah	12	52,390	6,982	7,276	52,390	6,982	7,276
Bayaran pajakan prabayar	13	75,893	76,960	77,574	74,390	75,440	76,719
Aset tak ketara	14	106,262	76,314	37,492	—	—	—
Cukai boleh dituntut	22	—	—	57,278	—	29	57,936
Aset cukai tertunda	23	72,343	106,399	97,732	74,362	107,186	97,704
Aset dana takaful am dan takaful keluarga	40	3,599,005	2,912,623	2,640,386	—	—	—
Jumlah aset		38,713,584	34,887,181	32,454,225	34,301,251	31,300,766	29,290,212
LIABILITI DAN EKUITI							
Deposit daripada pelanggan	15	22,597,883	20,511,953	20,412,811	22,602,441	20,516,590	20,417,519
Akaun pelaburan oleh pelanggan	16	3,092,562	3,349,233	3,308,709	3,092,562	3,349,233	3,308,709
Deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	17	2,973,837	2,902,708	1,152,975	2,973,837	2,902,708	1,152,975
Pendapatan tertunda	18	517,009	366,559	360,293	517,009	366,559	360,293
Obligasi manfaat persaraan	19	510,086	482,917	436,206	510,086	482,917	436,206
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	20	220,869	33,868	45,937	220,869	33,868	45,937
Liabiliti pajakan		164,383	—	—	82,645	—	—
Liabiliti-liabiliti lain	21	1,226,132	1,181,419	1,264,123	891,357	870,687	1,038,286
Peruntukan untuk cukai dan zakat	22	133,445	6,639	4,230	131,668	4,302	4,230
Liabiliti dana takaful am dan takaful keluarga	40	348,727	310,510	312,648	—	—	—
Liabiliti dana pemegang polisi takaful am dan takaful keluarga	40	3,250,278	2,602,113	2,327,738	—	—	—
Jumlah liabiliti		35,035,211	31,747,919	29,625,670	31,022,474	28,526,864	26,764,155
EKUITI							
Keuntungan tertahan		1,585,719	1,431,455	1,316,518	1,440,200	1,295,917	1,208,928
Rizab-rizab lain		1,840,502	1,479,910	1,317,129	1,838,577	1,477,985	1,317,129
Jumlah Rizab		3,426,221	2,911,365	2,633,647	3,278,777	2,773,902	2,526,057
Kepentingan bukan kawalan terkumpul		252,152	227,897	194,908	—	—	—
Jumlah ekuiti		3,678,373	3,139,262	2,828,555	3,278,777	2,773,902	2,526,057
Jumlah liabiliti dan ekuiti		38,713,584	34,887,181	32,454,225	34,301,251	31,300,766	29,290,212
KOMITMEN DAN LIABILITI LUAR JANGKA							
	35	1,723,746	1,097,175	1,101,686	1,710,727	1,025,385	1,049,013

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

	NOTA	KUMPULAN		BANK	
		2019 RM'000	2018 RM'000 (Dinyatakan semula)	2019 RM'000	2018 RM'000 (Dinyatakan semula)
Hasil	24	2,901,993	2,853,863	2,131,623	2,074,958
Pendapatan faedah	25	663,712	729,472	654,806	718,127
Belanja faedah	26	(192,701)	(197,631)	(197,131)	(199,019)
Pendapatan faedah bersih		471,011	531,841	457,675	519,108
Pendapatan fi dan komisen	27	776,884	795,159	97,412	102,592
Pendapatan operasi lain	28	197,625	170,138	115,633	95,145
Belanja operasi lain	29	(55,748)	(88,590)	(47,600)	(87,986)
Pendapatan bersih daripada operasi perbankan Islam	39	859,395	811,265	859,395	811,265
Jumlah pendapatan bersih		2,249,167	2,219,813	1,482,515	1,440,124
Belanja kakitangan	30	(764,209)	(722,128)	(672,468)	(614,273)
Belanja lain	31	(960,462)	(977,313)	(359,578)	(391,802)
Keuntungan operasi sebelum peruntukan rosotnilai		524,496	520,372	450,469	434,049
Masuk kira semula/(Peruntukan) bagi rosotnilai atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	32	38,740	(81,622)	38,740	(81,622)
Peruntukan bagi rosotnilai atas pelaburan dalam syarikat bersekutu		(37,384)	—	(43,368)	—
Keuntungan operasi selepas peruntukan rosotnilai		525,852	438,750	445,841	352,427
Bahagian kerugian selepas cukai bagi syarikat bersekutu		(20,639)	(6,275)	—	—
Keuntungan sebelum belanja cukai dan zakat		505,213	432,475	445,841	352,427
Belanja cukai	33	(157,231)	(114,143)	(135,688)	(97,653)
Zakat		(5,181)	(3,838)	(1,588)	(1,217)
Keuntungan bersih pada tahun semasa		342,801	314,494	308,565	253,557
Keuntungan bersih pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		318,546	281,505	308,565	253,557
Kepentingan bukan kawalan		24,255	32,989	—	—
Keuntungan bersih pada tahun semasa		342,801	314,494	308,565	253,557
Keuntungan bersih pada tahun semasa		342,801	314,494	308,565	253,557
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai:					
Item yang tidak akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Pengukuran semula obligasi manfaat ditentukan		—	(25,060)	—	(25,060)
Penilaian semula hartanah, loji dan peralatan dan bayaran pajakan prabayar		—	1,925	—	—
Item yang mungkin akan diklasifikasi semula kepada untung atau rugi:					
Sekuriti pelaburan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain		206,310	24,348	206,310	24,348
Pendapatan/(Kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa, selepas cukai		206,310	1,213	206,310	(712)
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		549,111	315,707	514,875	252,845
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Bank		524,856	282,718	514,875	252,845
Kepentingan bukan kawalan		24,255	32,989	—	—
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa		549,111	315,707	514,875	252,845

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN

Milik pemegang ekuiti Bank									
Tidak boleh diagih					Boleh diagih				
	Rizab Am	Rizab Modal*	Rizab Nilai Saksama	Rizab Pematuhan**	Rizab Penilaian Semula	Keuntungan Tertahan	Jumlah Rizab	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Ekuiti
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
NOTA									
Pada 1 Januari 2018, dilaporkan sebelumnya	100,000	1,101,240	(15,394)	131,283	—	1,290,668	2,607,797	194,908	2,802,705
Pelarasan tahun sebelumnya	—	—	—	—	—	25,850	25,850	—	25,850
Pada 1 Januari 2018, dinyatakan semula	100,000	1,101,240	(15,394)	131,283	—	1,316,518	2,633,647	194,908	2,828,555
Keuntungan bersih pada tahun semasa dilaporkan sebelumnya	—	—	—	—	—	276,145	276,145	32,989	309,134
Pelarasan tahun sebelumnya	—	—	—	—	—	5,360	5,360	—	5,360
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dinyatakan semula	—	—	—	—	—	281,505	281,505	32,989	314,494
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa	—	—	24,348	—	1,925	(25,060)	1,213	—	1,213
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa	—	—	24,348	—	1,925	256,445	282,718	32,989	315,707
Dividen dibayar	—	—	—	—	—	(5,000)	(5,000)	—	(5,000)
Pindahan ke rizab modal	—	136,508	—	—	—	(136,508)	—	—	—
Pada 31 Disember 2018	100,000	1,237,748	8,954	131,283	1,925	1,431,455	2,911,365	227,897	3,139,262

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

KUMPULAN

**Pada 1 Januari 2019,
dilaporkan sebelumnya**
Pelarasan tahun sebelumnya

**Pada 1 Januari 2019,
dinyatakan semula**
Keuntungan bersih pada tahun semasa
Pendapatan komprehensif lain
pada tahun semasa

** Bagi tahun kewangan 2013, rizab pematuhan diselenggara untuk mengukuhkan penempatan terhadap potensi kerugian kredit, menurut arahan JDPK/8808/13/5/01 Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Februari 2014. Bank mengekalkan, dalam agregat, peruntukan rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, selepas ditolak peruntukan rosotnilai individu.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

BANK

		Milik pemegang ekuiti Bank					
		Tidak boleh diagih			Boleh diagih		
NOTA		Rizab Am RM'000	Rizab Modal* RM'000	Rizab Nilai Saksama RM'000	Rizab Pematuhan** RM'000	Keuntungan Tertahan RM'000	Jumlah Rizab RM'000
Pada 1 Januari 2018, dilaporkan sebelumnya							
		100,000	1,101,240	(15,394)	131,283	1,183,078	2,500,207
Pelarasan tahun sebelumnya	45	—	—	—	—	25,850	25,850
Pada 1 Januari 2018, dinyatakan semula							
		100,000	1,101,240	(15,394)	131,283	1,208,928	2,526,057
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dilaporkan sebelumnya		—	—	—	—	248,197	248,197
Pelarasan tahun sebelumnya	45	—	—	—	—	5,360	5,360
Keuntungan bersih pada tahun semasa, dinyatakan semula		—	—	—	—	253,557	253,557
Pendapatan/(kerugian) komprehensif lain pada tahun semasa		—	—	24,348	—	(25,060)	(712)
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa							
		—	—	24,348	—	228,497	252,845
Dividen dibayar	41	—	—	—	—	(5,000)	(5,000)
Pindahan ke rizab modal		—	136,508	—	—	(136,508)	—
Pada 31 Disember 2018		100,000	1,237,748	8,954	131,283	1,295,917	2,773,902
Pada 1 Januari 2019, dilaporkan sebelumnya							
		100,000	1,237,748	8,954	131,283	1,264,707	2,742,692
Pelarasan tahun sebelumnya	45	—	—	—	—	31,210	31,210
Pada 1 Januari 2019, dinyatakan semula							
		100,000	1,237,748	8,954	131,283	1,295,917	2,773,902
Keuntungan bersih pada tahun semasa		—	—	—	—	308,565	308,565
Pendapatan komprehensif lain pada tahun semasa		—	—	206,310	—	—	206,310
Jumlah pendapatan komprehensif pada tahun semasa							
		—	—	206,310	—	308,565	514,875
Dividen dibayar	41	—	—	—	—	(10,000)	(10,000)
Pindahan ke rizab modal		—	154,282	—	—	(154,282)	—
Pada 31 Disember 2019		100,000	1,392,030	215,264	131,283	1,440,200	3,278,777

* Rizab modal diselenggara selaras dengan keperluan Seksyen 39 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, dengan memindahkan 50% (2018: 55%) daripada keuntungan selepas cukai dan zakat. Keperluan minima bagi peruntukan rizab berkenaan dinyatakan dalam Nota 38(b) (vi).

** Bagi tahun kewangan 2013, rizab pematuhan diselenggara untuk mengukuhkan penampungan terhadap potensi kerugian kredit, menurut arahan JDPK/8808/13/5/01 Bank Negara Malaysia bertarikh 4 Februari 2014. Bank mengekalkan, dalam agregat, peruntukan rosotnilai kolektif dan rizab pematuhan sekurang-kurangnya 1.2% daripada jumlah tunggakan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, selepas ditolak peruntukan rosotnilai inividu.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		BANK	
	2019 RM'000	2018 RM'000 (Dinyatakan semula)	2019 RM'000	2018 RM'000 (Dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Untung sebelum cukai dan zakat	505,213	432,475	445,841	352,427
Pelarasan untuk:				
Pelunasan premium bersih/(pertambahan diskaun)	17,976	(18,677)	17,976	(18,677)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	114,116	106,222	109,871	102,003
Susut nilai aset hak kegunaan	26,137	—	21,485	—
Susut nilai pelaburan hartanah	580	294	580	294
Pelunasan pembayaran pajakan prabayar	1,084	1,088	1,067	1,067
Pelunasan aset tak ketara	9,695	7,053	—	—
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	2,448	3,278	1,118	1,123
Aset tak ketara dihapus kira	1	6,326	—	—
Pelarasan hartanah, loji dan peralatan	5,180	5,019	330	5,019
Keuntungan bersih ke atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(23)	(294)	(21)	(218)
Keuntungan bersih ke atas penamatan aset hak kegunaan	(821)	—	(821)	—
Peruntukan jangkaan kerugian kredit bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(89,242)	(1,134)	(89,242)	(1,134)
Peruntukan hutang ragu ke atas aset-aset lain dimasukkan semula	—	(1,193)	—	(1,193)
Rosotnilai pelaburan dalam syarikat bersekutu	37,384	—	43,368	—
Hutang lapuk dipulih semula	(33,548)	(26,305)	(33,548)	(26,305)
Hutang lapuk dihapus kira	78,064	109,061	78,064	109,061
Bahagian kerugian selepas cukai bagi dalam syarikat bersekutu	20,639	6,275	—	—
Keuntungan/(kerugian) bersih daripada pelaburan sekuriti	(101,037)	470	(89,608)	9,190
Manfaat perubatan selepas persaraan	9,374	9,107	9,374	9,107
Pelarasan manfaat perubatan selepas persaraan	—	124	—	124
Manfaat persaraan/gratuiti	30,698	27,105	30,698	27,105
Manfaat kakitangan jangka panjang lain	1,436	2,595	1,436	2,595
Pendapatan dividen	(8,577)	(4,256)	(6,571)	(2,274)
Penggunaan/(pelunasan) geran kerajaan	450	(3,734)	450	(3,734)
Untung operasi sebelum perubahan modal kerja	627,227	660,899	541,847	565,580
Perubahan dalam deposit dan penempatan dengan bank dan institusi kewangan lain	(70,217)	(89,876)	—	—
Perubahan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	(2,391,305)	(1,235,996)	(2,391,305)	(1,235,996)
Perubahan dalam aset-aset lain	18,344	(47,888)	38,795	(3,032)
Perubahan dalam deposit daripada pelanggan	2,085,930	99,142	2,085,851	99,071
Perubahan akaun pelaburan oleh pelanggan	(256,671)	40,524	(256,671)	40,524
Perubahan dalam deposit dan penempatan oleh bank dan institusi kewangan lain	71,129	1,749,733	71,129	1,749,733
Perubahan dalam liabiliti-liabiliti lain	36,402	(82,704)	12,096	(167,599)
Aliran tunai digunakan dalam operasi	120,839	1,093,834	101,742	1,048,281
Cukai dibayar	(103,586)	(110,018)	(82,686)	(95,443)
Bayaran balik cukai	44,368	38,527	44,368	38,527
Zakat dibayar	(7,483)	(3,766)	(3,890)	(1,145)
Manfaat perubatan selepas persaraan dibayar	(2,068)	(2,005)	(2,068)	(2,005)
Manfaat persaraan/gratuiti dibayar	(11,541)	(14,487)	(11,541)	(14,487)
Manfaat pekerja jangka panjang lain dibayar	(730)	(788)	(730)	(788)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	39,799	1,001,297	45,195	972,940

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		BANK	
	2019 RM'000	2018 RM'000 (Dinyatakan semula)	2019 RM'000	2018 RM'000 (Dinyatakan semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pelaburan dalam subsidiari	—	500	—	500
Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	345	569	138	727
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(123,650)	(153,160)	(110,075)	(135,861)
Pembelian hartanah pelaburan	(1,761)	—	(1,761)	—
Pembelian aset tak ketara	(39,953)	(52,187)	—	—
Pembelian bersih pelaburan sekuriti	(2,718,913)	(2,112,855)	(2,707,484)	(2,100,621)
Dividen diterima	8,577	4,256	6,571	2,274
Penerimaan daripada pelupusan pelaburan sekuriti	2,743,397	1,285,433	2,717,717	1,277,471
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(131,958)	(1,027,444)	(94,894)	(955,510)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	200,000	1,183	200,000	1,183
Pembayaran balik pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	(12,999)	(13,252)	(12,999)	(13,252)
Pembayaran liabiliti pajakan	(22,042)	—	(17,847)	—
Penerimaan geran daripada Kerajaan	150,000	10,000	150,000	10,000
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(10,000)	(5,000)	(10,000)	(5,000)
Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dalam aktiviti pembiayaan	304,959	(7,069)	309,154	(7,069)
PENINGKATAN/(PENURUNAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN	212,800	(33,216)	259,455	10,361
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	675,443	708,659	588,286	577,925
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	888,243	675,443	847,741	588,286
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 3)	888,243	675,443	847,741	588,286
ALIRAN KELUAR TUNAI UNTUK PAJAKAN SEBAGAI PEMAJAK				
Termasuk dalam tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan:				
Pembayaran liabiliti pajakan	(22,042)	—	(17,847)	—
Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan	(22,042)	—	(17,847)	—
PERUBAHAN DALAM LIABILITI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:				
KUMPULAN/BANK	1 Januari 2019 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2019 RM'000
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	33,868	187,001	—	220,869
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	33,868	187,001	—	220,869
KUMPULAN/BANK	1 Januari 2018 RM'000	Aliran Tunai RM'000	Perubahan Bukan Tunai RM'000	31 Disember 2018 RM'000
Pinjaman dan pembiayaan daripada institusi	45,937	(12,069)	—	33,868
Jumlah liabiliti daripada aktiviti pembiayaan	45,937	(12,069)	—	33,868

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting dalam penyata kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Bank Simpanan Nasional ditubuhkan di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974 dan berpangkalan di Malaysia. Pejabat berdaftar dan lokasi utama perniagaan Bank adalah di Wisma BSN, 117, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 terdiri daripada Bank dan subsidiarinya (dirujuk bersama sebagai Kumpulan) dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Penyata kewangan Bank pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 tidak termasuk entiti lain.

Aktiviti utama Bank adalah untuk menjalankan fungsi sebuah bank simpanan iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kepada pelanggan termasuk operasi perbankan Islam.

Aktiviti utama subsidiarinya dinyatakan masing-masing di Nota 8 dan 9 kepada penyata kewangan.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama Bank dan syarikat subsidiari sepanjang tahun kewangan. Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 20 Februari 2020.

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan, Akta Bank Simpanan Nasional 1974, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (DFIA), Garis Panduan/Pekeliling Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan keperluan Syariah, di mana berkenaan.

Berikut adalah MFRS, pindaan MFRS dan tafsiran IC yang telah dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasa oleh Kumpulan dan Bank:

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2020:

- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan – Definisi Perniagaan*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Penyampaian Penyata Kewangan* dan MFRS 108 *Dasar Perakaunan, Perubahan Anggaran dan Kesilapan Perakaunan – Definisi Material*
- Pindaan kepada MFRS 9 *Instrumen Kewangan*, MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* dan MFRS 7 *Instrumen Kewangan – Pendedahan, Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah*

Dikuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai atau selepas 1 Januari 2021:

- MFRS 17, *Kontrak Insuran*

Dikuatkuasa bagi tarikh yang akan disahkan:

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128 *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset Antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Penerangan yang ringkas mengenai MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Tafsiran IC di atas yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

MFRS 17 Kontrak Insurans

MFRS 17 memperkenalkan prinsip perakaunan yang konsisten bagi kesemua kontrak insurans berdasarkan model pengukuran sedia ada. MFRS 17 memerlukan entiti yang mengeluarkan kontrak insurans untuk mengiktiraf dan mengukur Kumpulan kontrak insurans kepada: (i) nilai semasa aliran tunai masa depan dilaraskan oleh risiko yang menggabungkan maklumat yang konsisten dengan maklumat pasaran yang boleh diperhatikan; termasuk (ii) amaun yang mewakili keuntungan belum diperolehi dalam Kumpulan kontrak.

Kesan kewangan yang timbul daripada penggunaan piawaian ini masih dinilai oleh Kumpulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Bank ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan daripada yang dinyatakan dalam Nota 2. Kos sejarah secara umumnya berasaskan nilai saksama pertimbangan yang terlibat dalam pertukaran untuk aset. Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran, tidak kira sama ada harga tersebut boleh diperhatikan dengan terus atau dianggarkan dengan menggunakan teknik penilaian lain. Dalam mengangkar nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan mengambil kira karakter aset atau liabiliti jika peserta pasaran akan mengambil karakter tersebut dalam menentukan harga aset atau liabiliti pada tarikh pengukuran. Nilai saksama untuk pengukuran dan/atau untuk tujuan pendedahan di dalam penyata kewangan disatukan ditetapkan atas dasar tersebut kecuali untuk transaksi pembayaran berasaskan saham yang berada di dalam skop MFRS 2, urus niaga pemajakan yang berada di dalam skop MFRS 117 dan pengukuran yang mempunyai persamaan dengan nilai saksama tetapi bukan dinilai pada nilai saksama, seperti nilai boleh direalisasi dalam MFRS 102 atau nilai digunakan dalam MFRS 136.

Di samping itu, untuk tujuan laporan kewangan, pengukuran nilai saksama dikategorikan kepada Tahap 1, 2 atau 3 berdasarkan tahap input kepada pengukuran nilai saksama yang boleh diperhatikan dan tahap signifikan input kepada pengukuran nilai saksama secara keseluruhan yang diuraikan seperti berikut:

- Input Tahap 1 adalah harga disebut (tidak dilaras) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama di mana entiti boleh mengaksesnya pada tarikh pengukuran;
- Input Tahap 2 adalah input, selain daripada harga disebut yang termasuk dalam Tahap 1, yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung; dan
- Input Tahap 3 adalah input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan mengenal pasti pemindahan antara hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

(c) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Bank dan telah dibundarkan kepada ribu yang terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Dalam penyediaan penyata kewangan, pengurusan dikehendaki membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini. Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam penyata kewangan dalam tempoh di mana anggaran itu disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang rosotnilai.

Bahagian penting penganggaran, ketidakpastian dan pertimbangan kritikal yang digunakan dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan penting dalam menentukan jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan adalah seperti berikut:

(i) Anggaran nilai saksama instrumen kewangan

Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama, di mana nilai saksama tidak boleh diperolehi daripada pasaran aktif, nilai saksama ini ditentukan menggunakan pelbagai teknik penilaian, termasuk penggunaan model matematik. Walaupun Kumpulan dan Bank secara amnya menggunakan model penilaian yang diiktiraf secara meluas dengan input pasaran yang boleh diperhatikan, pertimbangan diperlukan di mana data yang dapat diperhatikan tidak boleh diperolehi. Penghakiman tersebut biasanya menggabungkan andaian bahawa peserta pasaran lain akan menggunakan dalam penilaian mereka, termasuk andaian tentang kadar faedah/keuntungan, kadar pertukaran, volatilities dan bayaran pendahuluan dan kadar ingkar (*default rate*).

(ii) Kerugian rosotnilai ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kerugian rosotnilai yang dikira berasaskan kepada jangkaan kerugian kredit (ECL) model adalah output model yang kompleks dengan beberapa andaian asas mengenai pilihan input pemboleh ubah dan interkebergantungan mereka. Elemen model ECL yang dianggap sebagai pertimbangan dan anggaran perakaunan termasuk:

- Kriteria untuk menilai jika terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit, yang termasuk penilaian kualitatif, untuk menentukan sama ada aset kewangan harus mengambil langkah ke atas dasar ECL sepanjang hayat dan bukan berasaskan 12 bulan
- Segmentasi aset kewangan, apabila ECL mereka dinilai secara kolektif
- Pembangunan model ECL, termasuk pelbagai Formula dan pilihan input
- Penentuan perkaitan antara senario makroekonomi, dan input ekonomi seperti kadar pengangguran dan kadar harga semalaman, dan kesannya pada Kebarangkalian Kemungkinan (PD), Pendedahan Kemungkinan (EAD), dan Rugi Akibat Kemungkinan (LGD)
- Pemilihan senario makroekonomi yang berpandangan ke hadapan dan wajaran kebarangkalian mereka, untuk memperolehi input ekonomi ke dalam model ECL

(iii) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf ke atas kerugian cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara yang boleh ditolak sehingga ke tahap di mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan cukai masa hadapan yang mencukupi boleh diperolehi untuk kegunaan cukai belum guna, elaun modal belum diserap dan perbezaan sementara tersebut. Pertimbangan signifikan oleh pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan tempoh masa yang berkemungkinan dan tahap keuntungan boleh cukai hadapan, bersama-sama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

(iv) Obligasi manfaat persaraan

Nilai kini obligasi pelan manfaat ditentukan bergantung kepada beberapa faktor yang ditentukan menggunakan beberapa andaian.

Andaian yang digunakan untuk menentukan kos bersih manfaat persaraan telah mengambil kira kadar diskaun, kadar inflasi perubahan kadar peningkatan gaji. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada amaun bawaan obligasi pelan manfaat ditentukan.

Kumpulan dan Bank menentukan kadar diskaun yang berpatutan pada setiap akhir tempoh pelaporan. Ia digunakan untuk menentukan nilai semasa anggaran aliran keluar tunai masa hadapan yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi pelan manfaat ditentukan tersebut. Dalam menentukan kadar diskaun yang bersesuaian, Kumpulan dan Bank mengambil kira kadar faedah bagi bon korporat berkualiti tinggi yang dinominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan ianya mempunyai tempoh kematangan lebih kurang sama dengan tempoh obligasi pelan manfaat ditentukan tersebut.

Andaian utama yang digunakan dalam penganggaran obligasi masa hadapan Kumpulan dan Bank yang timbul daripada manfaat perubahan selepas perkhidmatan, manfaat persaraan/gratuiti dan manfaat kakitangan jangka panjang lain masing-masing dinyatakan dalam Nota 19.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(v) Pilihan lanjutan berhubung dengan pajakan

Beberapa pajakan bangunan pejabat mengandungi pilihan berhubung dengan pajakan lanjutan yang dilaksanakan oleh Kumpulan dan Bank sehingga satu tahun sebelum akhir tempoh kontrak yang tidak boleh dibatalkan. Di mana praktikal, Kumpulan dan Bank berusaha untuk memasukkan pilihan lanjutan dalam pajakan baru untuk menyediakan fleksibiliti operasi. Pilihan sambungan yang dipegang hanya dilaksanakan oleh Kumpulan dan pihak Bank dan bukan oleh pemberi pajak. Kumpulan dan Bank menilai dengan pajakan bermula sama ada ianya munasabah untuk melaksanakan pilihan lanjutan. Kumpulan dan Bank memberi jaminan sama ada secara munasabah untuk melaksanakan pilihan jika terdapat peristiwa penting atau perubahan penting dalam keadaan di bawah kawalannya.

(vi) Peruntukan untuk fi wakalah/pembiayaan Akaun Khas Individu (ISA) dan Akaun Unit Perlindungan (PUA)

Peruntukan untuk fi wakalah

Peruntukan telah dibuat untuk merekodkan kerugian masa hadapan yang tertentu, jika ada, kepada Pengendali Takaful yang timbul daripada servis kontrak polisi individu dengan peserta.

a. Produk caruman tunggal

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai kini aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan pada masa hadapan.

b. Produk lain

Peruntukan dianggarkan berdasarkan aliran wang tunai bersih masa hadapan yang didiskaunkan kepada Pengendali Takaful dengan menggunakan kaedah aktuari yang selaras dengan apa yang digunakan bagi bukan unit rizab dalam penanggung insurans hayat konvensional dikenali sebagai kaedah rizab "sterling".

Andaian yang digunakan adalah selaras dengan apa yang digunakan dalam penilaian dana Tabarru' dan andaian perbelanjaan Pengendali Takaful adalah berdasarkan kajian pengalaman Kumpulan.

Pembiayaan untuk ISA dan PUA

Kumpulan menyediakan pembiayaan kepada peserta untuk menyelesaikan caj Tabarru' tertunggak kepada dana takaful keluarga bagi jumlah yang kekurangan dalam dana setiap peserta ISA dan PUA. Peruntukan untuk kerugian rosotnilai dibuat kepada pembiayaan ini dengan menggunakan anggaran nisbah luput bagi sijil-sijil yang terlibat. Selepas pembiayaan, peruntukan untuk kerugian rosotnilai akan dinyatakan semula sehingga jumlah asal dibekalkan untuk sijil peserta yang menambah kekurangan mereka manakala kerugian rosotnilai dihapus kira bagi sijil/manfaat yang luput.

(vii) Takaful

Penghutang takaful diiktiraf apabila terhutang dan pengiktirafan awal diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum diterima. Selepas pengiktirafan awal, penghutang takaful diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar hasil efektif.

Jika terdapat bukti objektif bahawa penghutang takaful rosotnilai, Kumpulan mengurangkan jumlah bawaan penghutang takaful dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosotnilai dalam untung atau rugi. Kumpulan mengumpulkan bukti objektif bahawa penghutang takaful dirosotnilaikan menggunakan proses yang sama bagi aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Kerugian rosotnilai dikira di bawah kaedah sama yang digunakan untuk aset kewangan. Proses-proses ini telah dijelaskan di Nota 2(i)(v). Penghutang Takaful dinyahiktiraf apabila kriteria penyahiktirafan bagi aset kewangan telah dipenuhi.

(viii) Dana takaful am – Peruntukan untuk tuntutan tertunggak

Peruntukan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan adalah berdasarkan anggaran kos muktamad bagi semua tuntutan yang berlaku tetapi tidak diselesaikan pada akhir tempoh pelaporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama-sama dengan tuntutan yang berkaitan dengan kos pengendalian dan pengurangan nilai penyelamatan yang dijangka dan lain-lain pemulihan. Kelewatan boleh berlaku dalam pemberitahuan dan penjelasan dalam beberapa jenis tuntutan. Oleh itu, kos muktamad tuntutan ini tidak boleh diketahui dengan pasti pada akhir tempoh pelaporan. Liabiliti ini dikira pada akhir tempoh pelaporan dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan piawaian aktuari berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang boleh merangkumi margin untuk sisihan negatif. Liabiliti ini tidak didiskaunkan untuk nilai masa wang. Tiada peruntukan untuk rizab penyamaan atau malapetaka diiktiraf. Liabiliti ini tidak lagi diiktiraf apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidakpastian, maka unjuran tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas. Ketidakpastian ini berlaku dari perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (sambungan)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan (sambungan)

(ix) Dana takaful keluarga – Peruntukan untuk tuntutan tertunggak

Bagi perniagaan kumpulan keluarga, peruntukan dibuat bagi kos tuntutan bersama dengan perbelanjaan yang berkaitan dan yang berlaku tetapi tidak dilaporkan bagi kemalangan dan perlindungan kesihatan pada akhir tempoh pelaporan. Kos muktamad bagi tuntutan tertunggak adalah dianggarkan dengan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan piawaian aktuari, seperti Chain Ladder, Bornheutter-Ferguson dan Nisbah Rugi Muktamad oleh aktuari Kumpulan yang berkecuali. Bagi semua unjuran, terdapat unsur-unsur yang tidak menentu maka pengalaman tuntutan masa hadapan mungkin berbeza daripada pengalaman tuntutan sebenar disebabkan tahap ketidakpastian yang terlibat dalam mengunjurkan tuntutan masa hadapan adalah berdasarkan pengalaman tuntutan lepas.

Ketidaktentuan ini berlaku disebabkan perubahan dalam dasar risiko, perubahan dalam penyebaran risiko, masa dan jumlah penyelesaian tuntutan serta ketidakpastian dalam model unjuran dan asas andaian.

(x) Dana takaful keluarga – Rizab aktuari

Liabiliti aktuari bagi produk berkaitan dengan pelaburan dan produk bukan berkaitan dengan pelaburan dikira menggunakan kaedah aliran tunai didiskaun untuk memastikan sebarang aliran tunai negatif masa hadapan akibat kekurangan caj Tabarru' untuk memenuhi jangkaan perbelanjaan manfaat keluar dihapuskan.

Liabiliti takaful keluarga diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan caruman dikenakan.

Liabiliti ini diukur dengan menggunakan kaedah penilaian aktuari prospektif. Liabiliti ini ditentukan sebagai jumlah nilai kini manfaat masa hadapan yang ditolak dengan nilai kini bagi pertimbangan kasar masa hadapan yang timbul daripada sijil yang didiskaunkan pada kadar diskaun risiko yang berseesuaian. Liabiliti ini berdasarkan andaian anggaran terbaik dan dengan mengambil kira pengalaman penting kebelakangan ini. Jumlah yang sesuai bagi peruntukan margin risiko untuk sisihan negatif daripada jangkaan pengalaman dibuat dalam penilaian liabiliti.

Bagi sijil keluarga di mana sebahagian daripada atau keseluruhan caruman terkumpul dalam suatu dana, jumlah yang terkumpul seperti yang diisytiharkan kepada peserta akan ditetapkan sebagai liabiliti. Pensifaran diaplikasi pada peringkat sijil dan tiada sijil dianggap sebagai aset di bawah kaedah penilaian yang diguna pakai.

Pelarasan kepada liabiliti pada setiap akhir tempoh pelaporan adalah direkodkan dalam untung atau rugi. Keuntungan daripada margin sisihan negatif di atas kontrak larian diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang hayat kontrak manakala kerugian diiktiraf sepenuhnya dalam untung atau rugi pada tahun pertama larian.

Liabiliti ini tidak diiktirafkan apabila kontrak luput, ditamatkan atau dibatalkan. Pada setiap akhir tempoh pelaporan, satu penilaian dibuat sama ada liabiliti takaful keluarga yang diiktiraf adalah mencukupi dengan menggunakan ujian kecukupan liabiliti yang sedia ada.

Apa-apa kekurangan direkodkan dalam untung atau rugi dengan penubuhan rizab teknikal bagi kerugian tersebut. Pada tempoh berikutnya, liabiliti bagi suatu blok perniagaan yang telah gagal ujian kecukupan adalah berdasarkan andaian-andaian yang ditubuhkan pada masa pengiktirafan kerugian. Kerugian yang terhasil daripada ujian kecukupan liabiliti boleh ditarik balik dalam tahun-tahun masa hadapan jika rosot nilai tidak lagi wujud.

Sebagaimana dengan semua unjuran, terdapat unsur-unsur ketidakpastian dan oleh itu liabiliti yang diunjurkan mungkin akan berbeza daripada liabiliti yang sebenar disebabkan tahap penting ketidakpastian yang terlibat dalam kadar diskaun yang digunakan dan juga andaian kematian dan kesihatan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah digunakan secara konsisten untuk semua tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini dan telah digunakan secara konsisten oleh entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Berikutan daripada penggunaan MFRS 16, *Pajakan*, terdapat perubahan kepada dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai kepada Kumpulan kontrak pajakan berbanding dengan yang diterima pakai dalam penyata kewangan terdahulu. Kesan yang timbul daripada perubahan didedahkan dalam Nota 44.

(a) Asas penyatuan

(i) Subsidiari dan asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan merangkumi penyata kewangan Bank dan entiti yang dikawal oleh Bank dan subsidiarinya. Kawalan dicapai apabila Bank:

- mempunyai kuasa atas penerima pelaburan;
- terdedah atau mempunyai hak, pulangan berubah-ubah dari penglibatannya dengan menerima pelaburan; dan
- mempunyai keupayaan untuk menggunakan kuasanya untuk memberi kesan kepada pulangan.

Bank menaksir semula sama ada ia mengawal satu penerima pelaburan jika fakta dan keadaan menunjukkan bahawa terdapat perubahan kepada satu atau lebih tiga unsur kawalan yang disenaraikan di atas.

Apabila Bank mempunyai hak mengundi kurang daripada majoriti di dalam penerima pelaburan, ianya mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan apabila hak mengundinya cukup untuk memberikan kebolehan praktikal dalam mentadbir aktiviti relevan penerima pelaburan secara unilateral. Bank mempertimbangkan semua fakta relevan dan keadaan dalam menaksir sama ada hak mengundi Bank dalam satu penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberi ia kuasa, termasuk:

- saiz pegangan hak mengundi Bank berbanding dengan saiz dan penyerakan pemegang pemegang undian yang lain;
- potensi hak mengundi dipegang oleh Bank, pemegang-pemegang undian lain atau pihak lain;
- hak terhasil daripada persetujuan kontrak lain; dan
- mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Bank mempunyai, atau tidak mempunyai, kebolehan untuk mentadbir aktiviti relevan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Penyatuan subsidiari bermula apabila Bank mendapatkan kawalan ke atas subsidiari dan terhenti apabila Bank hilang kawalan terhadap subsidiari itu. Secara khusus, pendapatan dan perbelanjaan dalam subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan di dalam tahun kewangan dimasukkan di dalam untung atau rugi dari tarikh Bank mendapat kawalan sehingga tarikh Bank berhenti mengawal subsidiari.

Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain diagihkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan. Jumlah pendapatan komprehensif subsidiari diagihkan kepada pemilik Bank dan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun menyebabkan keputusan kepentingan bukan kawalan mempunyai baki defisit.

Jika perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan subsidiari dengan melaraskan polisi perakaunan mereka sejajar dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Semua aset dan liabiliti dalam ahli kumpulan, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai yang berkaitan dengan urus niaga di antara ahli-ahli Kumpulan dihapuskan sepenuhnya semasa penyatuan.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam subsidiari yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan Kumpulan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun bawaan bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan dilaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatif dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti pemilikan Bank.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas subsidiari, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi dan dikira sebagai perbezaan di antara:

- a. agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang kepentingan tertangguh; dan
- b. amaun bawaan terdahulu oleh aset (termasuk muhibah) dan liabiliti subsidiari dan sebarang kepentingan bukan kawalan.

Semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain yang berkenaan dengan subsidiari tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau liabiliti yang berkenaan subsidiari (iaitu dikelaskan semula sebagai untung atau rugi dan dipindahkan ke satu lagi kategori ekuiti seperti yang ditetapkan/dibenarkan oleh MFRS). Nilai saksama bagi apa-apa pelaburan tertahan oleh bekas subsidiari pada tarikh apabila kawalan hilang dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal bagi perakaunan berikutnya di bawah MFRS 9, *Instrumen Kewangan* atau, di mana berkenaan, kos pada pengiktirafan awal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(i) Subsidiari dan asas penyatuan (sambungan)

Kombinasi Perniagaan

Pengambilalihan subsidiari dan perniagaan diambil kira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Pertimbangan yang dipindahkan di dalam kombinasi perniagaan ini diukur pada nilai saksama di mana ia dikira sebagai jumlah pengambilalihan pada tarikh nilai saksama aset yang dipindahkan oleh Kumpulan, liabiliti yang ditanggung oleh Kumpulan kepada penerima pemilik aset terdahulu dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan dalam pertukaran untuk kawalan subsidiari yang diambil alih. Kos berkaitan pengambilalihan yang terlibat diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

Pada tarikh pengambilalihan, aset dikenal pasti dan liabiliti yang diambil alih dianggap diiktiraf pada nilai saksama, kecuali:

- aset atau liabiliti cukai tertunda atau aset atau liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan manfaat pekerja adalah diiktiraf dan diukur selaras dengan MFRS 112 *Cukai Pendapatan* dan MFRS 119 *Manfaat Pekerja*;
- liabiliti atau instrumen ekuiti yang berkaitan dengan pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh penerima atau pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh Kumpulan dimasukkan bagi menggantikan pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh penerima yang diukur mengikut MFRS 2 *Pembayaran berasaskan Saham* pada tarikh pengambilalihan; dan
- aset (atau kumpulan penyingkiran) yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan selaras dengan MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Penamatan Kendalian* adalah diukur mengikut Piawaian tersebut.

Muhibah adalah diukur sebagai lebihan jumlah pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan semasa diambilalih, dan nilai saksama kepentingan ekuiti pemeroleh yang sebelum ini diambilalih (jika ada) ke atas amaun bersih pengambilalihan nilai pada tarikh jumlah aset dikenalpasti diambilalih dan liabiliti yang ditanggung. Jika, selepas penilaian semula, jumlah bersih pengambilalihan-tarikh aset dikenalpasti diambilalih dan liabiliti yang ditanggung melebihi jumlah pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan yang diambilalih dan nilai saksama ekuiti pemerolehan yang sebelum ini mempunyai kepentingan dalam syarikat yang diambilalih (jika ada), lebihan tersebut diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi sebagai keuntungan tawaran pembelian.

Kepentingan bukan kawalan adalah kepentingan pemilikan yang hadir dan melayakkan pemegangnya untuk berkongsi satu kadar aset bersih entiti sekiranya berlaku pembubaran yang mungkin pada mulanya diukur sama ada pada nilai saksama atau mengikut bahagian bersekadar dengan kepentingan bukan kawalan melalui jumlah yang diiktiraf daripada aset bersih yang boleh dikenalpasti. Asas pilihan pengukuran dibuat berdasarkan transaksi-transaksi. Lain-lain jenis kepentingan bukan kawalan diukur pada nilai saksama atau, apabila berkenaan, atas dasar yang dinyatakan dalam piawaian MFRS yang lain.

Jika pertimbangan yang dipindahkan oleh Kumpulan dalam penggabungan perniagaan termasuk aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan kontinjen, pertimbangan kontinjen diukur pada nilai saksama semasa tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan kontinjen yang layak ke atas pelarasan tempoh pengukuran diselaraskan secara retrospektif, dengan pelarasan yang sepadan terhadap muhibah. Pelarasan tempoh pengukuran adalah pelarasan yang timbul daripada maklumat tambahan yang diperolehi semasa "tempoh pengukuran" (yang tidak boleh melebihi satu tahun dari tarikh pengambilalihan) mengenai fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan.

Perakaunan yang berikutnya bagi perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang tidak layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran bergantung kepada bagaimana pertimbangan kontinjen diklasifikasikan. Pertimbangan kontinjen yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula pada tarikh laporan berikutnya dan penyelesaian berikutnya adalah diambilkira dalam ekuiti. Pertimbangan kontinjen yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti diukur semula pada tarikh pelaporan berikutnya selaras dengan MFRS 9 *Instrumen Kewangan* atau MFRS 137 *Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka*, sebagaimana yang sesuai, dengan keuntungan atau kerugian sepadan yang diiktiraf dalam untung rugi.

Jika kepentingan ekuiti di mana kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat-peringkat, Kumpulan sebelumnya telah memegang kepentingan ekuiti akan diukur semula pada nilai saksama mengikut tarikh pengambilalihan tersebut (iaitu tarikh apabila Kumpulan mencapai kawalan) dan keuntungan atau kerugian yang terhasil, jika ada, diiktiraf dalam untung rugi. Jumlah yang timbul daripada kepentingan yang diambilalih sebelum tarikh pengambilalihan di mana sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan kepada untung atau rugi, di mana keadaan itu akan menjadi sesuai jika kepentingan itu telah dilupuskan.

Jika permulaan perakaunan bagi penggabungan perniagaan adalah tidak lengkap menjelang akhir tempoh pelaporan di mana gabungan itu berlaku, Kumpulan melaporkan jumlah sementara bagi barangan yang perakaunannya adalah lengkap. Jumlah sementara diselaraskan dalam tempoh pengukuran (seperti di atas), atau aset atau liabiliti tambahan diiktiraf, untuk mencerminkan maklumat baru yang diperolehi tentang fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan itu, jika diketahui, akan merosotnilaikan amaun yang diiktiraf pada tarikh berkenaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(i) Subsidiari dan asas penyatuan (sambungan)

Subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari yang dihapuskan semasa penyatuan, dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai, jika ada, dalam penyata kewangan Bank yang berasingan. Kos pelaburan termasuk kos transaksi.

(ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Keputusan dan aset dan liabiliti syarikat bersekutu diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti, kecuali apabila pelaburan, atau sebahagian daripadanya, diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, di mana ianya akan diambil kira selaras dengan MFRS 5. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan di dalam syarikat bersekutu pada mulanya diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan pada kos dan diselaraskan kemudiannya untuk mengiktiraf untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan ke atas syarikat bersekutu. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu melebihi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada amnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu), Kumpulan tidak meneruskan mengiktiraf bahagiannya dalam kerugian. Kerugian tambahan diiktiraf hanya setakat di mana Kumpulan menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh di mana pelaburan menjadi syarikat bersekutu. Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka bersih yang dikenal pasti adalah mewakili muhibah, di mana ia dimasukkan di dalam amaun bawaan pelaburan. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti ke atas kos pelaburan, selepas penilaian semula, diiktiraf serta merta di dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana pelaburan tersebut diperoleh.

Keperluan MFRS 9, *Instrumen Kewangan* digunakan untuk menentukan sama ada ia perlu untuk mengiktiraf sebarang rosotnilai bagi pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Apabila perlu, keseluruhan amaun bawaan pelaburan (termasuk muhibah) diuji untuk rosotnilai mengikut MFRS 136 *Rosotnilai Aset* sebagai aset tersendiri dengan membandingkan amaun boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos pelupusan) dengan amaun bawaan. Sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf membentuk sebahagian dengan amaun bawaan pelaburan. Sebarang keterbalikan kerugian rosotnilai diiktiraf mengikut MFRS 136 setakat mana amaun boleh pulih pelaburan kemudiannya meningkat.

Kumpulan tidak meneruskan penggunaan kaedah ekuiti dari tarikh pelaburan terhenti menjadi syarikat bersekutu atau apabila pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan. Apabila Kumpulan mengekalkan kepentingan dalam bekas syarikat bersekutu dan kepentingan yang dikekalkan adalah aset kewangan, Kumpulan mengukur kepentingan dikekalkan pada nilai saksama pada tarikh tersebut dan nilai saksama adalah dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal mengikut MFRS 9, *Instrumen Kewangan*. Perbezaan di antara amaun bawaan syarikat bersekutu pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan, dan nilai saksama sebarang kepentingan dikekalkan dan apa-apa hasil daripada melupuskan sebahagian kepentingan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penentuan keuntungan atau kerugian di atas pelupusan syarikat bersekutu. Di samping itu, Kumpulan akan mengambil kira semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berkenaan dengan syarikat bersekutu sama seperti dasar yang akan disyaratkan jika syarikat bersekutu telah secara langsung melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan. Oleh itu, sekiranya keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain oleh syarikat bersekutu akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti. Kumpulan mengklasifikasikan semula keuntungan atau kerugian daripada ekuiti kepada untung atau rugi (sebagai pelarasan klasifikasi semula) apabila kaedah ekuiti dihentikan.

Kumpulan masih menggunakan kaedah ekuiti apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu menjadi satu pelaburan dalam usahasama. Tidak ada pengukuran semula nilai saksama kepada sebarang perubahan dalam kepentingan pemilikan.

Apabila Kumpulan mengurangkan kepentingan pemilikannya dalam syarikat bersekutu tetapi Kumpulan terus menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan mengklasifikasikan semula kepada untung atau rugi bahagian keuntungan atau kerugian yang sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehubungan dengan pengurangan dalam kepentingan pemilikan jika keuntungan atau kerugian akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Apabila sekumpulan entiti berurusan dengan syarikat bersekutu Kumpulan, untung atau rugi dari urusan niaga dengan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan yang disatukan hanya setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu yang tidak berkaitan dengan Kumpulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian bagi setiap entiti dalam Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Pendapatan dan perbelanjaan faedah dan pembiayaan

Bagi semua instrumen kewangan yang diukur pada kos pelunasan dan aset kewangan berfaedah/keuntungan yang diklasifikasikan sebagai pendapatan untuk dijual dan jualan sedia ada, pendapatan dan perbelanjaan untuk faedah dan pembiayaan diiktiraf di bawah pendapatan faedah, perbelanjaan faedah dan pendapatan bersih bagi operasi perbankan Islam masing-masing dalam keuntungan atau kerugian menggunakan kaedah faedah/keuntungan berkesan.

Kaedah faedah/keuntungan berkesan adalah kaedah pengiraan kos pelunasan aset dan liabiliti kewangan dan memperuntukkan pendapatan atau perbelanjaan faedah/pembiayaan sepanjang tempoh yang berkaitan. Kadar faedah/keuntungan efektif ialah kadar yang betul-betul merosot anggaran pembayaran tunai atau resit masa depan melalui jangkaan hayat instrumen kewangan atau tempoh yang lebih pendek, jika sesuai dengan jumlah dibawa aset atau liabiliti kewangan.

Pengiraan ini mengambil kira semua terma kontrak instrumen kewangan tetapi tidak menganggap kerugian kredit masa depan. Bayaran dan kos transaksi yang penting kepada kadar faedah efektif serta premium atau diskaun juga dipertimbangkan.

Bagi aset kewangan yang terjejas di mana nilai aset kewangan telah diturunkan sebagai akibat daripada kerugian kemerosotan nilai, pendapatan faedah/pembiayaan terus diiktiraf menggunakan kadar faedah/keuntungan yang digunakan untuk menolak aliran tunai masa depan bagi tujuan mengukur kerugian kemerosotan.

(d) Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen

Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen yang integral dengan kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif ke atas aset atau liabiliti kewangan dimasukkan dalam pengukuran kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif.

